

"PENUHKAN masa kita dengan perkara-perkara yang diredai oleh Allah. Banyakkan usaha dan rancangan usaha dan rancangan ke arah itu, supaya bertambah-tambah lagi rahmat dan berkat yang kita peroleh." - Titah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 3 Jun 2001.



"DAN perintahkan keluar-gamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menungakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, bahkan Kami yang memberi rezeki kepadamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang bertaqwa." - Surah Thaha ayat 132.

Kesejahteraan, masa depan buruh t-jawab yang amat penting

BERAKAS, 13 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, mengingatkan para Menteri Buruh ASEAN bahawa mereka dipertanggungjawabkan tanggungjawab yang amat penting kerana perkembangan, kesejahteraan dan kepercayaan tenaga buruh di rantau ini adalah terletak di tangan mereka.

faedah sebenar dapat membantu kehidupan seharian mereka.

ASEAN, titah baginda, suatu rantau yang mempunyai kepelbagaian, begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan keperluan-keperluan perburuhan. Para penduduknya mahu kan perhatian khusus dan pengertian yang saksama. Keadaan ini walau bagaimanapun tidak sepatutnya menjadi penghalang tetapi memberikan kekuatan tambahan dalam bentuk kekayaan pengalaman.

Perkongsian semangat kerjasama ASEAN yang telah lama terjalin, titah baginda, bukan sahaja membantu tugas para menteri berkenaan bahkan merupakan suatu sumbangan

Oleh
Abd. Karim HAB

penting dalam pencapaian Wawasan 2020 ASEAN.

Baginda bertitah demikian semasa berkenaan berangkat merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Baginda juga menekankan pentingnya para usahawan dan wanita dilibatkan dalam setiap keputusan para menteri berkenaan dan menjadikan mereka rakan sebenar.

"Jika Tuan-Tuan Yang Terutama mahu melaksanakan dasar-dasar perburuhan di peringkat negara dan serantau dengan ber-

jaya, kerjasama dan penyelesaian yang rapat dengan semua rakan dalam kerajaan dan sektor swasta adalah perlu," titah baginda.

Baginda seterusnya mengongsikan satu perkara baru yang menjadi persoalan di Asia Tenggara iaitu adakah ASEAN mampu menyediakan penduduknya keselamatan yang membolehkan mereka hidup dalam aman, stabil, mempunyai tujuan dan inginkan masa depan yang penuh harapan dan meyakinkan.

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan dalam bulan Mac tahun ini, menurut baginda, baginda telah menekankan

Lihat muka 15



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kemalangan jalan raya mempunyai impak terhadap kesihatan

- Muka 2

Berangkat rasmi Mesyuarat Ke-18 Menteri Buruh ASEAN

- Muka 5

Fokus:

Proses memajukan tanah perlu cepat, berkesan dan sempurna

- Muka 7

Berangkat melawat Mukim Mentiri

- Muka 8 & 9

Empat dikurniakan tauliah Manteri Darat

- Muka 13

Menciplak hak cipta harta intelektual tidak boleh dibiarkan

- Muka 5 ANEKA

TAHUKAH AWDA

'PENGISYTIHARAN Kuala Lumpur' bagi mewujudkan rantau Asia Tenggara sebagai 'Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali' ditandatangani oleh menteri-menteri dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura di akhir Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur pada November 1971. Konsep ini lebih dikenali sebagai ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) (Mokhtar, 1991). - Sumber: Zuhilmi Padi & Asrar Omar, Hubungan Luar Antarabangsa. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. (2003 : 120).

ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA 8 SEPTEMBER



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah



YANG Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia

"Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa insya-Allah dengan

- Profil DYT dan Yang Mulia Dayangku Sarah - muka 4
- Teks pengumuman penuh - muka 4

Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman akan dilangsungkan pada hari Rabu, 8 September 2004.

Pengumuman mengenai istiadat tersebut telah disabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara melalui Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara hari ini.

izin Allah Subhanahu Wataala, Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman akan diadakan,"

Lihat muka 15



19 MEI 2004 BERSAMAAN 1425 ربيع الأول 29

MEMANTAPKAN TENAGA BURUH ASEAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN baru-baru ini bertitah menyarankan dalam usaha untuk melaksanakan dasar-dasar perburuhan baik secara nasional mahupun serantau lebih berjaya, memerlukan kerjasama yang rapat dan penyelarasan yang berterusan dalam sektor kerajaan dan swasta. Dalam memastikan kejayaannya ke arah lebih cemerlang, masyarakat peniaga dan kaum wanita tidak boleh disisihkan dalam merumuskan apa-apa jua dasar buruh kerana kumpulan ini memainkan peranan utama dan perlu dijadikan komponen penting dalam membuat pertimbangan.

Pandangan murni yang baginda lahirkan itu mencerminkan hasrat baginda sebagai seorang pemimpin ASEAN yang benar-benar ingin melihat dan prihatin terhadap tenaga kerja di rantau ini. Perburuhan kini semakin memainkan peranan penting dalam pembangunan negara-negara ASEAN dan juga memberi kesan terhadap kehidupan kepada hampir 500 juta penduduk Asia Tenggara. Kita yakin pandangan baginda setentunya memberikan suatu kekuatan dan keyakinan kepada para Menteri Buruh ASEAN untuk mewujudkan suasana tenaga kerja buruh yang lebih progresif dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang dicetuskan oleh globalisasi.

Kita menyedari bahawa kesan globalisasi dan perubahan dalam pasaran buruh serantau kini mengubah minda masyarakat ASEAN yang tidak hanya bergantung kepada peluang pekerjaan dalam batasan negara mahupun serantau. Inilah cabaran yang dihadapi oleh ASEAN. Ini juga mencerminkan, pekerjaan menjadi jalinan penting dalam mencorakkan nilai moral masyarakat ASEAN. Ke arah itu, setiap warga ASEAN perlu diberikan peluang pekerjaan yang seluas-luasnya, di samping membantu mereka memperoleh kemahiran yang 'up-to-date' dan berdaya saing bagi merebut peluang pekerjaan yang terbuka luas di rantau ini. Perkara ini juga penting kerana ianya menguji kemampuan ASEAN bagi menjamin penduduknya menikmati kehidupan yang stabil, aman dan bermakna agar mereka akan dapat menghadapi masa depan yang lebih yakin dan penuh cita-cita.

ASEAN juga kini mewujudkan kerjasama yang berterusan serta padu dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Kesepakatan telah dicapai untuk lebih menumpukan pada kerjasama terhadap perburuhan. Jalinan kerjasama ASEAN dengan ketiga-tiga negara Asia Timur memberikan kebaikan dan faedah yang banyak kepada ASEAN dalam usahanya untuk memantapkan tenaga kerja buruh di rantau ini, kerana banyak bidang penting yang boleh dipelajari dan dimanfaatkan terutama dalam pelaksanaan Program Kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN.

Dalam Kenyataan Bersama yang dikeluarkan di sini sejurus selepas mesyuarat, para Menteri Buruh ASEAN menegaskan bahawa semua negara rantau ini perlulah melipatgandakan usaha bersungguh-sungguh bagi menghasilkan cara terbaik untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan cara melindunginya bagi menjamin rakyat rantau ini meraih peluang pekerjaan yang lebih baik dan dinamik. Perkara utama yang perlu diwujudkan ialah persekitaran atau 'environment' pekerjaan yang lebih kondusif. Langkah ini perlu diambil bagi mendorong dan sebagai perangsang kepada para pekerja dalam melaksanakan tugas mereka lebih cemerlang untuk terus bersaing dalam pekerjaan global yang dinamik.

Justeru itu, pelaksanaan Program Kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN adalah penting kerana dapat membekalkan peluang yang boleh memperkayakan pekerja dengan pelbagai kemahiran terutama melalui pendidikan teknikal dan vokasional, latihan dan pembangunan kemahiran. Program kerja seumpama itu dapat digunakan untuk merumuskan dan melaksanakan strategi pembangunan sumber manusia yang lebih menyeluruh serta bersepadu untuk memperkembangkan masyarakat ASEAN menghadapi cabaran ekonomi global.

Kita yakin dengan komitmen semua negara anggota ASEAN, pasaran buruh rantau Asia Tenggara akan lebih mampu bersaing. Cuma apa yang perlu kesanggupan dan kesediaan warga rantau ini untuk memiliki kemahiran tinggi terutama sekali dengan wujudnya perubahan teknologi dan juga perlumbaan dalam pasaran global. Keyakinan kita terhadap perburuhan lebih menggalakkan dengan adanya pelan kerja dalam Inisiatif Integrasi ASEAN (IAI) yang turut merangkumi pelaksanaan program pembangunan sumber manusia. Pencapaian kejayaannya akan dapat merealisasikan Wawasan ASEAN 2020 yang dicita-citakan oleh para pemimpin ASEAN.

HALUAN...

Kemalangan jalan raya mempunyai impak terhadap kesihatan awam

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita beramai-ramai hadir di majlis yang berkebakikan ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia Tahun 2004 kerana menjemput saya hadir bagi melancarkan majlis pada hari ini.

Saya telah difahamkan bahawa Hari Kesihatan Sedunia tahun ini mengutarakan tema mengenai Keselamatan Jalan Raya. Tema ini adalah bertepatan dengan keadaan masa ini di mana bilangan kenderaan bermotor telah semakin bertambah dan jumlah kemalangan dan kecederaan juga turut meningkat.

Perkara ini adalah sangat membimbangkan. Meningkatnya kemalangan jalan raya dan kes kecederaan mungkin disebabkan kebanyakan orang beranggapan kemalangan tidak dapat di-



SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Majlis Pelancaran Hari Kesihatan Sedunia 2004 pada hari Rabu, 7 April 2004 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

hindarkan. Akan tetapi, banyak risiko yang berhubung kait dengan kemalangan jalan raya dapat diawal dan kebanyakan kemalangan dan kecederaan dapat dicegah. Sebilangan besar masyarakat juga tidak menyedari setakat mana kesan dan impak bahaya dari kemalangan jalan raya itu.

Mangsa kemalangan bukan sahaja melibatkan kehilangan jiwa atau menerima kecacatan dan kecederaan, tetapi juga akan melibatkan kesan fizikal, psikologikal, sosial dan kesihatan kepada keluarga, sahabat handai, pejabat, tempat bekerja atau tempat belajar. Selain dari itu ianya juga memberi bebanan kos kepada masyarakat dan negara dari segi

perbelanjaan rawatan, pemulihan, bantuan kecacatan, kos insurans serta mahkamah dan sebagainya.

Tema Hari Kesihatan Sedunia ini memberi peluang bagi kita untuk meningkatkan kesedaran dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemalangan dan kecederaan. Alhamdulillah, di negara ini saya difahamkan Majlis Keselamatan Jalan Raya telah merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dan langkah ke arah penyelesaian pengguna dan keselamatan di jalan raya. Walau bagaimanapun, kita sebagai pengguna jalan raya sepatutnya mempertingkatkan lagi usaha bagi mengurangkan kadar kemalangan, ke-

matian, kecacatan dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di masa depan.

Pada hemat saya, pencegahan kemalangan jalan raya adalah amat penting dan mempunyai impak terhadap kesihatan awam yang mana perlu diberi keutamaan oleh semua pihak berkenaan. Usaha hendaklah dipergiatkan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai untuk mengambil perhatian berat terhadap keselamatan jalan raya terutamanya kesannya kepada kesihatan dan bebanan yang akan dihadapi.

Dalam memastikan keselamatan jalan raya, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan keselamatan yang sedia ada hendaklah dipertingkatkan seperti keperluan penggunaan tali pinggang atau topi keledar, kerusi keselamatan kanak-kanak, tegahan penggunaan telefon bimbit seperti yang disarankan, pengawalan had laju dan sebagainya. Di samping itu, mana-mana undang-undang dan peraturan yang telah lama sepatutnya diteliti semua untuk dikemaskinikan.

Selain dari itu, reka bentuk dan infrastruktur jalan raya hendaklah dipastikan mempunyai piawaian keselamatan yang tinggi. Semua kenderaan bermotor juga perlu memenuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan, sama ada yang baru dan yang lama, termasuk pemasangan tali pinggang keledar dan peralatan keselamatan asas yang lain.

Dalam kesempatan ini, saya ingin berseru kepada semua pengguna jalan raya

supaya berkongsi tanggungjawab dan berhati-hati serta bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam memastikan keselamatan.

Dalam memastikan keselamatan kanak-kanak, para ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak mereka dipasangkan tali pinggang keledar dan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak, walaupun bagi perjalanan yang dekat. Sekoiah-sekolah juga mempunyai peranan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak di persekitaran sekolah supaya mereka itu tidak bermain atau berkeliaran di jalan raya yang sibuk dan supaya mereka sentiasa dinasihatkan untuk menyeberangi jalan raya dengan cara yang selamat.

Dengan langkah-langkah yang disebutkan tadi, insya-Allah kita akan dapat sama-sama mengurangkan kemalangan dan kecederaan jalan raya di negara kita ini dan dengan adanya kerjasama semua pihak.

Saya berharap dan berdoa semoga Hari Kesihatan Sedunia tahun ini akan mencapai matlamat yang dihasratkan bagi meningkatkan kesedaran dan langkah-langkah keselamatan jalan raya ke arah pengurangan kemalangan dan kecederaan.

Dengan mendahului kalimat 'Bismillahir Rahmanir Rahim', saya dengan amat sukacita merasmikan pelancaran Hari Kesihatan Sedunia Tahun 2004 bagi Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahi Tawfiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Mulia Raja Harald V, Raja Negara Norway dan kepada Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana

Menteri Negara Norway sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway. Baginda percaya hubungan ini akan dapat dikekalkan lagi pada tahun-tahun akan datang ini pada peringkat

dua hala dan pelbagai hala.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Norway akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana

Menteri Negara Norway, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Norway sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway.

Baginda seterusnya percaya dengan keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana Menteri Negara Norway dan rakyat Negara Norway akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Berangkat menyempurnakan penyampaian hadiah PRYNOSA



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada wakil pasukan Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang menjuarai PRYNOSA Ke-6. - Gambar oleh Hamadi HM

BERAKAS, 15 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan berangkat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang Anugerah Saintis Muda Alam Semula Jadi Puteri Rashidah (PRYNOSA) Ke-6, hari ini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia juga selaku Penaung Diraja PRYNOSA di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijunjung oleh Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh.

Majlis bermula bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Dimulia-

Oleh
Samle HJ

kan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pemangku Pengarah Perhutanan dalam sembah alu-aluannya menyentuh mengenai perkembangan yang dicapai dalam Program PRYNOSA sejak ditubuhkan pada tahun 1997.

Katanya, pemenang dan naib juara PRYNOSA Ke-5 tahun lalu terus mencapai kejayaan di pertandingan antarabangsa di Malaysia sekali gus membuktikan PRYNOSA yang dikendalikan di negara ini juga setaraf di peringkat antarabangsa.

Menurutnya setiap tahun sekolah menengah di seluruh negara telah dijemput untuk menghantar proposal bagi projek-projek yang dikendalikan bagi dihakimkan, bagaimanapun hanya lima buah sekolah dipilih untuk peringkat akhir.

Kemudian Yang Teramat Mulia berkenan menyampaikan hadiah kepada Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang menjuarai pertandingan itu.

Projek kaji selidik hubungan ekologi di antara tumbuhan 'Lianas' dan pokok-pokok hutan yang banyak terdapat di negara ini berjaya merebut hadiah wang tunai \$3,000.00 berserta piala pusingan.

Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna yang menduduki tempat kedua menerima hadiah \$2,000.00 dan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar pula menerima \$1,000.00.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah dan seterusnya dijunjung menyaksikan pameran hasil kaji selidik dan pembelajaran sains yang ditemui oleh pelajar PRYNOSA merupakan program di bawah Jabatan Perhutanan dengan matlamat menyuntik semangat kecemerlangan di kalangan generasi muda khususnya di bidang alam semula jadi.

Peraduan anjuran bersama Syarikat Minyak Brunei Shell menarik minat 21 peserta sekolah-sekolah menengah di negara ini.

Lima buah sekolah yang berjaya ke peringkat akhir ialah Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah PAP Hajah Masna, Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja, Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Sejak PRYNOSA dianjurkan, Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar telah menjuarai pertandingan PRYNOSA 1, 3 dan 5.

Sementara PRYNOSA 2 dan PRYNOSA 4 masing-masing telah dimenangi oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

BICARA IT

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA

SEPERTI yang diketahui Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara berperanan dalam 'Menjamin pembekalan beras dan gula serta memperluaskan penggunaan Teknologi Maklumat (IT) di sektor awam untuk mempertingkatkan produktiviti kerja'.

Dalam Bicara IT ini kita hanya akan menyentuh mengenai peranan jabatan ini dalam memberikan khidmat bagi menyebarkan penggunaan IT dalam agensi-agensi kerajaan. Antaranya memberi khidmat konsultasi dan bantuan teknikal serta mengenal pasti, meneliti dan menilai projek-projek IT yang diperlukan.

Jabatan ini juga berperanan merancang dan menyelaras pembekalan, pemasangan, penyediaan dan pemeliharaan sumber-sumber IT, di samping mereka bentuk dan memperkembangkan perisian serta melaksanakan pemasangan sistem-sistem aplikasi yang teras dan mustahak.

Pada masa yang sama jabatan ini juga meneliti, mengendalikan pembekalan dan pemeliharaan komputer peribadi, peralatan (perabot) serta perkakas (mesin) pejabat termasuk mengurus kajian audit dalaman dan membentuk piawaian kawalan mengenai teknologi maklumat.

Ada baiknya kita mengimbas perancangan bagi perkembangan IT yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini iaitu Perancangan Strategik Teknologi Maklumat yang dibuat atas inisiatif dan kebenaran Kementerian Kewangan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam. Juga termasuk dalam perancangan itu ialah Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Latihan.

Ia merupakan satu langkah strategik jangka panjang dan merupakan program induk untuk membangunkan IT peringkat nasional yang 'cost effective' dan bersepadu bagi menangani isu-isu utama dalam pembangunan IT di negara ini secara lebih spesifik dan fokus. Ia perlu dalam mencorak rancangan masa depan IT negara ini untuk memasuki abad ke-21.

Perlaksanaan Projek Perancangan Strategik IT ini meliputi empat fasa. Fasa Pertama (Januari hingga Mac 1997), menghasilkan laporan 'interim' yang mengandungi draf wawasan, misi dan matlamat, target, objektif, strategi-strategi dan 'critical success factors'. Fasa Kedua (April hingga Jun 1997) melaksanakan kaji selidik mengenai perancangan IT dalam sektor perkhidmatan awam dan sektor swasta.

Fasa Ketiga (Julai hingga September 1997) pula menganalisa maklum balas yang diterima dari kaji selidik manakala Fasa Keempat (Oktober hingga Disember 1997) menyediakan laporan akhir. Laporan akhir penerangan strategik IT melalui Fasa Empat telah dihadapkan kepada Kementerian Kewangan bagi pertimbangan lanjut pada bulan Februari 1998.

Sejarah ringkas mengenai Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara bermula dengan tertubuhnya Bahagian Stor Negara yang merupakan cawangan Stor Jabatan Kerja Raya ditempatkan di Jalan Tasek Lama bagi barangan am dan alat ganti, sementara cawangan Stor Jabatan Pertanian bagi beras bertempat di gudang berdekatan Dermaga Pelabuhan Bandar Brunei pada ketika itu. Pada tahun 1953 Jabatan Stor Negara ditubuhkan dan seterusnya menjadi Jabatan Stor dan Perbekalan Negara pada tahun 1968.

Sementara itu bagi IT, percantuman bermula dengan wujudnya Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Kewangan melalui pemindahan Bahagian-bahagian Perkhidmatan Komputer Agensi Pelabuhan Brunei, Jabatan Perbendaharaan dan Unit Perancangan Ekonomi pada 1 Januari 1993.

Setahun selepas itu pada 1 Januari, Unit Mesin dan Perkakas Pejabat Jabatan Perbendaharaan juga telah dipindah ke Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Kewangan. Pada 15 Januari 1996, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara telah ditubuhkan hasil percantuman Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Kewangan dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara melalui Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bilangan 5/1995. (Kelolaan: Sahari Akim dan Siti Aishah Haji Selamat / Sumber: Laman Web Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara).

Didakwa kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, bekas Menteri Pembangunan dan Pengarah Urusan Ted Sendirian Berhad, Wong Tim Kai telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) dan Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).

Menurut siaran akhbar Biro Mencegah Rasuah hari ini, Yang Amat Mulia dan Wong Tim Kai masing-masing menghadapi sepuluh (10) pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah dan tujuh (7) pertuduhan di bawah Kanun Hukuman Jenayah.

Di dalam 10 pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) dari Akta Pencegahan Rasuah, YAM sebagai Menteri Pembangunan telah didakwa:

1. Bersetuju untuk menerima suapan berupa sebuah rumah.

2. Menerima suapan sebanyak \$465,000.00.

3. Menerima suapan berupa sebidang tanah dengan keluasan 1.752 hektar.

4. Bersetuju untuk menerima suapan lapan (8) buah rumah kediaman.

5. Menerima suapan sebanyak \$150,000.00 sebagai wang cagaran bagi pembelian satu lot tanah di Kampong Kaiok.

6. Menerima suapan berbentuk surat jaminan (letter of guarantee as a security) bagi pinjaman sebanyak \$1,350,000.00 dari sebuah bank.

7. Menerima suapan berbentuk wang cagaran sebanyak \$50,000.00.

8. Bersetuju untuk menerima suapan bagi jaminan pinjaman di sebuah bank.

9. Menerima suapan berjumlah \$3,928,322.11 sebagai pembayaran balik kepada pinjaman dari sebuah bank, dan

10. Bersetuju untuk menerima suapan untuk anak perempuannya iaitu tidak membayar harga penuh sebuah rumah kedai.

Sementara tujuh (7) pertuduhan di bawah Seksyen 165 dari Kanun Hukuman Jenayah, YAM sebagai Menteri Pembangunan telah didakwa:

1. Bersetuju menerima sebuah rumah.

2. Menerima wang sebanyak \$465,000.00

3. Bersetuju menerima sebidang tanah dengan keluasan 1.752 hektar.

4. Bersetuju menerima lapan (8) buah rumah kediaman.

5. Menerima bagi dirinya satu benda berharga berupa pembayaran balik pinjaman bernilai

\$3,928,322.11 kepada sebuah bank.

6. Menerima satu benda berharga berupa 'a letter of guarantee' sebagai jaminan kepada pinjaman sebanyak \$1,350,000.00 dari sebuah bank.

7. Bersetuju menerima sebuah rumah kedai bagi anak perempuannya YAM.

Menurut siaran itu semua kesalahan-kesalahan di atas didakwa dilakukan antara bulan Julai 1992 dan bulan Mei 2001.

Manakala Wong Tim Kai telah didakwa atas 10 pertuduhan di bawah Seksyen 6 (b) dari Akta Pencegahan Rasuah (Penggagal 131) kerana dan bersetuju memberi suapan kepada YAM Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail berkaitan dengan 10 pertuduhan yang telah dikemukakan ke atas YAM. Beliau juga didakwa atas 7 pertuduhan di bawah Seksyen 165 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22) kerana memberi dan bersetuju memberi benda berharga kepada YAM berkaitan dengan 7 pertuduhan yang telah dikemukakan kepada YAM.

Mahkamah telah membebaskan YAM dan Wong Kim Tai dengan ikat jamin masing-masing sebanyak \$100,000.00 atau dua orang penjamin tempatan dengan nilai \$50,000.00 setiap seorang. Mahkamah juga mengarahkan pasport-pasport mereka ditahan.

Kes-kes ini akan disebut lagi pada 27 Mei jam 3.00 petang.





PROFIL DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH DAN YANG MULIA DAYANGKU SARAH BINTI PENGIRAN SALLEH AB RAHAMAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diputerakan di Bandar Seri Begawan pada 17 Februari 1974.

PINGAT

Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B); Pingat Hassanah Bolkiah Sultan (P.H.B.S).

PENDIDIKAN

Pendidikan Duli Yang Teramat Mulia bermula pada awal usia di Sekolah Putera-Puteri di Istana Darul Hana. Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya memasuki Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan telah lulus dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate pada tahun 1988 dan Brunei Cambridge General Certificate of Education Peringkat Biasa (O Level) pada tahun 1991. Duli Yang Teramat Mulia meneruskan pengajiannya di Maktab Duli Pengiran Muda Al-

Muhtadee Billah dan telah lulus dalam peperiksaan General Certificate of Education (Cambridge) Peringkat 'A' pada tahun 1994.

Duli Yang Teramat Mulia juga menghadiri kuliah di Universiti Brunei Darussalam dan seterusnya memulakan pengajian sebarang laut dalam bidang 'Pengajian Islam' di Oxford Centre pada Oktober 1995. Pada tahun seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia berjaya melayakkan diri untuk mengikuti Oxford University's Foreign Service Programme di Magdalen College dan menerima ijazah dalam tahun 1997. Duli Yang Teramat Mulia menerima Diploma dalam bidang 'Diplomatic Studies' pada 3 Ogos 1998 dalam Majlis Konvokesyen Khas di Bandar Seri Begawan.

Di sepanjang pengajian akademik, Duli Yang Teramat Mulia bukan sahaja tekun dalam pengajian akademik dan kegiatan luar, akan tetapi Duli Yang Teramat Mulia juga meluangkan masa dan perhatian terhadap pelajaran agama serta perkara-perkara berkaitan dengan kesejahteraan dan keislaman. Dalam tahun 1998, Duli

Yang Teramat Mulia telah khatam bacaan Al-Quran dan Surah-surah Lazim dan juga mempelajari pelbagai aspek pengajian Islam melalui guru-guru terpilih.

KARIER

Duli Yang Teramat Mulia telah dimasyhurkan menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 10 Ogos 1998.

Dalam mempersiapkan sebagai pemimpin masa hadapan dan ketua negara, Duli Yang Teramat Mulia telah pun menjalani penempatan di pelbagai agensi-agensi kerajaan dan juga di sektor swasta iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh dan DataStream Technology Communications (DST) iaitu sebuah syarikat telefon bimbit. Pada masa ini Duli Yang

Teramat Mulia sedang menjalani penempatan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Penempatan tersebut adalah dimaksudkan untuk memberi pendedahan yang meluas terhadap perjalanan dan pentadbiran negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menganugerahkan pangkat Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada Duli Yang Teramat Mulia pada 25 Mac 2004.

AKTIVITI

Duli Yang Teramat Mulia meminati sukan snuker, boling, badminton dan bola sepak. Duli Yang Teramat Mulia juga menyertai pelbagai kejohanan snuker dan badminton dan pernah mewakili negara di Sukan SEA dalam acara Biliard dan Snuker. Duli Yang Teramat Mulia juga mempunyai kelab bola sepak sendiri yang digelar DPMM F.C., yang menyertai liga bola sepak 'semi-profesional' tempatan dan mewakili negara dalam pelbagai kejohanan antara kelab serantau.

YANG Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman dilahirkan pada 9 April 1987 di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Bandar Seri Begawan. Yang Mulia Dayangku Sarah adalah anak bungsu dari tiga adik-beradik di dalam keluarga Pengiran Salleh Ab Rahaman bin Pengiran Haji Damit dan Rinawaty binti Abdullah @ Suzanne Rahaman Aebly. Kedua-dua abang beliau ialah Awangku Irwan dan Awangku Adrian.

Pendidikan Yang Mulia Dayangku Sarah bermula dalam tahun 1993 pada usia enam tahun di Sekolah St. Andrew di mana dalam tahun 1998, Yang Mulia Dayangku Sarah telah lulus 'Primary Certificate of Education' dengan keputusan yang cemerlang.

Yang Mulia Dayangku Sarah kemudian melanjutkan pengajiannya di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan telah lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) pada tahun 2001 dan Brunei Cambridge General Certificate of Education Peringkat Biasa (O Level) pada

tahun 2003.

Pada masa ini Yang Mulia Dayangku Sarah masih menuntut di maktab yang sama dalam pengajian pra-universiti.

Selain dari mata pelajaran wajib, Yang Mulia Dayangku Sarah juga mempelajari 'French Studies' dan berjaya memperoleh gred yang baik.

Yang Mulia Dayangku Sarah bukan sahaja mendapat pujian dari guru-guru dalam bidang akademik tetapi juga penglibatan sukan dan larian amal.

Beliau amat dikenali di kalangan guru dan kawan-kawan kerana kesopanan, kepintaran dan tabiat positif terhadap kerja dalam semua bidang.

Yang Mulia Dayangku Sarah adalah penggemar sukan bola keranjang dan juga aktif dalam kegiatan luar. Beliau pernah mengambil bahagian dalam larian amal yang dianjurkan oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Beliau juga pernah menyertai kedua-dua ibu bapa dan abang beliau dalam Ekspedisi Antarabangsa Pacuan Empat Roda ke China dan Mongolia dari 7 hingga 23 Mei 2002.

TEKS PENUH PENGUMUMAN ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA ANTARA DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH DENGAN YANG MULIA DAYANGKU SARAH BINTI PENGIRAN SALLEH AB RAHAMAN YANG TELAH DISABDAKAN OLEH YANG AMAT MULIA PENGIRAN LELE CHETERIA SAHIBUN NAJABAH PENGIRAN ANAK HAJI ABDUL AZIZ, YANG DIPERTUA ADAT ISTIADAT NEGARA PADA HARI SABTU, 25 RABIULAWAL 1425 BERSAMAAN 15 MEI 2004.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aala-
meen, Wassalaatu Wassalamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhyammaddin,
Walla Aalihee Wasahbihee
Ajma'een.



Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman akan diadakan.

Majlis-majlis bagi Istiadat Perkahwinan Diraja ini akan dimulai dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga yang akan diadakan pada hari Khamis, 10 Rejab 1425 Hijrah bersamaan 26 Ogos 2004 Masihi dan Majlis Istiadat Bersanding Diraja akan diadakan pada hari Rabu 23 Rejab 1425 Hijrah bersamaan 8 September 2004 Masihi.

Sehubungan dengan itu,

pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebuah Jawatankuasa Tertinggi Bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman telah pun dibentuk.

Jawatankuasa berkenaan telah pun bersidang pada hari ini yang mana antara lainnya telah melantik beberapa jawatankuasa kerja bagi membantu melaksanakan persiapan-persiapan Istiadat Perkahwinan Diraja tersebut.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu-
laikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Istiadat Perkahwinan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah dengan Yang Mulia Dayangku Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman telah diadakan di Lapau di ibu negara di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara.

Jawatankuasa berkenaan yang bersidang hari ini antara lainnya telah melantik beberapa jawatankuasa kerja bagi

membantu melaksanakan persiapan-persiapan istiadat tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat telah menghadiri mesyuarat berkenaan.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bagi Istiadat Perkahwinan Diraja yang diadakan di Lapau. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Berkenan rasmikan Mesyuarat Ke-18 Menteri Buruh ASEAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar kenangan bersama Menteri-menteri Buruh ASEAN.

Liputan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO
dan Hamadi HM

BERAKAS, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.

Sejurus berangkat tiba di Dewan Persidangan, Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan diikuti titah perasmian mesyuarat berkenaan.

Baginda kemudian berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama para

menteri berkenaan sejurus sebelum berangkat balik.

Mesyuarat yang diadakan setiap dua tahun itu berlangsung selama dua hari di Empire Hotel and Country Club.

Di antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat itu ialah menilai perkembangan projek-projek perburuhan yang terkandung dalam Program Kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN ke arah merealisasikan kenyataan visi dan misi Menteri-menteri Buruh ASEAN.

Semasa mesyuarat itu, para Menteri Buruh ASEAN juga akan mengadakan mesyuarat dengan rakan-rakan dialog iaitu China, Jepun dan Republik Korea bagi meluaskan lagi kerjasama dalam bidang perburuhan yang sudah wujud dalam memudahkan cara pelaksanaan program kerja untuk menghadapi ekonomi global yang semakin mencabar.

Mesyuarat itu didahului Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN Ke-3 yang diketuai oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan melancarkan perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 (kiri). Sementara gambar kanan, keberangkatan tiba baginda dijunjung dan dialu-alukan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.



merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.

Ini adalah kali kedua Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN. Kali pertama Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ialah pada bulan November 1986 semasa Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-6.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama seorang Menteri Buruh ASEAN.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bersama sebahagian Menteri Buruh ASEAN (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian para pegawai kanan kerajaan yang menghadiri majlis berkenaan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large (tiga dari kanan) berkenan berangkat di Majlis Merayakan Ulang Tahun Ke-20 Hubungan Diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Jepun. - Gambar oleh Hamadi HM.



DALAM tahun 70-an dan 80-an, tambatan berdekatan Pos Kawalan Imigresen dan Kastam Diraja merupakan salah satu kemudahan utama bagi para penduduk Kampong Ayer yang bertugas di darat atau

membeli barang keperluan di kedai-kedai di Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan). Di tambatan inilah, biasanya mereka meninggalkan motobot dan perahu mereka semasa menjalankan urusan masing-masing. Sesuai dengan perubahan masa, kawasan berkenaan kini berubah wajah dengan kemudahan tangga konkrit. - Sumber: PELITA BRUNEI, 6 September 1967. Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei. Bandar Brunei: Percetakan Bintang. (1967 : 2).



MESYUARAT Ke-8 Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Perjanjian Alam Sekitar Berbagai Hala (AWGMEA) yang dipengerusikan oleh Encik Loh Ah Tuan, Ketua Pengarah Agensi Alam Sekitar Nasional, Republik Singapura. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

Mesyuarat Ke-8 AWGMEA

BERAKAS. 4 Mei. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Perjanjian Alam Sekitar Berbagai Hala (AWGMEA) yang berlangsung selama dua hari bermula 4 dan 5 Mei 2004 di Hotel Orchid Garden di sini.

Mesyuarat itu dihadiri oleh para perwakilan dari negara-negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau yang terdiri Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Institut Teknologi Alam Sekitar Serantau (RIET).

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Encik Loh Ah Tuan selaku Ketua Pengarah Agensi Alam Sekitar Nasional, Republik Singapura, sementara delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Mohd. Zakaria bin Haji

Serudin.

Beberapa perkara dibincangkan di mesyuarat berkenaan, berhubung perjanjian-perjanjian alam sekitar pelbagai hala iaitu Konvensyen Basel Mengenai Pengawasan Pergerakan Sisa-sisa Berbahaya dan Pelupusan, Protokol Montreal Mengenai Bahan-bahan Yang Merusakkan Lapisan Ozon dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim.

Manakala Konvensyen Rotterdam Mengenai Prosedur Kebenaran Awal Bagi Kimia-kimia Berbahaya dan Racun Serangga Tertentu Di Dalam Perdagangan Antarabangsa dan Perjanjian Mengenai Perlaksanaan Tindakan Antarabangsa Tentang Bahan-bahan Pencemaran Organik Yang Tahan Lama, juga turut dibincangkan.

Untuk itu, negara-negara ahli ASEAN juga akan berkongsi maklumat mengenai perkembangan

terkini dan membincangkan persefahaman ASEAN mengenai kesudahan persidangan-persidangan ahli atau mesyuarat-mesyuarat yang telah dan akan berlangsung mengenai perjanjian-perjanjian berkaitan alam sekitar serta berkongsi pengalaman negara masing-masing di dalam melaksanakan perjanjian-perjanjian antarabangsa tersebut.

Selain itu, mesyuarat akan membincangkan pelaksanaan beberapa inisiatif dan projek-projek kumpulan kerja berkenaan yang bertujuan untuk meningkatkan kemampuan negara-negara ahli ASEAN di dalam melaksanakan kehendak perjanjian-perjanjian alam sekitar pelbagai hala itu.

Sebelum ini, mesyuarat kali ke-7 telah berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan Mac 2003 lalu, dengan mencapai beberapa pencapaian signifikan dalam arena kerjasama alam sekitar antarabangsa.

Oleh
Siti Aishah HS

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

(Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan)

BAHAGIAN II

Bil	Perkhidmatan	TPOR
1.	Membuka pendaftaran menukarkan fardu haji seluruh negara	* Bagi Daerah Brunei dan Muara Pendaftaran dibuka selama tiga (3) bulan setengah bermula setelah 14 Safar (dalam masa dua (2) minggu setelah permakluman dibuat). - Jabatan Urusan Haji - Masjid-masjid terpilih (Dibukakan hanya setengah hari bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi). * Bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong Pendaftaran dibuka dalam tempoh dua (2) bulan setengah.

BERAKAS. 5 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda hubungan diplomatik yang terjalin antara Negara Brunei Darussalam dengan Jepun melambangkan hubungan yang baik bagi kedua-dua buah negara.

Hubungan baik tersebut sabda Yang Teramat Mulia telah membuka ruang untuk mengimbas kembali pencapaian yang lalu, mengukuhkan kerjasama masa kini dan merancang kursus masa hadapan bagi hubungan yang lebih kukuh.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersabda di Majlis Merayakan Ulang Tahun Ke-20 Hubungan Diplomatik Brunei Darussalam dan Jepun berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Sejak tahun 1984 hubungan tersebut telah berkembang sehingga menjadi sahabat dan rakan kongsi yang penting malah hubungan rapat peribadi antara ahli kerabat diraja serta meningkatnya hubungan pegawai-pegawai kanan dan individu telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala tersebut.

Oleh
Abu Bakar HAR

but, di samping adanya kerjasama dalam pelbagai bidang.

Malah yang lebih bernilai, sabda Yang Teramat Mulia, Jepun merupakan rakan perdagangan yang penting di samping pelabur terbesar di negara ini.

Menyentuh mengenai sektor gas dan minyak yang merupakan sumber ekonomi dan strategik penting kepada kedua-dua buah negara, Yang Teramat Mulia bersabda tahun 1972 merupakan detik penting apabila kedua-dua buah negara sepakat menandatangani kontrak 20 tahun antara Brunei LNG dan Tokyo Electric, Tokyo Gas dan Osaka Gas Companies.

Malah perjanjian tersebut telah diperbaharui pada tahun 1993 apabila penandatanganan perjanjian bagi melanjutkan penjualan dan pembelian telah dicapai dan penghantaran kapal yang mengandungi gas cecair asli ke Jepun meningkat kepada 200 setahun.

Jumlah eksport tersebut

menunjukkan Negara Brunei Darussalam merupakan pembekal paling lama minyak mentah kepada Jepun dengan kadar eksport kira-kira 15 peratus daripada keseluruhan pengeluaran minyak negara.

Namun pada jumlah keseluruhan eksport Negara Brunei Darussalam kepada Jepun telah meningkat apabila pada tahun 2002 mencatatkan \$2.7 bilion kepada \$3.15 bilion pada tahun 2003.

Menyentuh dalam bidang pendidikan pembangunan sumber manusia Yang Teramat Mulia menghargai sokongan berterusan Jepun dalam menyediakan biasiswa dan latihan kepada penduduk di negara ini serta perkara ini telah memberi faedah kepada rakyat Brunei Darussalam untuk meningkatkan pengetahuan baru, kepakaran dan pengalaman-pengalaman dari Jepun.

Manakala dalam bidang kebudayaan Yang Teramat Mulia menyatakan pelbagai aktiviti budaya dan seni Jepun yang diadakan di negara ini dapat membantu membina hubungan yang baik kepada rakyat dan kedua-dua buah negara, di samping kesediaan Brunei Darussalam dalam penyertaan ekspedisi dunia di Aichi pada tahun hadapan.

Dalam proses pemelabagaan ekonomi, Negara Brunei Darussalam mengahayakan penyertaan Jepun terutama dalam pelaburan dalam sektor-sektor strategik utama dalam pembinaan dua tapak besar industri di Sungai Liang dan Pulau Muara Besar.

Yang Teramat Mulia bersabda, penyertaan Jepun dalam membangun kedua-dua kawasan perindustrian tersebut dapat menyumbang kepada pertumbuhan model baru negara, di samping dapat memanfaatkan peralihan teknologi tinggi dan pengalaman luas yang diperolehi dari Jepun.

Berangkat dan hadir sama di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Duta Besar Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Yoashinobu Nisaka dan pegawai-pegawai kanan serta perwakilan negara-negara sahabat.

TANAH merupakan keperluan asasi yang begitu penting dalam kehidupan kita. Tanah penting sebagai tapak membina rumah, menjalankan perusahaan dan perindustrian, bercucuk tanam dan sebagainya.

Beruntunglah mereka yang memiliki tanah (bergeran) sama ada warisan dari ibu bapa atau yang dibeli dari wang sendiri dengan harga yang mahal. Bagi yang tidak mempunyai tanah, mereka akan memohon untuk menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara atau mendapatkan Tanah Tumpang Sementara (TOL) sebagai tapak membina rumah, bercucuk tanam atau menjalankan perusahaan yang lain.

Bercakap mengenai tanah, FOKUS kali ini ingin berkongsi maklumat dan pandangan mengenai pentingnya tanah bukan sahaja bagi keperluan individu malah untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara umumnya. Kita juga akan menumpukan perbincangan kenapa proses permohonan bagi memajukan tanah atau mendapatkan TOL dan seumpamanya perlu dibuat secara cepat, berkesan dan sempurna.

Sebelum itu kita ingin menyorot sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan membuat lawatan kerja ke Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Ukur yang melahirkan keprihatinan mengenai pentingnya Jabatan Tanah mengambil langkah-langkah bagi memastikan semua permohonan dan prosedur yang diproses bebas dari sebarang penyalahgunaan kuasa.

Duli yang Teramat Mulia juga bersabda supaya langkah-langkah dibuat untuk memastikan permohonan pindah milik tanah, permohonan TOL, tanah-tanah simpanan bagi projek-projek kerajaan dan permohonan lain diproses secara cepat, berkesan dan sempurna.

Selain dari itu Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda menyuarakan supaya segala dasar dan peraturan mengenai permohonan dan penggunaan tanah dibukukan untuk sebarang rujukan pihak-pihak berkenaan.

PRIHATIN

Keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia itu seharusnya dijunjung tinggi, dihayati dan diterima dengan lapang dada serta diberikan perhatian serius. Ia hendaklah dijadikan sebagai nasihat, peringatan dan pembuka minda kepada kita semua dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas seharisan.

Pertama, senario yang kita dapat lihat, Jabatan Tanah merupakan agensi penting yang sentiasa berurusan bukan sahaja dengan orang ramai malah juga pihak swasta. Keterlanjuran penyalahgunaan kuasa boleh saja berlaku di mana-mana agensi tidak terkecuali di jabatan tersebut. Sebab itulah dalam ajaran Islam sendiri kita di-galakkan untuk 'sering ingat-mengingati atau nasihat-menasihati' di antara satu dengan yang lain. Dengan yang demikian kita akan sentiasa berwaspada untuk tidak terdorong melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai murni dan ajaran agama.

Kedua, kita sering mendengar sungutan orang ramai mengenai kelewatan proses-proses memajukan tanah termasuk pindah milik tanah, pemecahan tanah, meruntuh dan menimbuk tanah, permohonan TOL, memindah syarikat, permohonan mendapatkan tanah (dari syarikat) bagi tapak pertanian atau industri dan seumpamanya.

Dalam hal ini, kita juga mengetahui bahawa ia diproses melalui prosedur dan peraturan-peraturan tertentu yang juga melibatkan agensi-agensi lain seperti Jabatan Ukur, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain. Ia dilakukan dengan mengambil kira aspek-aspek alam sekitar, keselamatan, pembangunan jangka panjang dan sebagainya.

CEPAT DAN MUDAH

Walau bagaimanapun, proses-proses tersebut mungkin masih boleh dipercepatkan dengan mencari mekanisme yang sesuai dan mantap tanpa melanggar peraturan yang dianggap penting. Mungkin sahaja Tekad Pemudahan Orang Ramai (TPOR) yang ada memerlukan 'pengauditan' ke arah mengemaskini dan pembaikan. Selain itu ia juga menghendaki 'pensejajaran' tugas di antara agensi-

PROSES MEMAJUKAN TANAH PERLU CEPAT, BERKESAN DAN SEMPURNA

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

agensi yang terlibat.

Secara mudah, kita boleh bayangkan jika sesuatu permohonan 'yang kecil dan mudah' pun memakan masa dua (2) minggu untuk diselesaikan oleh setiap agensi maka kalau prosesnya terpaksa melalui empat (4) jabatan ia akan mengambil masa 10 minggu.

Sebarang prosedur yang agak 'ketat atau menyusahkan' perlu direvisi dan dipermudahkan. Proses yang memerlukan pemohon mengemukakan 'pelan cadangan' yang bersifat 'teknikal' untuk memajukan tanah seperti meruntuh, menimbuk dan seumpamanya juga perlu dipermudahkan.

Bagi orang awam proses menyediakan lukisan 'pelan' bagi tujuan tersebut sangat membebankan mereka. Sebilangan orang yang mencuba untuk melukisnya sendiri tentulah akan melakukan kesalahan-kesalahan 'teknikal' yang akan melambatkan lagi proses tersebut kerana ia terpaksa dibuat semula.

Rata-rata sekarang ini pemilik tanah akan 'mengupah' firma juruukur atau jurutera/arkitek yang bertauliah untuk melukis topo, mereka bentuk pelan bagi tujuan meruntuh/menimbuk serta pembebasan/saliran dan seumpamanya. Semuanya terpaksa ditanggung dengan bayaran yang agak mahal. Usaha juga perlu difikirkan bagaimana membantu untuk memudahkan dan meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh pemilik tanah.

Sebarang peraturan yang ditetapkan pula hendaklah dibuat dengan jelas dan mudah difahami oleh pemohon. Buku-buku panduan atau risalah-risalah mengenai hendaklah disebarkan secara meluas. Pada masa yang sama pemohon hendaklah dibantu atau diberikan tunjuk cara yang jelas mengenai cara-cara mengisi borang atau melukis pelan cadangan memajukan tanah terutama bagi tanah yang keluasanya tidak memerlukan 'lukisan pelan' dari firma ukur atau arkitek yang bertauliah.

EKONOMI

Sebenarnya jika kita dapat mencari mekanisme untuk mempermudah dan mempercepatkan pemrosesan permohonan-permohonan yang disebutkan di atas maka kita bukan sahaja akan dapat membantu pemohon malah pada masa yang sama kita juga dapat memperkembangkan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Apa tidaknya, tanah yang sudah dipindah milik setentunya akan dimajukan oleh pemilik-pemilikinya sama ada sebagai tapak membina rumah, perusahaan atau industri. Dalam hal ini banyak pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor tempatan akan memperoleh manfaat.

Proses membahagi tanah, meruntuh/menimbuk sahaja umpamanya akan memberikan banyak peluang perniagaan kepada firma-firma juruukur bertauliah. Begitu juga proses meruntuh atau menimbuk tanah, ia akan melibatkan firma juruukur dan jurutera/arkitek yang akan menyediakan topo, pelan meruntuh/menimbuk serta pembentukan dan saluran. Proses meruntuh/menimbuk pula akan memberikan peluang perniagaan kepada pengusaha perkhidmatan jenolak dan seumpamanya.

Tiba masanya untuk membina rumah, kedai atau industri maka peluang perniagaan akan terbuka pula kepada firma-firma arkitek reka bentuk rumah, syarikat pemasangan paip air, syarikat pedawaian elektrik, pengedar-pengedar bermacam barangan

binaan, syarikat pengangkutan dan banyak lagi.

Jika proses permohonan TOL bagi tujuan (pertanian, perusahaan/perindustrian) dipercepatkan maka tentunya hasil pertanian akan meningkat dan perniagaan berkembang yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi.

Sebagai contoh, dari segi pengeluaran telur ayam, daging ayam dan sayur-sayuran, kita sudah dapat mencapai ke peringkat penghasilan 'sara diri' tanpa perlu mengimport dari negara luar. Pada masa yang sama rakyat dan penduduk negara ini kini boleh mendapatkan harga yang agak murah.

RUMAH

Lain pula halnya dengan TOL (sebagai tapak membina rumah), jika proses permohonan dipermudahkan maka mudahlah bagi rakyat yang tidak berumah membina atau memiliki rumah sendiri.

Jika rumah dibina memenuhi peraturan yang ditetapkan dan jika pemilik seorang rakyat yang berhak dan layak maka dalam jangka masa yang bersesuaian pemberian geran hendaklah dipermudah dan dipercepatkan.

Cara ini pun boleh mengurangkan beban kerajaan atau mengurangkan bilangan pemohon-pemohon yang ingin menyertai Skim-skim Rancangan Perumahan Negara (Skim Rancangan Perumahan Negara - RPN dan Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati). Seperti yang dimaklumi ketika ini sudah terdapat hampir 40 ribu pemohon dan hanya lebih kurang tujuh ribu buah rumah dapat disediakan.

Pada masa yang sama jika pemohon membina rumah di atas TOL di kampungnya sendiri maka dia tidak perlu berpindah ke tempat lain bagi mengikuti skim-skim perumahan di atas. Hasilnya penduduk kampung tidak berkurangan, struktur kependudukan di bandar dan di luar bandar seimbang, manakala segala kemudahan yang disediakan kerajaan dapat digunakan oleh kelompok yang ramai.

Adalah lebih baik jika seorang rakyat (berhak dan layak) yang tidak mempunyai tanah dan memohon untuk membina rumah kekal dengan (mengemukakan pelan rumah mengikut peraturan) di atas tanah kerajaan atau TOL diberikan terus penggeran ke atas tanah tersebut. Jika perkara tersebut dapat dilaksanakan maka ia akan dapat memudahkan mereka yang berhak mendapatkan pinjaman wang kerajaan atau swasta menggunakan bantuan-bantuan tersebut.

KESIMPULAN

Kesimpulannya untuk mengatasi kelambatan-kelambatan proses permohonan orang ramai di mana-mana juga agensi kerajaan kita harus mencari puncanya melalui 'Pengeauditan TPOR', 'Pensejajaran' antara agensi-agensi terlibat, menghindarkan 'kerenah birokrasi' dan seumpamanya.

Pada masa yang sama ia juga berkait rapat dengan dasar dan peraturan 'budaya kerja' kepakaran dan kemahiran staf, bilangan staf yang mencukupi, kelengkapan peralatan dan teknologi, persekitaran tempat kerja dan strategi serta perancangan yang mantap.

Mengakhiri FOKUS kali ini kita memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 (4 Oktober 2003) yang antara lain menekankan:

"Beta ingin melihat Perkhidmatan Awam mengubah cara-cara berfikir dan bertindak, jika sekiranya cara-cara yang lama menghendaki perubahan."

Sukat-sukat memerlukan perubahan itu ialah seperti bila mana cara-cara kita yang lama itu dirasakan sebagai kurang disenangi atau sering mendapat kritikan dan seumpamanya. Apabila terdapat faktor-faktor seperti ini, maka itu tandanya cara-cara tersebut memerlukan kajian semula untuk sebarang perubahan."

Pengetahuan IT yang luas penting bagi ekonomi baru

GADONG, 5 Mei. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid berkata, ekonomi baru adalah era penggunaan teknologi maklumat (IT) yang luas dan persaingan ekonomi yang sangat sengit di dunia yang mana lebih mendahului ko-kerja sama ekonomi dan mobiliti perburuhan.

Ekonomi baru, tambah, beliau meningkatkan permintaan untuk pengetahuan pekerjaan terhadap pengurusan teknologi dan kebolehan menyesuaikan diri dengan cepat terhadap ekonomi baru yang boleh bertahan ke atas persaingan sampingan.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian dan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) bersama rakan-rakan dan penaja bagi Persidangan Antara-

Oleh Haji Ahmad HS

bangsa Pembangunan Sumber Manusia dan Pameran 2004 yang akan berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

"Ke arah persediaan negara kita bagi ekonomi baru, Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 telah menempatkan sumber manusia itu salah satu keperluan yang besar ke arah membantu negara kukuh, stabil, kekal, bersepadu dan seimbang dengan pembangunan sosioekonomi," jelas beliau.

Menyusul selepas itu ialah Majlis Penandatanganan Memorandum berkenaan akan dikendalikan oleh Pusat Pengurusan ASEAN-EC.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin me-

wakili Pusat Pengurusan ASEAN-EC, manakala para penaja diwakili oleh pengarah dan wakil masing-masing. Majlis itu juga disaksikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid.

Para penaja terdiri Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) selaku penaja terbesar, Brunei LNG, Accenture Pte. Ltd., Hong Kong and Shanghai Banking Corporation, Sendirian Berhad, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd., DigiPage Advertising, Brunei Press Sendirian Berhad, Asia Insurance and Anthony Tours dan Travel Agency Sendiran Berhad.

Persidangan dan Pameran Antarabangsa ASEAN-EC Mengenai

Pembangunan Sumber Manusia 2004 yang berlangsung pada 7 hingga 9 September tahun ini dengan tema 'Peluang-peluang dan Cabaran-cabaran Sumber Manusia Dalam

Ekonomi Baru' dan akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Beberapa orang pence-ramah dari luar dan dalam negeri akan terlibat sepan-

jang persidangan itu yang meliputi perspektif global dan kebangsaan ke arah kemajuan rakyat dalam menjalankan industri.

Di samping itu, lima pembelajaran turut digaris-

kan dalam persidangan itu nanti iaitu strategik pembangunan sumber manusia, pembelajaran kebudayaan, pembinaan bakat, pembinaan kecekapan dan pengurusan prestasi.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum bagi Persidangan Antarabangsa Pembangunan Sumber Manusia dan Pameran 2004. Majlis berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC. - Gambar oleh Ramli Tengah.



BAGINDA ketika berkenan berinteraksi bersama seorang penuntut ketika melawat ke Makmal Sains (bawah).

BAGINDA ketika berbual mesra bersama Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar semasa melawat Kelab Golf Mentiri (kanan).



NIAGA ... Baginda ketika meninjau dua buah kedai yang masih beroperasi di Bangunan Kedai Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri (kanan).

RAKAMAN ... Baginda ketika berkenan bergambar ramai bersama sebahagian tenaga pengajar Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Mahajara (bawah).



BERKUNYUT Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berinteraksi dengan penuntut ketika melawat ke Makmal Sains (kanan).

ZIARAH ... Baginda ketika berinteraksi dengan penuntut ketika melawat ke Makmal Sains (kanan).

DENGAR ... Baginda ketika berinteraksi dengan penuntut ketika melawat ke Makmal Sains (kanan).




BERAKSI MUKIM

Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi
Haji Buntar

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan lawatan mengejut ke tiga buah sekolah dan beberapa tempat yang lain di Mukim Mentiri pada 11 Mei yang lalu.

Keberangkatan mengejut ke mukim berkenaan memperlihatkan



IT ... Pengajaran Teknologi Maklumat di kalangan murid peringkat rendah mendapat perhatian baginda.

Kabawah
Mulla
Sultan
Bolkiah
Brunei,
bertuan
Islam
interak-
penun-
Mak-
oleh
Mene-
Maha-
Lian

mpulan
Rendah
junjung
majlis

prihatin
seu-
murid



GKAT MELAWAT MENTIRI

tra



matin baginda untuk menin-
cara lebih dekat terhadap
abungan, kemajuan dan per-
tuan rakyat dan penduduk di
tini.

panjang keberangkatan ba-
ringi oleh Setiausaha Te-
Perdana Menteri, Yang
akan Pehin Orang Kaya Seri
Dato Seri Paduka Haji
Yahya; Pegawai Daerah
dan Muara, Awang Haji
Penghulu Mukim Mentiri
ma-ketua Kampung.



PRIHATIN ... Dengan penuh prihatin baginda menandatangani sebuah buku semasa melawat Sekolah Rendah Batu Marang sambil diperhatikan oleh Guru Besar sekolah tersebut.



BAGINDA ketika berkenan meninjau persekitaran Kampung Batu Marang.



MESRA ... Baginda ketika berkenan berbual mesra bersama seorang penduduk Kampung Batu Marang (atas).

ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah seorang penduduk Kampung Batu Marang (bawah).



BAGINDA ketika berangkat ke rumah Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Awang Haji Abdul Rahman.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Datin menghadiri Majlis Makan Malam Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park Country Club. - Gambar oleh Masri Osman.

Menteri Buruh ASEAN diraikan

JERUDONG, 13 Mei. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama

Haji Awang Isa menghadiri Majlis Makan Malam mengalu-alukan para Menteri Buruh ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong

Park Country Club.

Hadir sama di majlis itu, isteri Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah.

Mesyuarat selama dua hari itu berlangsung ber-

mula pada 13 hingga 14 Mei 2004 dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Program Kerja Buruh, penglibatan pekerjaan 'AFTA' dibincangkan

JERUDONG, 11 Mei. - Beberapa agenda dibincangkan di peringkat Menteri-menteri Buruh ASEAN di hari kedua mesyuarat yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Antara tujuan mesyuarat itu diadakan untuk mencapai matlamat Visi ASEAN 2020 yang telah dibuat di Kuala Lumpur, Malaysia 1997 untuk bersungguh-sungguh menyatukan keazaman, mengenali kepelbagaian budaya, bersatu padu, tabah dan

Oleh
Siti Aishah HS

harmoni dalam bidang kerja dan pembangunan sumber manusia.

Sidang itu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin yang membentangkan perkara berkaitan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) iaitu agenda

mengenai Mesyuarat Buruh Antarabangsa, laporan mengenai Program Kerja Buruh dan Penglibatan Pekerjaan AFTA.

Sementara mesyuarat bersatu untuk mengongsi pengalaman dalam pembangunan strategi nasional bagi pekerja muda, perbincangan yang berterusan semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh (SLOM) yang berkaitan cadang Laporan Misi Bersatu, Piawaian Buruh dan Mesyuarat SARS juga turut dibincangkan.



PARA Pegawai Kanan Buruh dari negara-negara ASEAN menghadiri Mesyuarat Ke-3 Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Mengkaji perlaksanaan program yang disepakati

JERUDONG, 10 Mei. - Para Pegawai Kanan Buruh mengkaji kembali perlaksanaan dan perkembangan program kerja Menteri Buruh ASEAN yang telah disepakati di mesyuarat berkenaan yang lalu.

Perkara itu merupakan salah satu agenda di hari pertama Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN (SOM) Ke-3 sempena Mesyuarat Ke-18 Menteri-menteri Buruh ASEAN di Empire and Country Club hari ini.

Oleh Samle HJ

Antara pelaksanaan kerja itu termasuklah bantuan teknikal Menteri Buruh ASEAN mengenai pembangunan sumber-sumber ke-

manusiaan dan pembentukan sebuah institusi rangkaian latihan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ia juga mengandungi rancangan yang bertujuan untuk memperkembangkan

Mesyuarat Ke-3 Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN

Mengukuhkan keselamatan sosial pekerja

Oleh
Abdullah Asgar

Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman.

JERUDONG, 10 Mei. - Mesyuarat Ke-3 Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN mengesahkan segala hasil mesyuarat ke-2 di Republik Indonesia.

Sesi sebelah petang itu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi yang baru dilantik.

Beliau juga selaku ketua delegasi Negara Brunei Darussalam di mesyuarat itu yang turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Buruh,

Lanjutan mesyuarat itu antara lain mengesahkan bagi program kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN seperti program bagi pentadbiran pekerjaan ke luar negara, mengukuhkan keselamatan sosial dan perlindungan sosial, tripartite Seminar Pengimplementasian AFTA dan kesannya pada buruh

ASEAN dan sumber manusia dan program ASEAN bagi hubungan perindustrian.

Mesyuarat yang diadakan di Empire Hotel and Country Club juga meneliti semula projek-projek buruh seperti projek yang siap iaitu liberalisasi dan pemudahan bagi pergerakan natural individu di bawah Rangkakerja Perjanjian Bagi Perkhidmatan ASEAN (AFAS); implikasi bagi buruh dan imigresen, dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalam ASEAN.

Dalam hal projek yang sedang berjalan, mesyuarat telah mengesahkan antaranya promosi pekerjaan sendiri dan pembangunan dalam sektor yang tidak formal iaitu bagi Projek Untuk Pembangunan Sektor Tidak Formal ASEAN (Indonesia); Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-5 (Viet Nam) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Usia Digital (Malaysia).

Segala pengesahan itu akan dibawa ke Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 pada 13 - 14 Mei di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi yang baru dilantik mempengerusikan Mesyuarat Ke-3 Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN.

Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN bermesyuarat

Oleh
Abu Bakar HAR

menteri Buruh ASEAN Ke-18.

Manakala Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN seterusnya akan diadakan di Kempoja pada tahun 2005 dan negara tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-19 masih dalam perundingan.

Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN dijangka akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Sementara perwakilan negara ke mesyuarat tersebut akan diketuai oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Antara agenda yang dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN termasuklah menilai perkembangan projek-projek pemburuhan

yang terkandung di dalam program kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN ke arah merealisasikan kenyataan visi dan misi Menteri-menteri Buruh berkenaan.

Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN yang diadakan setiap dua tahun ini juga akan mengadakan mesyuarat bersama rakan-rakan dialog seperti China, Jepun dan Republik Korea bagi meluaskan lagi kerjasama dalam bidang perburuhan yang sudah wujud dalam memudah cara pelaksanaan program kerja untuk menghadapi ekonomi global yang semakin mencabar.

Rahman selaku Pengerusi mesyuarat.

Mesyuarat berkenaan turut membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dan meneliti semula hasil Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh Ke-2 yang

berlangsung di Republik Indonesia tahun lepas.

Mesyuarat tiga hari itu akan disusuli dengan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN di mana Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah.

DALAM beberapa siri yang lepas kita telah mendekati fungsi dan tanggungjawab Cheteria-cheteria yang bermula dari Kepala Cheteria hinggalah kepada Cheteria Tiga Puluh Dua. Mereka yang menyandang gelaran-gelaran ini terdiri daripada kalangan keluarga diraja dan Pengiran.

Kita teruskan lagi bersama Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama

Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah untuk penjelasan mengenai gelaran-gelaran berikutnya.

Pelita Brunei: Setelah gelaran Cheteria, kita juga mempunyai gelaran Pehin-pehin Manteri, dapatkah Yang Dimuliakan menjelaskan secara ringkas susunan dan tanggungjawab mereka itu?

Yang Dimuliakan: Gelaran Pehin-pehin Manteri itu dikurniakan kepada orang-orang biasa yang bukan keluarga diraja atau Pengiran-pengiran. Seperti juga halnya dengan Cheteria, dalam gelaran Manteri juga dikepalai oleh Ketua Kepala Manteri, diikuti dengan Manteri Empat dan seterusnya hinggalah kepada Manteri Tiga Puluh Dua. Susunan dan tanggungjawab mereka itu adalah seperti berikut:

KEWAJIPAN KEPALA KETUA MANTERI

Pehin Datu Perdana Manteri:

(a) Menjadi ketua kepada sekalian Manteri.

(b) Bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Manteri mengenai dengan adat istiadat dan hal-ehwal masyarakat.

(c) Bertanggungjawab memerhatikan pelaksanaan dan perkembangan dasar pemerintahan negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

KEWAJIPAN KEPALA MANTERI

Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja dan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela:

(a) Kedua-duanya bertanggungjawab untuk menyembahkan persiapan-persiapan atau persembahan-persediaan bagi sesuatu majlis beristiadat.

(b) Bertanggungjawab untuk menjalankan istiadat di Istana atau di tempat yang disifatkan

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

sedemikian termasuk urusan memulakan dan menamatkan kesempurnaan majlis beristiadat.

(c) Menjadi penyambung lidah pada menjunjung dan menyampaikan titah dan sabda.

(d) Bertanggungjawab memerhatikan keadaan pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam menjalankan pelaksanaan tugas dan perkembangan kemajuan negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya termasuk kelakuan mereka untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

KEWAJIPAN MANTERI EMPAT

Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja:

(a) Bertanggungjawab memerhati keberangkatan atau ketibaan pembesar negara termasuk susunan kedudukan mereka di dalam majlis beristiadat.

(b) Bertanggungjawab dalam mengawasi, mengatur dan menentukan persiapan-persiapan dan penyusunan persediaan bagi sesuatu majlis yang beristiadat dan memerhatikan kesempurnaan susunan, peraturan dan alat-alat yang diperlukan oleh majlis beristiadat itu supaya maksudnya berjalan dengan sempurna.

(c) Menyembahkan sesuatu yang berhubungan dengan adat istiadat ke hadapan majlis keluarga diraja.

(d) Bertugas memerhatikan hal-ehwal kemajuan di pedalaman serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja:

(a) Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kesempurnaan kelengkapan istiadat di luar.

(b) Bertanggungjawab mengawasi, mengatur dan menentukan hal-ehwal istiadat yang di-

PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

jalankan di dalam atau di luar Istana seperti Istiadat Perangkatan Diraja dan sebagainya.

(c) Bertanggungjawab memerhati dan menyelidik perkara-perkara yang berkenaan dengan hal-ehwal perjalanan dan perkembangan istiadat diraja di dalam dan di luar Istana termasuk memperelokkannya untuk memelihara nama baik negara sama ada di dalam atau di luar negeri yang akan dipersembahkan kepada Pengiran Pemancha untuk mendapat sesuatu kesimpulan.

(d) Bertanggungjawab mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai dengan masalah yang terkandung di dalam adat istiadat diraja untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Laksamana:

(a) Menjadi pengapit kepada Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perkembangan pelabuhan dan hasil-mahsul dari laut serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Shahbandar:

(a) Menjadi Pengapit kepada Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal bandaran, orang-orang luar yang berada dalam negeri dan hal-ehwal perniagaan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah-masalah yang terkandung di dalam perkara yang disebutkan untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

KEWAJIPAN MANTERI LAPAN ATAU MANTERI PENGALASAN BESAR

Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja:

Bertanggungjawab

memerhatikan hal-ehwal tanah dan perkembangannya serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal pendaftaran kerakyatan dan hal-ehwal imigresen serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Perdana Indera:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal jenayah dan usaha pembantasannya serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal penerangan atau pemberitaan yang diberikan kepada orang ramai dan mengumpulkan pendapat umum serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Ratna Diraja:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kemajuan dan perkembangan negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Diraja:

Bertanggungjawab memerhatikan kesan peninggalan purbakala dan sejarah serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Udana Laila:

SIRI KEEMPAT

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perjalanan kanun dan kehakiman serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Wangsa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal pelajaran dan pendidikan supaya bersesuaian dengan ajaran Islam serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

KEWAJIPAN MANTERI ENAM BELAS ATAU MANTERI PENGALASAN BIASA

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kebajikan masyarakat serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Indera Wangsa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal latihan dan pimpinan kepada belia-belie serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Indera Dewa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perkembangan pembekalan elektrik dan air serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Udana Indera:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal pengangkutan dan perhubungan serta mengadakan penyelidikan dan kajian

mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Udana Sura:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal bencana alam serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Nara Indera:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perjalanan Kastam dan BIA serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Sudana Indera:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kesihatan rakyat serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Indera Lela:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perkembangan perhubungan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Udana Setia:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal orang-orang tahanan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Lela:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perhubungan pos serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Kerma:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal pengesanan perbelanjaan (audit) serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Seri Dewa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perusahaan-perusahaan kampung serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Ratna Dewa:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal perhutanan serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Indera Sugara:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal pemeliharaan, penggunaan dan kebersihan pantai untuk kesejahteraan rakyat serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Ratna Setia:

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kenderaan (darat dan laut) serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Pehin Orang Kaya Kesuma:

Bertanggungjawab memerhatikan keadaan kesempurnaan rumah tangga (perpindahan) serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk dipersembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita kepada Datin Paduka Dayang Hajah Jusnani binti Haji Lawie.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Perhimpunan sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa bagi Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud.

Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud



DAYANG Hajah Dayang binti Tahir, 75 tahun, berasal dari Kampong Batu Apoi, Daerah Temburong penerima anugerah kedua Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita tahun 1425 Hijrah dari baginda.



PENERIMA anugerah ketiga, Pengiran Hajah Hajjah binti Pengiran Mohammad berusia 78 tahun, merupakan penggalai perempuan pertama berkhidmat di Daerah Temburong, menerima anugerah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri (atas).

BAGINDA berkenan menyaksikan mini pameran di majlis tersebut (atas tengah).



BAGINDA semasa berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1425 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (kanan).



Gambar-gambar
oleh
Pengiran Haji
Bahar PHO
dan
Haji Masmaleh
HMA



ANTARA yang hadir di Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1425 Hijrah.



RAKAMAN ... Majlis bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha beserta kerabat diraja dan para penerima Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita bagi tahun 1425 Hijrah serta Pengerusi Bersama majlis berkenaan (atas).

PERSEMBAHAN Dikir Marhaban gabungan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (kiri).

Empat dikurniakan tauliah Manteri Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan tauliah kepada empat orang Manteri Darat.

Istiadat dilangsungkan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, di sini.

Para penerima Surat Tauliah ialah Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim, Awang Haji Abdullah bin Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja (Begawan Pehin Khatib) Dato Seri Setia Haji Awang Ali Hussein, Awang Haji Ibrahim @ Momin bin Haji Md. Yusof dan Awang Haji Othman bin Uking.

Istiadat bermula dengan penerima tauliah mengadap ke hadapan majlis DYT yang diiringi oleh dua orang Awang-awang membawa Gangsa Sireh dan Gangsa Kurnia Persalinan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussein mengadap ke hadapan majlis DYT dan menyebarkan bahawa Istiadat Mengurniakan Tauliah telah siap sedia dan seterusnya menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Kemudian, Pengarah Awang Haji Mokti menjunjung ke hadapan majlis DYT dan duduk di sebelah kanan Awang Haji Ismit yang diapit di sebelah kiri oleh Ketua Juru Laki Awang Haji Abdul Rahman diikuti oleh dua orang Awang-awang iaitu seorang membawa Gangsa Sireh dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Setelah itu, Mudim Awang Haji Tamin dengan diiringi oleh seorang Awang-awang yang membawa gangsa yang berisi Tauliah menjunjung anugerah untuk

duduk di belakang penerima tauliah.

Istiadat diteruskan dengan Pengarah Awang Haji Mokti menapakkan Gangsa Sireh ke atas bahu kanan dan kiri serta di atas kepala Awang Haji Ismit dan setelah itu Mudim Awang Haji Tamin memulakan bacaan Tauliah.

Awang Haji Ismit telah dianugerahkan nama gelaran menjadi **Pengarah Awang Haji Ismit**.

Selesai bacaan Tauliah, YDM Pehin Awang Haji Metassan membaca doa selamat.

Kemudian, Pengarah Awang Haji Ismit menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Istiadat Pengurniaan Tauliah kepada Awang Haji Abdullah bermula dengan Pengarah Awang Haji Kilali mengadap ke hadapan majlis DYT dan menjunjung anugerah dan duduk di sebelah kanan Awang Haji Abdullah yang diapit di sebelah kiri oleh Juru Laki Awang Johan Arefin bin Hassan bersama dua orang Awang-awang iaitu seorang membawa Gangsa Sireh dan seorang membawa Gangsa Kurnia Persalinan.

Kemudian, Awang Haji Amran menjunjung anugerah dan mengadap ke hadapan majlis DYT dengan diiringi oleh seorang Awang-awang yang membawa gangsa yang berisi Tauliah dan duduk di belakang Awang Haji Abdullah.

Isitadat seterusnya Pengarah Awang Haji Kilali menjunjung anugerah untuk menapakkan Gangsa Sireh ke atas bahu kanan dan kiri serta di atas kepala Awang Haji Abdullah dan diteruskan dengan bacaan Tauliah oleh Mudim Awang Haji Amran.

Awang Haji Abdullah dianugerahkan nama gelaran menjadi **Pengarah Awang Haji Abdullah**.

Selesai bacaan Tauliah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Wahid membaca doa selamat.

Liputan Samle Hj. Jait Gambar-gambar oleh Halim HS dan Abdullah HAD

Kemudian, Pengarah Awang Haji Abdullah menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Majlis diteruskan dengan Istiadat Pengurniaan Tauliah kepada Awang Haji Ibrahim @ Momin di mana Pengarah Awang Haji Basi menjunjung anugerah dan duduk di sebelah kanan penerima yang diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Bandar Awang Haji Ali yang diiringi oleh dua orang Awang-awang membawa Gangsa Sireh dan Gangsa Kurnia Persalinan.

Kemudian, Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim mengadap ke hadapan majlis DYT dengan diiringi oleh seorang Awang-awang yang membawa gangsa yang berisi Tauliah dan duduk di belakang Awang Haji Ibrahim @ Momin.

Pengarah Awang Haji Kapitan seterusnya menjunjung anugerah untuk menapakkan Gangsa Sireh ke atas bahu kanan dan kiri serta di atas kepala Awang Haji Ibrahim @ Momin dan selepas itu Mudim Awang Haji Ahmad Kasra memulakan bacaan Tauliah.

Awang Haji Ibrahim @ Momin dianugerahkan dengan nama gelaran menjadi **Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin**.

Selesai bacaan Tauliah itu, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Zainuddin membacakan doa selamat dan seterusnya Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Isitadat seterusnya Awang Haji Othman bin Uking yang diapit di sebelah kiri oleh Orang Kaya Kaya Awang Haji Nordin diikuti oleh dua orang Awang-awang iaitu seorang membawa Gangsa Sireh dan seorang membawa Gangsa Kurnia

Persalinan.

Datu Lela Raja Awang Haji Md. Jait bin Bendahari Haji Abdul Ghafar menjunjung anugerah dan duduk di sebelah kanan Awang Haji Othman.

Kemudian, Mudim Awang Haji Abdul Latif bin Haji Saman menjunjung anugerah dan mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dengan diiringi oleh seorang Awang-awang yang membawa gangsa yang berisi Tauliah dan duduk di belakang Awang Haji Othman.

Setelah itu, Mudim Awang Haji Abdul Latif memulakan bacaan Tauliah.

Awang Haji Othman dianugerahkan nama gelaran menjadi **Orang Kaya Maha Bijaya**.

Selesai bacaan Tauliah, YDM Begawan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid membaca doa selamat.

Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman menjunjung ziarah ke hadapan majlis DYT.

Di akhir majlis Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela menyebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar bahawa istiadat telah sempurna dilaksanakan.

Juga berangkat dan hadir di istiadat ini ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Hulubalang.

Pengarah Haji Ismit berusia 64 tahun merupakan Penghulu Mukim Peramu di mana sebelum ini beliau telah menjawat jawatan Ketua Kampong



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima junjung ziarah Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima junjung ziarah Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin bin Haji Md. Yusof.

Peramu dari tahun 1967 sehingga 1977.

Sementara itu, Pengarah Awang Haji Abdullah telah memulakan perkhidmatan dengan kerajaan di Jabatan Kerja Raya pada tahun 1954 sebelum berkhidmat di Jabatan Pelajaran dan Istana Darul Hana di samping berkhidmat di Jabatan Adat Istiadat sebelum bersara pada tahun 2001.

Pengarah Awang Haji Ibrahim @ Momin, berusia 44 tahun telah ber-

khidmat dengan Jabatan Adat Istiadat pada tahun 1984 sebagai Penyimpan Alat-alat Kebesaran Negara Kanan.

Beliau juga merupakan Setiausaha Majlis Perundingan Kampong Burung Pingai Ayer dan Penolong Pengerusi Majlis Perundingan dan Penolong Pengerusi Majlis Kejiranan Kampong Lurong Dalam.

Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman pula mula berkhidmat dengan kerajaan

sejak tahun 1955 sebagai Pembantu Pertanian dan dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Pertanian Kanan sebelum bersara pada tahun 1992.

Orang Kaya Maha Bijaya juga pernah menerima anugerah Warga Berjasa Daerah Tutong Bagi Saudara-saudara Baru pada tahun 1977, Anugerah Tokoh Saudara Baru Daerah Tutong 2003 dan menerima anugerah Bakti Hijrah Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.



PARA penerima tauliah ditapakkan Gangsa Sireh ke atas bahu kanan dan kiri serta di atas kepala sebelum istiadat pembacaan tauliah dimulakan.



PENULIS 'Syair Madah Permata', Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani menandatangani perjanjian bagi penerbitan syair tersebut bersama Dewan Bahasa dan Pustaka. Hadir di majlis itu, yang juga menandatangani perjanjian ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Sumadi bin Sukalmi. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Tujuh penulis tandatangani perjanjian

BERAKAS, 10 Mei. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Sumadi berkata, sumbangan penulis-penulis tanah air dalam bidang penulisan tempatan dapat meningkatkan dan memartabatkan Bahasa Melayu, di samping dapat dinikmati oleh masyarakat di negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan di Majlis Taklimat sebelum bermulanya Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tujuh orang penulis tanah air yang berlangsung di jabatan berkenaan di sini.

Salah seorang yang menandatangani perjanjian pagi itu termasuklah penulis buku yang bertajuk 'Syair Madah Permata' yang ditulis oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani.

Oleh
Abu Bakar HAR

Syair Madah Pertama diilhamkan melalui pengalaman, pengamatan, penelitian dan pergaulan penulis semasa bertugas sebagai pegawai kerajaan yang telah menyusuri di keempat-empat daerah di negara ini dan ianya amat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat di negara ini kerana kandungannya pelbagai unsur seperti nasihat, peringatan, pendidikan dan agama.

Manakala buku yang bertajuk 'Takaful: Kepentingan dan Hukum-hukum Perlaksaannya' menyentuh pelaksanaan, pengertian dan syarat-syarat takaful seperti akad takaful, hukum penubuhan organisasi dan hukum penyertaan.

Buku ini ditulis oleh Pengiran Noor Asmawi bin Pengiran Haji Ahmad dengan tujuan untuk mem-

buku minda pembaca yang baru dan berhasrat untuk mengenali secara lebih dekat lagi mengenai insurans dan takaful.

Sementara buku yang bertajuk 'Penderaan Wanita Di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Di Daerah Brunei Muara' yang ditulis oleh Dayang Rogayah binti Abdullah merupakan sebuah buku ilmiah yang dihasilkan berasaskan kepada penyelidikan dan kajian beliau bagi memenuhi syarat mendapatkan sarjana kepujian di Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Antara isi kandungan buku itu berkisar kepada kejadian di daerah yang paling banyak mencatat bilangan kes penderaan wanita walaupun pada dasarnya terdapat undang-undang hak kaum wanita dan juga undang-undang melindungi isteri.

Juga menandatangani perjanjian di majlis itu ter-

masuklah penulis buku cerita kanak-kanak bergambar seperti Awang Razali bin Haji Badar yang menulis buku 'Menyesal', Awang Abu Bakar bin Haji Maidin dengan tajuk buku 'Sumpah Ikan Haruan', Awang Muhammad Safwan bin Abdullah Teo dengan judul buku 'Mengapa Sembilang Berbisa' dan Awang Mohammad Azwan bin Abdullah Lai dengan buku yang bertajuk 'Asal Usul Burung Tio'.

Dalam pada itu Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengenal pasti beberapa buah buku untuk diterbitkan secepat mungkin, seperti buku 'Persoalan Bangsa Brunei Dilihat Dari Puncak Pertama' karya Muslim Burmat, 'Ubat Kasar dan Ubat Halus Di Dalam Sistem Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Brunei: Aing Masak Sebagai Raja Ubat', 'Dari Bintang Ke Bintang' dan 'Taris Merah Membalah Kabur'.

Rujuk sebarang kewahaman kepada Pejabat Daerah

TUTONG, 30 April. - Setiap penghulu mukim dan ketua kampung perlu mengambil garis panduan Buku Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 dalam menjalankan tugas agar lebih berkesan dan lancar.

"Sebarang kewahaman mengenai dengan tugas dan tanggungjawab bolehlah dirujuk kepada Pegawai Daerah atau terus kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi mendapatkan penerangan atau penjelasan lanjut mengenainya," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Yusof di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Sungai Kelugos yang baru hari ini.

Beliau tidak menafikan peranan dan tugas penghulu mukim dan ketua kampung sangat berat dan mencabar selari dengan arus perkembangan dan kemajuan masa kini yang menagih kepercayaan dan harapan tinggi kepada keupayaan dan kemampuan penghulu mukim dan ketua kampung dalam menangani dan menyelesaikan permasalahan kampung.

Bagaimanapun tang-

Oleh
Samle HJ

gungjawab itu akan lebih berkesan, teratur dan sempurna dengan memberikan perkhidmatan dan mengendalikan tugas dengan memiliki kepimpinan di peringkat akar umbi.

Antara ciri kepimpinan yang dimaksudkan oleh Setiausaha Tetap termasuklah memiliki etika kerja yang tinggi dan tegas, di samping dapat menyesuaikan dan merapatkan diri dengan semua lapisan masyarakat di mukim dan kampungnya.

Penghulu mukim dan ketua kampung juga harus mempunyai inisiatif dengan mengadakan permuafakatan dan perundingan mengenai keperluan dan permasalahan anak buah kampung, mengukuhkan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti kampung yang meliputi kebajikan, keagamaan, perkeonomian, kemasyarakatan dan sosial.

"Ketua kampung yang telah dilantik, pencalonan dan pemilihan yang dijalani itu merupakan satu mandat yang diberikan oleh anak-anak buah kampung yang

patut dimanfaatkan bagi memberikan bakti kepada kampung khususnya dan negara pada umumnya," jelas Setiausaha Tetap.

Belia berharap sebarang aduan yang diterima hendaklah ditangani dengan segera tanpa melalai-lalainya sehingga memutuskan harapan dan kepercayaan penduduk-penduduk kampung terbabit dan menjejaskan kredibiliti atau kewibawaan penghulu mukim atau ketua kampung yang berkenaan.

Selain merujuk kepada Pegawai Daerah, penghulu mukim dan ketua kampung juga boleh menyelesaikan sesuatu perkara dengan menggunakan mekanisme seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad, 65 tahun yang telah mendapat undi melebihi 50 peratus telah dilantik menerajui kampung berkenaan sejak 16 Februari lalu selepas Ketua Kampung Awang Haji Suhaili bersara.

Kampung Sungai Kelugos yang terletak di Mukim Keriam mempunyai keluasan 3 kilometer persegi yang didiami oleh 930 orang penduduk dengan 116 buah rumah.

IBB sumbangkan buku dan minuman

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 April. - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) telah menyumbangkan sebanyak 3,000 naskhah buku dikir, 250 kerton minuman ringan, 8,000 naskhah buku berjudul 'Ringkasan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' dan juga semasa Perhimpunan Khas Wanita Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Ketua Negara dan 3,000 naskhah buku berjudul 'Wanita: Pendekatan Ringkas Tentang Pengorbanan dan Kepimpinannya'.

Sumbangan buku-buku tersebut diagih-agihkan di keempat-empat daerah di

Oleh
Awangku Jeffri PD

negara ini bersempena Sambutan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga semasa Perhimpunan Khas Wanita Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pengarah Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan beberapa orang pegawai kanan IBB serta

pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiyah dan juga Ahli Jawatankuasa Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei-Muara sumbangan buku-buku tersebut diterima oleh Haji Abdul Latif bin Haji Gharif selaku Ketua Unit Kemajuan dan Pengurusan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sementara Awang Haji Mohammad bin Garing menerima bagi Daerah Belait, Awang Haji Mat Zain bin Haji Muntol

bagi Daerah Tutong manakala Awang Haji Emran bin Haji Sabtu bagi Daerah Temburong.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Ia merupakan salah satu sumbangan berterusan IBB dalam sama-sama menjayakan dan menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini.



PENGARAH Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud menyerahkan sumbangan buku sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Perhimpunan Khas Wanita Sempena Maulud. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Jabatan Peguam Negara sumbangkan bantuan

SUNGAI AKAR, 6 Mei. - Tabung Kebajikan Jabatan Peguam Negara menyumbangkan derma sebanyak \$7,449.89 kepada Tabung Bantuan Tajaan Kanak-kanak Sekolah hari ini.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Penolong Peguam Cara Negara, Pengiran Hajah Zabaidah kepada Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan di sini.

Menurut Pengiran Hajah Zabaidah jumlah derma tersebut diperolehi hasil dari kutipan derma ikhlas dari pegawai dan kakitangan Jabatan Peguam Negara, di samping perolehan dari pelbagai aktiviti yang mereka lakukan.

Sementara menurut Pengarah Pembangunan Masyarakat dalam ucapannya semasa ditemu bual menyatakan jumlah Tabung

Oleh
Abu Bakar HAR

Bantuan Tajaan Kanak-kanak Sekolah telah berjaya mengumpul lebih \$100,000.00 sejak ianya dilancarkan pada penghujung tahun 1989.

Antara objektif tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan

atau sebagainya melalui tabung berkenaan bagi membantu kanak-kanak yang memerlukan untuk meneruskan persekolahan disebabkan oleh ketiadaan kewangan.

Selain itu ia juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan secara langsung anggota-anggota masyarakat seperti orang perseorangan, ahli perniagaan, badan korporat, persatuan kebajikan dan bank dalam sama-sama menangani hal-ehwal keba-

jikan kanak-kanak.

Tabung ini terbuka kepada kanak-kanak yang terdiri dari rakyat, penduduk tetap, penduduk tanpa kewarganegaraan, bukan rakyat yang berumur di bawah 18 tahun dan bermastautin di negara ini.

Sementara syarat-syarat untuk mendapat tajaan adalah seperti anak-anak yatim, yatim piatu dan kanak-kanak kehilangan upaya.

Selain itu kanak-kanak

yang ibu bapa mereka berpendapatan rendah (di bawah \$500.00) dan mempunyai adik-beradik seramai 5 orang ke atas yang masih kecil atau kanak-kanak yang mempunyai pencapaian cemerlang di bidang akademik tetapi tidak mampu meneruskan persekolahan disebabkan kesempitan kewangan.

Manakala kategori bantuan tajaan adalah antara darjah 1 hingga darjah 6 (Penilaian Sekolah Rendah),

tingkatan 1 hingga tingkatan 3 (Penilaian Menengah Rendah) dan tingkatan 4 hingga tingkatan 5 (GCE peringkat 'O' atau peringkat 'N').

Jenis-jenis bantuan tajaan adalah seperti pakaian seragam sekolah termasuk tudung, kasut, stokin, lenca, pakaian ugama dan sebagainya, di samping peralatan belajar termasuk buku kerja, buku latihan, rampaian, alat tulis, beg sekolah dan sebagainya.

DPMM berangkat melawat Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Mufti Kerajaan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Bangunan Darulifta dijunjung oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili dan para pegawai kanan di jabatan berkenaan.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung berangkat ke Bilik Syura 3 bagi sembah taklimat dan sebelum itu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Seterusnya diikuti sembah alu-aluan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz yang antara lain menyebarkan Jabatan Mufti Kerajaan merupakan mercu tanda kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan tujuan Institusi Ifta/ Fatwa perlu bebas dan bersih daripada sebarang pengaruh.

"Ini semua adalah langkah wajar dan tepat, berdasarkan hukum-hukum syarak itu mesti ditangani oleh seseorang yang telah dilantik menjadi Mufti tanpa mendedikannya kepada apa-apa yang memungkinkannya tertekan atau terpengaruh," tambahnya.

Sementara sembah taklimat pula disebarkan oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari mengenai struktur organisasi, fungsi dan pencapaian jabatan berkenaan.

Di akhir sesi sembah taklimat itu, Duli Yang Teramat Mulia telah menyebarkan mengenai pengendalian kursus dalam mengeluarkan fatwa dan mengenai kerjasama dengan majlis-majlis fatwa yang lain.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat ke bahagian-bahagian jabatan tersebut

Oleh Aliddin HM

iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Istinbat dan Buhuth, Bahagian Penerbitan dan Penerangan dan Bahagian Perancangan dan Kewangan bagi meninjau dengan lebih dekat lagi akan peranan dan fungsi bahagian masing-masing di jabatan berkenaan.

Di samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan menyaksikan mini pameran di Bahagian Penerbitan dan Penerangan yang memaparkan bahan-bahan terbitan dan gambar-gambar yang menunjukkan kegiatan-kegiatan keagamaan yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan.

Jabatan Mufti Kerajaan terbahagi kepada enam bahagian yang mana tugasnya termasuk menyelidik dan membangun serta mengesahkan kesahihan fatwa. Manakala Bahagian Keilmuan memberi kemudahan rujukan kitab dan media dalam mengumpul dan mengembangkan agenda ilmu. Bahagian Penerbitan dan Penerangan pula menyebarkan ilmu kepada orang ramai melalui penerbitan buku-buku dan Bahagian Penerangan dan Kewangan, mengurus dan memelihara sistem maklumat dan komunikasi serta mengawal peruntukan dan bayaran dan menyelaras

hal-ehwal latihan dan logistik pejabat.

Atur cara keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia di sebelah pagi ke jabatan tersebut diselenggarakan dengan Majlis Ramah Mesra dan Santap Tengah Hari bersama-sama pegawai-pegawai kanan dan pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Selepas Majlis Santap Tengah Hari, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah bersama-sama para pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan dengan diimamkan oleh Mufti Kerajaan.

Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung ke bilik khas dan berkenan menerima 'sembah minit' dan penerangan terperinci oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz berhubung perkara-perkara berkaitan penyediaan fatwa dan Irsyad Hukum serta prosedur penerbitan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menurunkan tanda tangan maklum pada fail-fail yang disebarkan.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia ke Jabatan Mufti Kerajaan diteruskan dengan lawatan ke Perpustakaan Islam Brunei, di mana Duli Yang Teramat

Mulia menerima sembah penerangan ringkas mengenai projek penubuhan perpustakaan berkenaan yang menjadi sumber rujukan Islam di negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Bilik Kawalan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah bagi meninjau sistem pengawasan dan pemantauan keselamatan bahan-bahan artifak di Balai Pameran berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia mengakhiri lawatan kerja ke Jabatan Mufti Kerajaan dengan Majlis Santap Petang dan Ramah Mesra bersama-sama para pegawai kanan jabatan tersebut.

Siri keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia ke Jabatan Mufti Kerajaan menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab jabatan tersebut yang berperanan mendukung agama Allah dan wawasan Raja. Adalah diharapkan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia ke Jabatan Mufti Kerajaan akan menjadi pemangkin kepada semua pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan akan lebih iltizam, dedikasi dan efisien dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam memelihara dan meningkatkan peranan institusi fatwa negara.

Kesejahteraan, masa depan buruh t'jawab yang amat penting

Dari muka 1

Dalam kepelbagaian yang wujud di rantau ini, baginda turut mengingatkan bahawa kita tidak boleh lupa kepada banyak perkara yang juga mempunyai persamaan iaitu salah satu nilai lama semua masyarakat Asia terhadap pekerjaan.

"Di antara Asia Tenggara, menikmati kehidupan yang jujur adalah sangat penting bagi mengekalkan kehormatan seseorang dalam kehidupan. Ini bermakna bahawa pekerjaan adalah suatu benang utama dalam tenunan moral masyarakat ASEAN. Oleh itu, tugas Tuan-Tuan Yang Terutama yang mendesak ialah menyediakan benang berkenaan. Dalam kata yang lain, bagaimana kita memastikan bahawa penduduk kita mempunyai peluang-peluang yang mencukupi di bidang pekerjaan? Bagaimana kita boleh membantu mereka memperoleh kemahiran-kemahiran bagi meraih peluang-peluang ini? Kedua-dua soalan ini tidak boleh dipisahkan. Peluang-peluang dan kemahiran mesti wujud bersama-sama," titah baginda.

Menurut baginda lagi, perubahan-perubahan dalam pasaran buruh serantau dan serangan globalisasi menjadikan hal ini satu kenyataan dalam kehidupan. Baginda seterusnya berharap, keputusan-keputusan di mesyuarat kali ini akan menghasilkan keputusan-keputusan yang nyata yang boleh meyakinkan para penduduk ASEAN terhadap hasil kerja para menteri berkenaan.

Sambungan dari muka 1

Yang Amat Mulia menyebarkan.

Menurut Yang Amat Mulia, Majlis-majlis bagi Istiadat Perkahwinan Diraja itu akan dimulai dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga yang akan diadakan pada hari Khamis, 10 Rejab 1425 Hijrah bersamaan dengan 26 Ogos 2004 dan Majlis Istiadat Bersanding Diraja akan diadakan pada hari Rabu, 23 Rejab 1425 Hijrah bersamaan 8

moden. Ramai orang pula menyedarinya dan bertekad untuk mengambil faedah sepenuhnya keadaan ini. Mereka tidak lagi mencari pekerjaan dalam lingkungan negara atau rantau masing-masing. Hasilnya, ciri-ciri untuk memperoleh pekerjaan juga telah berubah.

Baginda juga menekankan bahawa berkebolehan dalam satu bidang tidak lagi menjamin pekerjaan. Ekonomi serantau dan dunia jauh dari kemantapan yang sepatutnya. Ramai orang kurang mendapat jaminan pekerjaan meskipun di negara-negara maju.

"Bidang pekerjaan hari ini melibatkan pembelajaran sepanjang hayat dan memerlukan pelbagai kemahiran. Inilah kenyataan di sebab teori perkembangan sumber tenaga manusia yang berterusan. Tenaga kerja kita pada masa ini perlu menerimanya dan menyesuaikan dengan perubahan yang dibawa oleh globalisasi. Adalah tanggungjawab kita untuk melakukan apa yang kita mampu untuk membantu mereka," titah baginda.

Baginda seterusnya berharap, keputusan-keputusan di mesyuarat kali ini akan menghasilkan keputusan-keputusan yang nyata yang boleh meyakinkan para penduduk ASEAN terhadap hasil kerja para menteri berkenaan.

September 2004 Masihi.

Sehubungan dengan itu, sabda Yang Amat Mulia, sebuah Jawatankuasa Tertinggi bagi Istiadat Perkahwinan Diraja telah dibentuk dan telah pun mengadakan mesyuaratnya pada hari ini. Jawatankuasa berkenaan juga telah melantik beberapa jawatankuasa kerja bagi membantu melaksanakan persiapan-persiapan istiadat itu.

Pengundian, pemilihan calon ketua kampung

PEJABAT Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Panchor Murai bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan

Calon Ketua Kampung Panchor Murai, Mukim Pengkalan Batu akan diadakan pada hari Ahad, 23 Mei 2004 bertempat di Dewan Sekolah Ugama

Panchor Murai, Mukim Pengkalan Batu bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Oleh yang demikian, Pegawai Daerah Brunei

dan Muara memohon kerjasama daripada semua penduduk Kampung Panchor Murai yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang beru-

mur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan supaya hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Penetapan dan pertukaran pegawai kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan kenaikan dan penetapan pangkat beberapa orang pegawai kanan kerajaan. Mereka ialah Awang Haji Saifon bin Haji Awang Besar, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mulai 11 Rabiulawal 1425/1 Mei 2004.

Dr. Hisham bin Haji Md. Sum, Pengarah Kenaziran Sekolah-sekolah ditetapkan dalam jawatan sebagai Pegawai Tugas-Khas di Pejabat

Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan mulai 8 Zulkaedah 1424/1 Januari 2004 dan Awang Haji Abdul Salam bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Haji Hashim, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Pendidikan mulai 11 Rabiulawal 1425/1 Mei 2004.

Awang Lim Jock Jin, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan (Pemangku Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet) di Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Ke-

menterian Pendidikan ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet di Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan mulai 8 Zulkaedah 1424/1 Januari 2004; Awang Rasani bin Hamid, Penolong Pengarah di Kementerian Pendidikan (Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas di Unit Urusetia Majlis Pengiktirafan Kelulusan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan ditetapkan dalam jawatan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas di Unit Urusetia Majlis Pengiktirafan Kelulusan Kebangsaan Kementerian Pendidikan mulai 8

Zulkaedah 1424/01 Januari 2004 dan Awang Mohidin bin Haji Daud, Pemangku Pengarah Percetakan di Jabatan Percetakan Kerajaan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pengarah Percetakan mulai 8 Zulkaedah 1424/01 Januari 2004.

Awang Yusoff bin Haji Mohammed Abun, Penyelia Kanan di Bahagian Pusat Kewangan Antarabangsa dilantik untuk menjawat jawatan Penolong Pengarah Tugas-Tugas Khas di Bahagian Pusat Kewangan Antarabangsa mulai 11 Rabiulawal 1425/1 Mei 2004.

Pengiran Haji Zainal

Abidin bin Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad, Pemangku Timbalan Pengarah Percetakan di Jabatan Percetakan Kerajaan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Timbalan Pengarah Percetakan mulai 8 Zulkaedah 1424/1 Januari 2004; Awang Ramlee bin Haji Jamudin, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 11 Rabiulawal 1425/1 Mei 2004; Awang Haji Jamain bin Momin, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Kementerian



AWANG Haji Saifon bin Haji Awang Besar, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



AWANG Mohidin bin Haji Daud, Pengarah Percetakan.

Pendidikan ditukar ke Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan seterusnya dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara mulai 30 Rabiulawal 1425/20 Mei 2004 dan Pengiran Abdul

Rahman bin Pengiran Haji Damit, Pegawai Pentadbir Tingkat 1 di Jabatan Tanah ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 30 Rabiulawal 1425/20 Mei 2004.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama pembesar-pembesar negara sejurus sebelum berangkat ke Republik Islam Pakistan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Berangkat bagi lawatan rasmi ke Republik Islam Pakistan

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat ke Republik Islam Pakistan bagi lawatan rasmi tiga hari.

Sebelum berangkat, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz di dewan berlepas

Oleh
Abdullah Asgar

orang kenamaan.

Berangkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat belayar ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pe-

ngiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berada di lapangan terbang ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri-isteri delegasi para Menteri Buruh ASEAN. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar atas).

Isteri-isteri Menteri Buruh ASEAN menemani suami-suami mereka yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 yang berlangsung di negara ini. Juga hadir Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat mengadap lawatan kerja ke Jabatan Mufti Kerajaan. (Berita lanjut di muka 15).

Oleh
Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Adalbert Rittmuller yang akan menamatkan perkhidmatannya di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir di Majlis Mengadap itu Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Kebawah DYMM menerima mengadap Duta Jerman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Persekutuan Jerman, TYT Adalbert Rittmuller.

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke ATUDB

RIMBA, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat membuat lawatan ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) di sini.

Keberangkatan baginda di Markas ATUDB dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Dasar dan

Oleh
Sahari Akim

Pentadbiran); Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin dan Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Semasa keberangkatan

tersebut baginda telah berkenan menerima hormat diraja dan memeriksa kawalan kehormatan, menerima sembah taklimat, melawat ke bahagian-bahagian serta unit-unit dan Sekolah Skadron Latihan Penerbangan dan Sekolah Latihan Teknikal Udara Cawangan Latihan.

Baginda juga berkenan berangkat ke Regimen

Udara, Skadron Pertahanan Pengkalan, LAD Kenderaan Tentera dan No. 38 Skadron di Berakas Garison dan meneruskan lawatan ke Skadron 33 Regimen Udara di Penang Garison dan Padang Tembak Bukit Agok.

(Berita lanjut dan gambar-gambar akan disiarkan pada keluaran 26 Mei depan).

منجوتوهي ناي كفيمنين رسول الله
MENCONTOHI GAYA KEPIMPINAN RASULULLAH

دتریتکن اوله جباتن فراعن، جباتن فردان متري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

ATUDB BERTANGGUNGJAWAB MELINDUNGI KAWASAN SUMBER EKONOMI NEGARA

RIMBA, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) di sini.

Sejurus keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Markas ATUDB telah dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Dasar dan Pentadbiran), Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin dan Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani serta para pegawai kanan ATUDB.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri 96 orang anggota ATUDB.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Bilik Taklimat bagi sesi taklimat yang disampaikan oleh Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud mengenai struktur dan organisasi serta fungsi ATUDB dan usaha-usaha yang dibuat oleh ATUDB.

Liputan Aliddin HM
Gambar oleh Halim HS,
Harun HR dan
Pengiran Rafee PDPHM

Di akhir sesi sembah taklimat itu, Duli Yang Teramat Mulia telah menyabdakan keprihatinan mengenai kesediaan teknikal anak-anak watan dalam pemeliharaan pesawat-pesawat udara dan perancangan bagi mempertingkatkan keupayaan ATUDB.

ATUDB mula ditubuhkan dengan fungsi utamanya pada ketika itu untuk memberikan bantuan kepada perkhidmatan doktor perubatan yakni doktor udara ke kawasan-kawasan pedalaman di negara ini.

Pada ketika ini, unit tersebut merupakan unit penting sebagai benteng pertahanan udara, di samping memberikan bantuan pengangkutan dan logistik dalam ABDB.

Di samping itu juga ATUDB bertanggungjawab untuk mengawal dan melindungi kawasan-kawasan sumber ekonomi negara seperti pelantar minyak, kapal-kapal laut, kawasan perairan negara dan memberikan perlindungan 24 jam bagi pengangkutan pesakit dari daerah pedalaman di negara ini.

Unit ini meluaskan perkhidmatannya dengan menubuhkan beberapa cawangan seperti Skuadron Pertama, Skuadron Kedua, Skuadron Sekolah Latihan Penerbangan Asas, Unit Payung Terjun, Sekolah Latihan dan Skuadron Pertahanan Udara.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan berangkat menyaksikan pameran statik di Hangar 'B' dan selepas itu Duli

Yang Teramat Mulia dijunjung menaiki helikopter untuk menuju ke Sekolah Latihan Teknikal Udara dan Sekolah Latihan Penerbangan Asas Skuadron 3.

Dari sana, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat untuk melawat Skuadron 38 Rejimen Udara ATUDB di Berakas Garison dan di sana Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran alat kelengkapan perta-

hanan udara.

Adalah diharapkan keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah akan menjadi pemangkin kepada semua kakitangan kerajaan termasuklah anggota-anggota ABDB supaya lebih iltizam, dedikasi dan efisien dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.



DULI Yang Teramat Mulia ketika disembahkan penjelasan mengenai peluru berpandu yang dipasang di helikopter ATUDB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika menaiki sebuah helikopter yang terdapat di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia ketika menyaksikan setiap helikopter itu dilengkapi dengan peralatan senjata yang canggih.



DULI Yang Teramat Mulia ketika menyaksikan peralatan yang dipamerkan di Hangar 'B' (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan anggota ATUDB (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan anggota ATUDB (kanan).

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PENGETAHUAN TATABAHASA : SUATU KEPERLUAN KEPADA GURU BAHASA

TATABAHASA atau nahu adalah terjemahan daripada perkataan *grammar* yang makna asasnya ialah 'suatu seni bacaan dan penulisan' (Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam, 1984 :140). Perkataan ini kemudiannya digunakan sebagai istilah umum untuk kajian dan penghuraian bahasa. Jadi, tatabahasa atau nahu merupakan satu bidang linguistik yang mengkaji dan menghuraikan bahasa secara saintifik dan kajian-nya adalah ditumpukan kepada perkataan, proses pembentukannya dan proses penyusunannya dalam membentuk ayat.

Daripada takrif yang telah dinyatakan, dapatlah ditegaskan bahawa bidang kajian yang termasuk di dalam kajian tatabahasa ialah bidang morfologi dan sintaksis. Bidang morfologi ialah bidang mengkaji mengenai perkataan dan proses pembentukannya, sementara bidang sintaksis meliputi kajian mengenai frasa, klausa dan ayat. Tatabahasa menitikberatkan struktur urutan-urutan pertuturan dan penulisan.

Tatabahasa merupakan sesuatu bahasa yang tepat, lengkap dan mudah difahami. Kalau tatabahasa sesuatu bahasa dibuat dengan sewenang-wenang tentulah akan menimbulkan kekeliruan atau kesusahan terutama kepada guru bahasa Melayu. Tatabahasa menjadi asas untuk melahirkan bahasa yang baik dan indah yang seharusnya difahami oleh seorang guru bahasa. Dengan memahami tatabahasa guru itu akan dapat mengeksploitasi bahasa untuk menimbulkan gaya bahasa yang tersendiri. Oleh yang demikian tatabahasa mestilah merupakan peraturan-peraturan atau undang-undang bahasa yang dapat dijadikan pegangan di dalam penguasaan bahasa.

Guru bahasa perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan semua aspek kebahasaan. Ini bermakna guru itu mestilah dapat menguasai dengan baik semua kemahiran bahasa termasuk aspek-aspek morfologi, sintaksis, sistem ejaan, kosa kata, istilah, sebutan baku dan laras bahasa. Tatabahasa merupakan aspek bahasa yang mesti diajar dan dipelajari secara formal oleh guru-guru bahasa sebagaimana kemahiran menulis dan membaca. Dengan itu ia akan membolehkan guru-guru bertutur dan menulis dengan baik, tersusun, teratur dan berurutan. Guru dengan mudahnya dapat menggunakan perkataan dan ayat dengan betul. Dalam hubungan ini seorang guru bahasa itu dijangka cukup dan sempurna dengan menggunakan bahasa mereka terutama di dalam pengajaran.

Dalam tatabahasa, bentuk dan struktur itu penting, cara menggunakan atau membina ayat dan perkataan, penghuraian menurut betul salah, sesuai atau tidak untuk penggunaan sesuatu bahasa atau sebagainya. Proses menentukan golongan kata misalnya, tidak boleh sekali-kali dibuat menurut makna yang dibawa oleh kata-kata itu tetapi hendaklah menurut tingkah laku yang sama kata-kata itu dalam ayat (Arbak Othman, 1983 : 19-20). Kata-kata seperti minum, tidur, pergi dan berjalan ter-

TATABAHASA merupakan sesuatu bahasa yang tepat, lengkap dan mudah difahami. Kalau tatabahasa sesuatu bahasa dibuat dengan sewenang-wenang tentulah akan menimbulkan kekeliruan atau kesusahan terutama kepada guru bahasa Melayu. Tatabahasa menjadi asas untuk melahirkan bahasa yang baik dan indah yang seharusnya difahami oleh seorang guru bahasa.

OLEH PUTIH EHW

golong sebagai kata yang sama kerana masing-masingnya menunjukkan kelakuan yang sama dalam ayat-ayat.

Tiap-tiap unsur dalam tatabahasa sesuatu bahasa, satu kata, awalan, akhiran, ayat dan sebagainya mempunyai tidak hanya bentuk tetapi juga makna seperti ber-, jalan, berjalan, rendah, saya dan sebagainya semuanya mempunyai makna. Tatabahasa merupakan masalah yang selalu benar dihadapi oleh guru-guru bahasa. Tatabahasa ada cara-cara atau teknik-tekniknya yang tertentu.

Dengan itu dapatlah diketahui bagaimana kedudukan atau kerja atau fungsi sesuatu perkataan dalam sesuatu frasa dan ayat dan sesuatu rangkaian kata dalam sesuatu rangkaian kata yang lebih besar dan dalam ayat. Ini termasuk dalam kajian sintaksis. Dengan teknik tatabahasa juga, dapat diketahui guna imbuhan-imbuhan awalan, sisipan, akhiran dan kurungan dalam sesuatu bahasa dan dapat pula diketahui apa yang terjadi apabila sesuatu imbuhan didapati pada setengah-setengah perkataan. Kajian ini dinamakan morfologi. Dengan kajian sintaksis dan morfologi ini dapatlah diuraikan masalah tatabahasa sesuatu bahasa itu.

Disebabkan masalah beginilah perlunya seorang guru bahasa itu menerapkan pengetahuannya dalam tatabahasa kerana guru itu mempunyai peranan yang penting dalam mendidik murid-muridnya. Guru haruslah tahu dan benar-benar faham apa itu tatabahasa, masalah dalam tatabahasa, cara menggunakannya dan sebagainya.

Seorang guru itu seharusnya mengaplikasikan pengetahuan tatabahasa untuk keberkesanan mutu pengajarannya. Guru-guru bahasa yang setiap masa mengajar atau melatih murid-muridnya bertutur, membaca dan menulis. Mereka akan merasa lebih mudah untuk memahami masalah-masalah atau kesukaran-kesukaran murid-muridnya dan lebih mudah membentulkan kesalahan-kesalahan murid-murid itu kerana adanya sudah penerapan awal dalam tatabahasa. Murid-murid yang mempelajarinya pun boleh mendapat faedah daripadanya.

Namun demikian, jika pihak guru menerima bahasa muridnya yang berdasarkan bahasa lisan atau pertuturan, maka tujuan atau matlamat pengajaran bahasa untuk memperbetulkan tatabahasa tidak akan tercapai. Bahasa lisan murid-murid sering dipengaruhi oleh dialek bukan hanya dari segi sebutan tetapi lebih-lebih dari segi tatabahasa. Pengaruh yang demikian ini yang menyimpang dari penggunaan bahasa yang standard yakni yang umum untuk semua haruslah dielakkan. Dalam pengajaran bahasa mahu tidak mahu, tercapai atau tidak tercapai, seorang guru itu haruslah menuju kepada suatu bentuk bahasa unggul.

Seperti yang diketahui tatabahasa digunakan untuk menghasilkan ayat-ayat yang betul yang tidak terbatas jumlahnya dalam sesuatu bahasa dan tidak ada pula kesalahan dibuat. Oleh itu perlunya guru bahasa itu mengetahui pengetahuan tatabahasa untuk melahirkan aspirasi bahasa yang baik dan indah serta menjamin kemantapan bahasa. Tugas penting tatabahasa adalah untuk membina ayat-ayat dan perkataan-perkataan yang baik. Dengan itu tatabahasa membolehkan seorang guru bahasa itu membentuk istilah-istilah, ayat-ayat atau kata-kata baru, menghuraikan idea dengan lebih berkesan dan pada amnya memperkembangkan atau membangunkan bahasa dengan cara yang teratur.

SEPERTI yang diketahui tatabahasa digunakan untuk menghasilkan ayat-ayat yang betul yang tidak terbatas jumlahnya dalam sesuatu bahasa dan tidak ada pula kesalahan dibuat. Oleh itu perlunya guru bahasa itu mengetahui pengetahuan tatabahasa untuk melahirkan aspirasi bahasa yang baik dan indah serta menjamin kemantapan bahasa. Tugas penting tatabahasa adalah untuk membina ayat-ayat dan perkataan-perkataan yang baik.

Tatabahasa bukanlah satu perkara yang dianggap ringan atau mudah malah ia merupakan satu bidang yang memerlukan penelitian yang sangat mendalam. Seorang guru bahasa haruslah menjalankan tugasnya dengan sebaik-baiknya. Guru yang sudah berjaya menerapkan pengetahuan tatabahasa akan merasa senang dan mudah baginya menyelesaikan mana-mana kesukaran

atau kesulitan dalam pengajaran bahasa.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa tatabahasa biasanya dilakukan dari dua segi, iaitu dari segi cara perkataan dibentuk daripada bunyi-bunyi bahasa dan dari segi cara perkataan-perkataan ini disusun menjadi ayat. Dalam istilah ilmu linguistik bidang huraian pada peringkat perkataan disebut morfologi sementara bidang huraian pada peringkat ayat diberi nama sintaksis. Maka dengan itu, guru-guru bahasa yang mengajar akan mendapat faedah dan murid-murid yang hendak mempelajarinya pun boleh mendapat faedah daripadanya.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahman Ab. Rashid, dkk, 1997, *Pengajian Melayu 1*, Longman Malaysia Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan.
- Abdullah Hassan, 1980, *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.
- Abdullah Hassan, 1992, *Rencana Linguistik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Arbak Othman, 1983, *Permulaan Ilmu Linguistik*, Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., Petaling Jaya.
- Nik Safiah Karim, 1980, *Bahasa Melayu Teori dan Aplikasinya*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim dkk, 1997, *Tatabahasa Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Raminah Hj Sabran, Rahim Syam, 1985, *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan.

PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada :
PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gambar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.
4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.
5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.


Sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa Rukun Islam itu ada lima perkara, salah satu daripadanya ialah mengerjakan sembahyang fardu lima waktu yang diwajibkan ke atas umat Islam yang telah mencukupi syarat-syaratnya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Taha ayat 132 yang tafsirnya:

"Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, bahkan Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa."

Sembahyang adalah tiang ugama, nur bagi orang mukmin dan penyelamat dari seksa api Neraka Jahanam. Sembahyang juga merupakan jihad serta sebagai tanda ketaatan dan kesyukuran kita terhadap Allah Subhanahu Wataala. Ibadat sembahyang mempunyai banyak kelebihan, oleh itu tunaikanlah sembahyang itu dengan cara yang sebaik-baiknya dan sesempurnanya dan adalah lebih afdal dikerjakan secara berjemaah.

Sembahyang berjemaah bermaksud sembahyang yang dikerjakan secara beramai-ramai sekurang-kurangnya dua orang iaitu seorang menjadi imam dan seorang menjadi makmum. Dan sembahyang berjemaah itu merupakan tanda kepada perpaduan umat Islam dan sebagai syiar ugama Islam di sesuatu tempat. Kerana itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menitikberatkan supaya sembahyang itu dikerjakan secara berjemaah kerana pahalanya yang berlipat ganda berbanding dengan ibadat sembahyang yang dilakukan secara bersendirian, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Dari Abdullah bin Umar Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sembahyang yang jemaah itu lebih



afdal daripada sembahyang berseorangan dengan kelebihan 27 darjat." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim).

Sembahyang berjemaah boleh dilakukan di mana-mana sahaja kita berada, sembahyang berjemaah itu dilakukan di masjid. Terdapat banyak hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyebutkan tentang ganjaran dan kelebihan sembahyang berjemaah di masjid antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang bermaksud:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, apabila seseorang itu sudah berwuduk dengan sempurna dan berjalan ke masjid dengan niat semata-mata hendak bersembahyang, maka setiap langkah yang dilaluinya itu akan mendapat pahala dan menghapuskan satu dosanya. Kalau dia beriktikaf pula dalam masjid (dengan ada wuduk) selepas selesai sembahyang, para Malaikat berdoa ke hadirat Allah Subhanahu

Sembahyang tiang ugama, penyelamat dari seksa Neraka

rapatkannya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abi Syajah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Luruskanlah oleh kamu saf-saf dan sejajarkanlah di antara bahu-bahu kamu, tutupi celah-celah dan berlaku lembutlah ketika memegang tangan saudaramu (waktu merapatkan saf-saf) dan janganlah kamu biarkan celah-celah yang kosong itu untuk syaitan. Barangsiapa menghubungkan saf maka Allah menghubungkannya dengan rahmat-Nya dan barangsiapa memutuskan saf, maka Allah memutuskannya daripada rahmat dan pertolongan-Nya." (Riwayat Al-Imam Abi Daud).

Dalam mengerjakan sembahyang secara berjemaah, imam hendaklah mengerjakannya dengan sempurna meliputi rukun-rukun dan sunat-sunatnya dan jangan terlalu cepat atau terlalu lambat. Dan kita juga hendaklah mengerjakannya dengan khusyuk dan bertawaduk semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala, bukan dengan rungutan dan kesalan sebagaimana yang berlaku pada Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah di mana terdapat di antara jemaah yang mahukan imam melakukan sembahyang itu dengan cepat

dan ada di antaranya pula yang mahukan secara perlahan, dalam erti kata mengikut kehendak diri mereka. Dalam hal ini apa yang penting ialah kita hendaklah mengerjakan sembahyang itu dengan sempurna dan sah mengikut hukum syarak.

Sembahyang berjemaah itu amat besar hikmatnya dalam penghidupan dan kemasyarakatan seperti mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama umat Islam dan bersatu padu. Ianya juga memberi faedah yang amat banyak. Oleh yang demikian rebutlah peluang tersebut dengan melazimkan diri kita untuk sembahyang berjemaah, mudah-mudahan dengan demikian kita akan mendapat pahala dan ganjaran

yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wataala, Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 103 yang tafsirnya:

"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram berada dalam keadaan aman maka dirikanlah sembahyang itu dengan sempurna sebagaimana biasa. Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."

DALAM kita mengerjakan sembahyang berjemaah, kita hendaklah memelihara adab-adab berjemaah, antaranya ialah meluruskan saf-saf yakni barisan. Menurut pendapat jumhur ulama, sunat bagi makmum meluruskan saf-saf mereka dalam keadaan bahu dengan bahu, kaki dengan kaki dan tumit makmum yang lain sehingga tidak ada ruang kosong dan longgar. Dalam hal ini, sebelum imam mengangkat takbiratul ihram, sunat bagi imam berpaling ke kanan dan ke kiri mengingatkan jemaah.

وقت سمبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موازا مولاي دري هاري رايو، 29 ربيع الاول، 1425 برسمان دغن 19 مي، 2004 هيغ كهارى ثلاث، 5 ربيع الاخير، 1425 برسمان دغن 25 مي، 2004 اداله سفرت دجاوه اين:-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ربيع الاول	12.18	3.40	6.28	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	19
29	12.18	3.41	6.28	7.42	4.34	4.44	6.05	6.30	20
ربيع الاخير	12.18	3.41	6.28	7.42	4.34	4.44	6.05	6.30	21
1	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	22
2	12.18	3.42	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	23
3	12.18	3.42	6.28	7.43	4.33	4.43	6.05	6.30	24
4	12.18	3.42	6.28	7.43	4.33	4.43	6.05	6.30	25

وقت ۲ سمبهيغ باكي دائره تونوغ دمه ساتو مينيت دان دائره بلايت دمه تيگ مينيت، سمبهيغ فرض جمعة دسلوروو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغياري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

PERKATAAN azab bererti hukuman, seksaan, kesengsaraan atau kesusahan. Manakala perkataan kubur pula bermaksud tempat menanam mayat. Jika disebutkan perkuburan bermakna tanah lapang atau kawasan tempat menguburkan orang yang telah mati atau permakaman.

Mayat sama ada ditanam, ditenggelamkan, terbakar jadi debu atau dimakan binatang; mereka disebut berada di alam barzakh. Maka pengertian kubur yang dikaitkan dengan kesenangan atau azab ialah alam kubur yang berada di antara alam kehidupan dunia dengan alam akhirat iaitu alam barzakh.

ALAM BARZAKH

Barzakh bermaksud rintangan atau pemisahan. Alam barzakh ialah alam pertama daripada alam yang kekal abadi di akhirat. Semua orang yang berada di dalam kubur dinamakan hidup di alam barzakh.

Alam ini berada di antara mati dan bangkit daripada mati. Apabila berada di dalam kubur, kita akan disoal oleh dua Malaikat yang bernama Munkar dan Nakir mengenai amalan yang dilakukan semasa hidup di dunia. (Ensiklopedia Islam: 3/8-9).

Pengarang Kitab Mu'jam Alfaz As-Shawfiyah menyatakan perkataan barzakh dari sudut bahasa ialah sekatan atau pemisah di antara dua sesuatu seperti bercakap adalah pemisah di antara manusia dengan binatang. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu. Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya." (Surah Ar-Rahman: 19-20).

Barzakh dari sudut istilah pula ialah pendinding (hijab) yang terdapat di antara orang mati dan orang hidup. Pinding ini yang menghalang orang mati kembali ke dunia. Barzakh (pinding) ini akan kekal sehingga Hari Kiamat.

Jadi alam barzakh ialah alam yang terdapat di antara dunia dan akhirat. Alam ini boleh dikatakan sebagai tempat sementara penghuni dunia untuk sampai ke Hari Kiamat.

Menurut Al-Qurtubi ketika menafsirkan firman Allah Taala yang tafsirnya:


"...Sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada Hari Kiamat)." (Surah Al-Mu'minun: 100).

Beliau menjelaskan bahawa barzakh itu ialah alam di antara kematian dan kebangkitan. (Tafsir Al-Qurtubi: 6/113).

Pengarang Kitab Akidah Al-Mukmin pula menyatakan tujuan wujudnya alam barzakh ialah untuk menghimpunkan semua roh dan bersiap sedia memasuki alam akhirat. Dengan kedudukannya yang seperti itu, maka alam barzakh berfungsi sebagai pendinding atau pemisah di antara dua kehidupan lain iaitu kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Dengan perkataan lain, alam barzakh ialah alam penantian atau ruang menunggu untuk masuk ke alam akhirat selepas kematian. (Halaman 409-501).

DALIL-DALIL YANG MENYATAKAN AZAB KUBUR DALAM AL-QURAN

Pensabitan azab kubur di dalam Al-Quran telah dijelaskan oleh para ulama tafsir yang muktabar lagi masyhur. Mereka itu termasuklah Imam Al-Qurtubi, Ibnu Kathir, Imam Muhammad Ar-Razi Fakhr Al-Din dan lain-lainnya menyebut perkara tersebut dan kewajipan beriman dengannya di dalam kitab-kitab mereka.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 181 Bahagian Pertama

Ayat-ayat Al-Quran yang menjadi bukti wujudnya azab kubur antaranya ialah:

1. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada Hari Kiamat dalam keadaan buta." (Surah Thaha: 124).

Menurut Abu Sa'id Al-Khudri dan Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhum perkataan *حي* (yang sempit) adalah azab kubur. Inilah pendapat yang sahih. Telah disebutkan dalam Kitab At-Tazkirah, Abu Hurairah Radiallahuanhu telah berkata: *"Disempitkan kubur orang kafir itu sehingga tulang-tulang berselisih."* (At-Tazkirah: 151-152 & Al-Qurtubi: 6/3307).

2. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Mereka didedahkan kepada bahan api Neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh) dan pada hari berlakunya Kiamat (diperintahkan kepada Malaikat): Masukkanlah Firman dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api Neraka yang seberat-beratnya." (Surah Ghafir: 46).

Ayat di atas menceritakan mengenai berlakunya pendedahan bahan-bahan api Neraka di alam barzakh. Perkara ini bertepatan dengan pendapat jumhur ulama sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Al-Qurtubi bahawa bahan-bahan api Neraka yang didedahkan pada waktu pagi dan petang itu berlaku di alam barzakh. Sebahagian ahli ilmu pula menjadikan ayat di atas sebagai dalil sabitnya azab kubur. Pendapat ini disepakati oleh Mujahid, 'Akramah, Muqatil dan Muhammad bin Ka'ab. Mereka menyatakan bahawa ayat di atas adalah dalil yang

AZAB KUBUR: SABIT BERDASARKAN AL-QURAN DAN HADIS

menunjukkan bahawa azab kubur itu berlaku di alam barzakh. (Al-Jami' li Ahkam Al-Quran, Al-Qurtubi: 8/4415-4416).

Imam Ibn Kathir Ad-Dimsyqi menyatakan bahawa Ahli Sunnah menjadikan ayat di atas sebagai dalil yang kukuh berlakunya azab kubur di alam barzakh. Beliau berkata yang maksudnya:

"Ayat ini adalah sebenar-benar sumber mengenai pensabitan Ahli Sunnah terhadap berlakunya azab kubur di alam barzakh."

3. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Mereka ditenggelamkan (dengan bah tawar), kemudian (pada Hari Akhirat) dimasukkan ke dalam Neraka." (Surah Nuh: 25).

Al-Qurtubi menafsirkan perkataan "dimasukkan ke dalam api Neraka" iaitu selepas mereka (kaum Nabi Nuh Alaihissalam) ditenggelamkan. Berkata Al-Qusyairi yang maksudnya:

"Inilah bukti (berlakunya) azab kubur (yang berlaku ke atas kaum Nabi Nuh Alaihissalam, ditenggelamkan dengan bah tawar dan pada Hari Akhirat dimasukkan ke dalam api Neraka)."

Dengan perkataan lain sebagaimana riwayat Abu Rauq daripada ad-Dahak bahawa di dunia mereka diazab dengan api Neraka sekali gus ditenggelamkan. Yakni mereka ditenggelamkan pada satu sudut dan pada sudut yang lain mereka dibakar di dalam air lautan. (Al-Qurtubi: 9/5187-5188).

Imam An-Nasafi menjelaskan bahawa mereka kaum Nabi Nuh Alaihissalam ditenggelamkan dengan bah tawar dan dimasukkan ke dalam api Neraka disebabkan oleh kesalahan-kesalahan mereka yang banyak. Huruf *fa'* dalam ayat *فانزلناهم* (untuk pemberitahuan) iaitu mereka diazab dengan api Neraka ketika ditenggelamkan. Inilah dalil dan bukti wujudnya dan sabitnya azab kubur. (Tafsir An-Nasafi: 4/297).

4. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa selain daripada azab yang tersebut." (Surah At-Thaur: 47).

Al-Qurtubi menjelaskan dalam tafsirnya bahawa azab itu adalah azab kubur. (At-Tazkirah fi Ahwal al-Mauta wa Umur al-Akhirat: 152 & Al-Qurtubi: 9/4786). Ini kerana Allah Taala telah berfirman yang tafsirnya:

"(Kalau keingkar dan kedegilan mereka sampai begitu sekali) maka biarkanlah mereka (wahai Muhammad, dan janganlah dihiraukan) sehingga mereka menemui hari yang padanya mereka akan binasa." (Surah At-Thaur: 45).

Menurut beliau (At-Qurtubi) hari yang dimaksudkan dalam ayat di atas ialah hari terakhir di dunia. Ini adalah bukti bahawa azab yang dihadapi (di dunia) itu ialah azab kubur. (At-Tazkirah: 152).

5. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak pinak, pangkat dan pengaruh) sehingga kamu masuk kubur. Jangan sekali-kali (bersikap demikian) kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati). Sekali lagi (diingatkan): Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk pada hari Kiamat)! (Surah At-Takathur: 1-3).

Imam Al-Qurtubi menyatakan bahawa surah di atas mengandungi perkataan-perkataan mengenai azab kubur. Oleh itu beriman dengannya adalah wajib. Inilah pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. (At-Tazkirah: 152 & al-Qurtubi: 10/5540-5541).

Ibn Jarir At-Tabari pula menjelaskan ayat *حين رجع القاع* (sehingga kamu masuk kubur) sebagai dalil atau bukti keshahihan wujudnya azab kubur. Perkara ini disebut dalam beberapa riwayat, antaranya riwayat daripada Zirr bin Hubaisy, daripada Ali Radiallahuanhu katanya: "Kami masih ragu tentang azab kubur, lalu turunklah Surah At-Takathur". (Jami' al-Bayan li Ibn Jarir at-Tabari: 15/362).

Bersambung

AKHLAK merupakan perkara penting selepas iman. Akhlak yang mulia merupakan kunci kepada segala-galanya kerana adalah buah kepada cara hidup Islam seseorang. Setiap orang akan dinilai berdasarkan akhlaknya bukan terletak kepada harta bendanya.

Jika baik akhlaknya maka ia akan dianggap baik, jika buruk akhlaknya maka walau ia ada melakukan kebajikan tetap tidak akan dinilai. Oleh itu orang yang mempunyai akhlak yang mulia akan dipandang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Contoh akhlak yang mulia ialah akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Akhlak yang baik hendaklah dipupuk dan dipelihara sehingga sebatu dengan diri kita untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Sesungguhnya akhlak dapat disempurnakan dengan latihan, kebiasaan dan pergaulan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qalam ayat 4 tafsirannya:

"Dan bahawa sesung-

guhnya engkau (wahai Nabi Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia."

Dalam kehidupan manusia, akhlak dapat diibaratkan seperti bunga dalam sebuah taman. Bagaimanapun luas dan indahna sebuah taman kalau tidak dihiasi dengan bunga-bun-

Kepentingan akhlak mulia

gaan maka taman itu tidak jauh berbeza seperti tanah perkuburan.

Seseorang yang mempunyai badan yang sihat, perwatakan yang gagah, tampan, menarik, berilmu, kaya atau berpangkat, tetapi kalau dia mempunyai akhlak yang buruk dan perangai yang jahat, tidak ubahnya seperti muka yang cantik bentuknya, tetapi terguris memanjang tanda bekas luka.

Akhlak yang mulia atau hina terbit daripada jiwa atau hati. Jiwa seseorang itu sahaja yang akan menjadi pendorong menggerakkan perbuatan yang baik atau tercela.

Dengan mempunyai

akhlak yang baik dan sempurna pada diri seseorang maka dapatlah kita melahirkan sebuah masyarakat dan bangsa yang baik kerana bangsa yang diasaskan dengan akhlak yang mulia akan dipandang mulia, bahkan boleh mengangkat martabat sesebuah bangsa ke tingkat yang paling tinggi di antara ummah.

Di sinilah terbentuknya masyarakat madani yang mempunyai nilai-nilai positif dan mahmudah yang mana setiap pekerjaan, pergaulan, perbuatan, hubungan individu, masyarakat, antarabangsa, kekeluargaan dan negara dijalin atas kesempurnaan akhlak. Secara tidak langsung akan mewujudkan sebuah per-

adaban yang luhur bercirikan akhlak kemanusiaan sejagat dan tunduk atas kekuasaan Allah Subhanahu Wataala. Tanpa akhlak manusia akan berbuat sesuka hatinya tidak mengira sama ada ianya dilarang di sisi Tuhan atau melanggar tata-susila dan maruah mereka.

Permasalahan sosial yang semakin kritikal dan kronik dalam masyarakat, terutamanya remaja-remaja pada masa kini adalah disebabkan oleh budaya akhlak dalam diri individu semakin merosot dan terpengaruh dengan budaya kehidupan Barat yang memang sudah runtuh nilai-nilai akhlaknya.

Ugama Islam tidak per-

منوجوكر يرضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

nah menyekat kebebasan

dalam melakukan aktiviti-aktiviti kehidupan tetapi hendaklah melalui batas-batas yang telah ditentukan oleh syariat. Segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wataala mempunyai hikmah. Isu keruntuhan sosial bukanlah suatu perkara yang baru dalam masyarakat kita, namun apa yang diharapkan ialah kepekaan dan usaha bersungguh-sungguh pada diri individu dan masyarakat dalam menangani masalah generasi

muda.

Apa yang patut kita lakukan ialah berusaha mencipta ubat anti penyakit sosial untuk memulihkan sindrom yang menyerang generasi muda pada zaman ini. Salah satu cara terbaik ialah pembangunan akhlak dalam kehidupan seharian. Keperibadian yang disulami dengan keimanan dan akhlak akan menerbitkan pekerti mulia dan menjamin kekekalan dan kesejahteraan sebuah masyarakat, negara dan antarabangsa.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menerima sumbangan oleh wakil TAIB. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah terima sumbangan lebih \$90 ribu

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 April. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA), menerima sumbangan derma berjumlah \$95,048.25 daripada tujuh penyumbang.

Daripada jumlah tersebut sebanyak \$70,080.00 diterima dari Perbadanan

Oleh
Aliddin HM

Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) iaitu sumbangan caruman kepada Pelan Takaful Siswa Khas bagi anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat DANA selama dua bulan (bulan Januari dan Februari 2004).

Sejumlah \$10,000.00 pula disumbangkan oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke negara ini, manakala Kelab Wanita Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di negara ini menyumbangkan sebanyak \$6,250.00 merupakan sebahagian hasil kutipan penyertaan kelab berkenaan semasa jualan amal anjuran Kelab Wanita Antarabangsa Brunei.

Sementara sejumlah \$3,718.25 pula diterima dari Sekolah St. George hasil kutipan acara walkaton anjuran sekolah tersebut dan \$3,000.00 disumbangkan oleh Syarikat Rizsaldi manakala \$1,000.00, pula disumbangkan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Percetakan Kerajaan serta \$1,000.00 lagi diterima dari Persatuan Perpustakaan Kebangsaan Negara hasil kutipan Pesta Perpustakaan sempena

Persidangan CONSAL XII pada penghujung tahun lalu.

Kesemua sumbangan itu diterima oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Menciplak hak cipta harta intelektual tidak boleh dibiarkan

GADONG, 26 April. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman berkata, harta intelektual memainkan peranan yang penting yang meningkat dalam pelbagai hal dan bidang dari internet kepada penjagaan kesihatan hinggalah kepada semua aspek sains dan teknologi, literasi dan kesenian.

Tetapi jelasnya, apa yang menyedihkan sekarang di sekitar kita hari ini, ialah banyak yang mengambil mudah tidak memerhatikan dengan serius di kalangan masyarakat ramai.

"Di mana perkara ini akan menghasilkan satu implikasi yang negatif dan membebaskan kepada individu, organisasi dan masyarakat sesiapa yang mempunyai hak dan juga kepada sesiapa yang menjalankan akta menyalin atau melanggar hak cipta", tambahnya.

"Sebagai seorang masyarakat yang bertanggungjawab, kita mestilah mengetahui yang melanggar hak cipta harta intelektual seperti menciplak hasil literasi, secara haram menyalin muzik, wayang dan kerja artistik adalah satu praktik yang menjijikkan yang sepatutnya tidak patut dibiarkan dan dibenarkan dari merebak," katanya.

Jelasnya, yang paling penting ialah kita mestilah menyedarkan dan mewujudkan kesedaran di kalangan mereka yang mengambil keuntungan kewangan dari tindak laku perniagaan yang tidak

Oleh
Abdullah Asgar

bertanggungjawab ialah salah dan tindakan yang tidak bertanggungjawab mestilah diberhentikan.

Ucapan beliau dibacakan oleh wakil peribadinya Dr. Haji Muhd. Yusof bin Haji Awang Damit ketika membuka rasmi Seminar Kebangsaan Kesedaran Atas Harta Intelektual atau (National Awareness Seminar On Intellectual Property) berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Tambahnya, walaupun harta intelektual bukanlah perkara baru kepada semua, namun masih banyak beberapa isu-isu yang belum diketahui terutamanya mengenai perundangan dalaman dan antarabangsa serta legalisasi hak yang meliputi harta intelektual itu.

Katanya, setiap tahun perseorangan, kumpulan orang dan persyarikatan melahirkan idea-idea dan pemikiran baru dalam bentuk harta industrial yang termasuk penciptaan seperti tanda perdagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta kerjaya termasuk literasi serta artistik seperti novel, sajak dan drama, filem, kerja-kerja muzik, lukisan, seni lukis, fotografi, seni pahatan selain reka bentuk arkitek yang boleh dilindungi sebagai harta intelektual.

Seminar sehari suntuk dianjurkan oleh Per-



DR. Haji Muhd. Yusof bin Haji Awang Damit wakil peribadi, Naib Canselor UBD, menyaksikan pameran sejurus merasmikan Seminar Kebangsaan Kesedaran Atas Harta Intelektual (atas). - Gambar oleh Masri Osman.

pustakaan Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara sebagai menandakan sambutan Hari Harta Intelektual Sedunia yang jatuh pada hari ini.

Ia dihasratkan bagi meningkatkan kesedaran betapa pentingnya melindungi harta intelektual yang kaya dan sebagai warisan budaya. Seramai lebih 100 orang terdiri pegawai-pegawai kerajaan dan swasta menyertai seminar tersebut dengan pembentangan empat kertas kerja oleh pegawai-pegawai kanan Pejabat Peguam Negara.

HSBC beri sumbangan untuk Pusat Ehsan

Oleh
Siti Aishah HS

BENGKURONG, 30 April. - Sejumlah \$7,500.00 berupa cek telah disumbangkan kepada Pusat Ehsan, Kampong Bengkurong yang diterima daripada Bank Hongkong dan Shanghai (HSBC) sebagai sebahagian sokongan yang berterusan daripada perbankan tempatan dalam memeduli hal-ehwal keadaan masyarakat, di samping membantu mereka yang kurang berupaya untuk menjalani kehidupan yang mendatang.

Penyerahan cek itu diterima oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan

Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin daripada Encik William Yap selaku Penasihat Korporat Kanan HSBC yang berlangsung di pusat berkenaan.

Sumbangan itu adalah hasil kutipan dari keluarga dan rakan sepejabat Encik William Yap atas kejayaan beliau mendaki Gunung Kinabalu, Sabah pada 30 Mac lalu, tajaan Kelab Sukan dan Sosial HSBC.



PENYERAHAN cek oleh Encik William Yap selaku Penasihat Korporat Kanan HSBC kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini di majlis berkenaan. - Gambar oleh Hamadi HM.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Manfaatkan ICT secara positif

ISLAM menggalakkan umatnya untuk menuntut dan mempelajari ilmu pengetahuan dalam apa jua bentuk supaya menjadi masyarakat yang baik dan menjadi umat yang cerdas. Ilmu boleh membimbing manusia untuk mentaati Allah pencipta sekalian alam dan memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan di dalam hadis Baginda yang bermaksud:

"Sesiapa yang hendak hidup di dunia hendaklah berilmu, sesiapa yang hendak bahagia di akhirat hendaklah berilmu dan sesiapa yang hendak bahagia di dunia dan akhirat keduanya hendaklah berilmu."

Dari maksud hadis di atas untuk kehidupan bahagia di dunia dan akhirat kita hendaklah mempunyai ilmu ICT ialah singkatan daripada Information Communication of Technology atau dalam bahasa Melayu bermaksud teknologi maklumat dan komunikasi. ICT ialah salah satu bidang ilmu pengetahuan moden mengenai alat pengurusan yang melibatkan pengumpulan, penyimpanan, pengambilan semula maklumat mengenai penggunaan peralatan elektronik dan teknologi moden seperti komputer. Perkembangan ICT akan terus datang tanpa diundang dengan hambatan yang kencing.

Untuk kehidupan yang lebih sempurna kita disuruh menuntut dan memperkayakan diri dengan ilmu duniawi dan ukhrawi untuk dunia dan akhirat. Kita hendaklah meningkatkan diri di dalam kedua-dua bidang ilmu tersebut, di samping mengejar ilmu ukhrawi kita jangan lupa juga akan ilmu duniawi. Kita hendaklah juga meningkatkan ilmu pengetahu-

an di bidang ICT untuk kemajuan diri dan negara di zaman perkampungan global (global village) yang tidak mempunyai batas sempadan dan tidak mengenal batasan waktu dan tempat.

Di era sistem langkit terbuka ini, penggunaan teknologi maklumat merupakan trend di mana penggunaan telekomunikasi moden dan rangkaian-rangkaian seperti internet membolehkan aliran dan perkongsian maklumat sejagat dapat dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan. Walau bagaimanapun biarlah ilmu yang kita ambil dan tingkatan daripada internet itu ilmu yang membina dan berbentuk positif dan meninggalkan yang negatif seperti kegiatan anti-sosial supaya kita tidak akan ketinggalan dalam arus tamadun ICT dan ketinggalan oleh orang lain. Tetapi penyalahgunaan internet akan menyebabkan penggunaan lalai dan asyik.

Dengan meningkatkan pengetahuan di bidang ICT kita akan dapat meningkatkan pendidikan, menambah ilmu pengetahuan, membuat penyelidikan dan lain-lain lagi. Kita juga akan berdaya saing dalam aspek kehidupan moden seperti bidang kewangan, perkhidmatan dan perdagangan antarabangsa.

Pada kesimpulannya, dengan meningkatkan ilmu pengetahuan di bidang ICT, kita akan dapat bersaing di era globalisasi. Kita bukan hanya sebagai penonton sahaja tetapi akan menjadi pesaing dalam apa jua bidang yang bawa diolahnya.

Mas Nani Salwana binti Haji Tengah,
No. 33, Kampong Madewa, Jalan Tutong, BF 1120.
No. k/p: 00-299546

Hasilkan inovasi dan kreativiti

MEMPUNYAI ilmu pengetahuan dalam apa jua bidang akan dapat mengubah kehidupan di masa hadapan untuk menjamin kehidupan seseorang individu mahupun keluarga individu itu sendiri.

Dalam Islam penguasaan ilmu pengetahuan adalah sangat dituntut ini dapat dilihat dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-'Ala ayat 1-5 yang tafsirnya:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."

Ilmu pengetahuan mempunyai erti dan maksud yang sangat umum serta luas, ia tidak terhadap

kepada ilmu keagamaan sahaja, tetapi merangkumi semua aspek ilmu pengetahuan yang dipelajari atau dituntut termasuklah ilmu pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Keyakinan bahawa pengetahuan dalam bidang yang meluas merupakan jaminan buat kesejahteraan dan kesenangan masa depan, menyumbangkan ilmu yang diperolehi kepada pembangunan negara dan menghindari dari perbuatan yang negatif harus ditingkatkan.

Kecemerlangan yang dimiliki oleh anak bangsa patut ada dalam jiwa setiap individu. Faktor-faktor ke arah pendidikan serta pengetahuan yang sempurna iaitu taat kepada ajaran Allah, ugama, ibu bapa dan guru malah maklumat ke arah kesempurnaan juga harus ada sebagai kompas kehidupan di dunia mahupun di akhirat.

Mempertingkatkan lagi jati seseorang individu agar minat untuk menuntut dalam sesuatu bidang pengetahuan yang positif seperti pengetahuan dalam bidang ICT akan dapat ditanam di hati sanubari seseorang individu dan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya mempunyai pendidikan yang sempurna hingga ke peringkat tinggi.

Perkembangan sumber tenaga manusia merupakan salah satu cabaran yang dihadapi seiring dengan perkembangan pesat

ICT. Mengukuhkan sesuatu usaha melalui teknologi semata-mata belum cukup untuk menjamin kejayaan atau menentukan hala tuju seseorang individu ataupun sesebuah institusi.

Teknologi canggih dan sofistikated tidak akan memulangkan hasil yang memuaskan jika dikendalikan oleh individu yang kurang kompeten mengenai teknologi tersebut. Peranan sains dan teknologi maklumat amat penting di dalam pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara kerana penggunaan pengetahuan sains dan teknologi akan dapat membantu meningkat keupayaan sumber manusia.

Perkembangan ICT sememangnya suatu fenomena menarik yang seharusnya dipergunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Tidak dinafikan hampir keseluruhan penghasilan inovasi dan teknik baru di dalam keseluruhan bidang dewasa ini telah dipermudahkan serta dijadikan realiti melalui kemajuan teknologi pemprosesan maklumat.

Matlamat pendidikan negara akan terus memfokus kepada 'Hi-Tech' yang berterusan mengikut perkembangan teknologi dan ekonomi global sejajar dengan aspirasi negara. Dalam usaha membina keupayaan ini, selain menyediakan infrastruktur ICT melalui rangkaian telekomuni-

kasi canggih, tidak kurang pentingnya ialah memberikan kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat mengenai pentingnya ICT dalam kehidupan.

Selaras dengan usaha mewujudkan masyarakat celik ICT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Majlis Sambutan Jubli Emas Maktah Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) pada 7 Mac 2002 antara lain menekankan:

"Sebagai contoh dalam era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkembang pesat di seluruh dunia ketika ini, kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan telah membekalkan komputer ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara sebagai langkah memberikan pendedahan yang secukupnya kepada golongan pelajar, agar mereka itu tidak ketinggalan dalam arus tamadun ICT."

Norliza binti Ahmad,
Simpang 424, Blok 124 No. 17E/A5,
Perumahan Co-Gen, Kampong Sungai Bakong Lumut, KC 2935.
No. k/p: 00-207708

Tingkatkan pengetahuan di bidang ICT

BERDAYA saing bukanlah perkataan yang asing bagi kita. Ia sudah menjadi sinonim bagi kita, bahkan sudah sebat di dalam hidup kita kerana ia menjadi satu agenda di bidang akademik mahupun dalam pembangunan negara di pelbagai bidang, apatah lagi dalam menyahut saranan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan negara kita berkembang pesat selari dengan perkembangan arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di seluruh dunia

ICT adalah teknologi

baru yang membawa kepada perubahan dalam cara pemikiran, pembaharuan dalam kemahiran dan ekonomi. ICT dikenal pasti sebagai sektor pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur negara yang kian berkembang. Dari itu negara kita mempunyai tujuan iaitu menjadikan negara ini sebuah hab siber (cyber hub) di serantau ini. Dengan ini penggunaan ICT akan meluas dan sistem elektronik kerajaan (e-kerajaan) yang mana rangkaian di antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, kerajaan dan sektor swasta dan orang awam akan dapat dihubungkan yang akhirnya

akan mengeluarkan produktiviti yang tinggi.

Dari sini kita dapat saksikan kepentingan ICT dan adalah wajar untuk kita meningkatkan pengetahuan di bidang ICT. Kita sedar jika tidak ada langkah-langkah inisiatif yang diambil, mungkin bangsa kita tidak akan dapat bergerak maju dengan berkesan. Malahan negara kita akan turut terjejas meskipun pada mata dunia negara kita sedang pesat membangun. Bidang ICT bukanlah satu bidang kecil yang tidak harus dititikberatkan tetapi memerlukan penelitian dan perhatian yang secukupnya

dari kita. Jika tidak ada usaha yang dilakukan maka pengetahuan kita dalam bidang ICT tidak akan meningkat malah tidak akan bergerak jauh kepada negara kita dan tidak dapat melahirkan tenaga manusia yang berproduktiviti tinggi, berkemahiran dan berdaya kreatif yang mana semua elemen itu amat diperlukan untuk memberi negara kita suatu kelebihan bersaing di bawah ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan.

Terdapat pelbagai cara untuk mencapai matlamat ini, di antaranya melalui Teknologi Maklumat Brunei (TMB) yang diberi

tanggungjawab untuk melakukan penyelidikan berkaitan perkembangan teknologi maklumat, seterusnya menjadikan bangsa Brunei menjalankan tugas pengurusan tenaga manusia dengan berkesan dan cekap dalam suasana yang bersepadu. Langkah-langkah inisiatif juga harus diambil dalam memperkenalkan ICT ke mukim-mukim dan kampung-kampung melalui projek 'Mukim Net'.

Yang penting sekali adalah hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mengemaskinikan sistem pengajian di Negara Brunei Darussalam

dengan menerapkan penggunaan ICT sebagai cara pengajaran yang berkesan. Selain itu dengan memberikan perhatian yang secukupnya, latihan ICT yang komprehensif dan program pengajian akan dapat menghasilkan kemahiran teknikal serta pengetahuan kepada sesiapa saja. Usaha ini akan dapat dijalankan dengan jayanya melalui penggabungan usaha sama di antara kerajaan, sektor swasta dan institusi-institusi pengajian dan latihan.

Walaupun bidang ICT masih baru lagi di negara kita tetapi kita sedar akan kepentingan ICT. Oleh itu,

kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu agar bangsanya tidak mundur. Dengan usaha yang disalurkan oleh kerajaan itu maka kita dapat lahir sebagai satu bangsa yang berilmu malah berpengetahuan di bidang ICT yang membawa ke arah perubahan dan persaingan dalam dunia ICT.

Eliza binti Haji Ibrahim,
Jalan C, No. 1, Simpang 36, Kampong Perpendahan Mentiri, Jalan Kota Batu, BU 2129.
No. k/p: 00-283767

REMAJA

Jaga kewajipan dan tanggungjawab

OLEH H. A. MANAP

MINGGU lepas kita menulis mengenai betapa pentingnya untuk kembali kepada ajaran dan perintah Allah. Ini bertujuan bagi mewujudkan kekuatan diri yang benar-benar ampuh yang boleh menjadi utap dalam mempertahankan diri menghadapi suasana dan keadaan sekarang. Ramai yang mengatakan kehidupan yang kita lalui sekarang terlalu rumit dan banyak halangan dan cabaran perlu kita tempuhi. Namun ini bukanlah merupakan hadangan yang tidak membolehkan kita bergerak dan membina kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Banyak perkara sudah tidak lagi diambil berat. Ini yang berlaku di kalangan sebahagian para remaja dan muda belia. Keadaan mungkin disebabkan oleh kurangnya rasa yakin diri dan pegangan yang sudah lari dari norma-norma pembinaan akhlak yang dibentuk oleh ajaran Al-Quran dan Sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Lantaran kelalaian, tidak mahu belajar dan tidak menghayatinya maka terjadilah banyak perkara yang akhirnya kita yang jadi penonton menjadi kebingungan dan bercelaru. Mahu tidak mahu maka timbul persoalan, apakah 'trend' generasi masa kini akan menjadi trend yang akan ditempuh di masa mendatang. Kesukaan mencelup rambut, berpakaian yang sudah semakin mendedahkan aurat, pergaulan yang semakin tidak terbatas, gejala dadah, dan sebagainya

sudah semakin deras melanda dan mewarnai kehidupan remaja dan muda belia kita masa kini. Sudah tidak serta segan-silunya lagi kalangan mereka yang mencelup rambut dengan pelbagai warna berada di tengah-tengah kelompok masyarakat sekeliling.

Justeru, kita makin dicelurkan lagi dengan adanya kesan-kesan pengaruh luar yang sudah menjadi pakaian generasi muda yang kita miliki. pelbagai cara dan usaha akan terus digembleng, supaya perubahan yang berlaku di sekeliling kita ini, tidak dilihat sebagai perubahan yang mewujudkan kesan sampingan yang negatif. Biar perubahan itu berlaku sebagai bahan-bahan yang boleh disaring dan disesuaikan dengan keadaan dan iklim yang kita lalui. Kita perlu belajar dan meneliti kenapa generasi sebelum kita merupakan generasi yang tahan lasak dari ancaman sosial dan sebagainya. Salah satu perkara yang menyumbang kepada ketahanan diri, mental dan fizikal mereka ialah adanya kekuatan dalaman yang terbentuk dari keinsafan dan kesedaran diri

dalam menunaikan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wataala.

Mereka pandai dan mahir membaca Al-Quran, pendidikan agama dipraktikkan, kewajipan salat tidak pernah diabaikan dan kewajipan-kewajipan lain tertunai, tanpa ada yang menghalang mereka dari melakukannya. Kebiasaan dan asuhan yang indah menjadikan mereka sebagai generasi yang tahan uji dan kukuh pendirian dan kehidupan mereka. Pembentukan diri mereka tidak pernah lari dari penghayatan beragama yang kuat. Mereka tidak melihat perubahan ini sebagai bahan ikut-ikutan. Malahan mereka melihatnya sebagai pemangkin ke arah kemajuan dan perkembangan diri. Mereka melihat perubahan ini secara proaktif dan tidak membiarkan perubahan itu mempengaruhi naluri dan diri mereka.

Mereka yang mempengaruhi perubahan, melalui penyesuaian keadaan dan tempat. Mereka yang menjadikan perubahan sebagai sukut-sukat untuk mengangkat dan menaikkan tahap dan kualiti diri mereka. Semua inilah yang menjadikan mereka sebagai golongan generasi yang kuat dan berwibawa. Mereka menunaikan salat sejak dari kecil, membaca Al-Quran sebagai rutin

aktiviti harian, penglibatan kegiatan keagamaan menjadi kesukaan mereka dan banyak lagi yang menjurus kepada penghayatan beragama menjadi teras pembinaan kehidupan mereka. Justeru adalah penting bagi menentukan generasi muda kita supaya menjadi generasi yang tahan uji tidak melalaikan tanggungjawab beragama. Menunaikan tuntutan beragama dengan sempurna, tidak mengabaikan sebarang kewajipan, tidak mengambil ringan segala suruhan. Melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti keagamaan haruslah ditingkatkan agar menjadi kebiasaan diri kita. Inilah yang akan menghasilkan kesan mendalam terhadap pembinaan diri dan akhlak yang mulia.

Justeru, kepada generasi muda jangan diabaikan tanggungjawab beragama, dan lihatlah perubahan dan pergolakan sekeliling yang berlaku adalah ujian besar yang mesti dihadapi dengan berbekalkan iman dan ketaqwaan. Inilah utap kita dan inilah juga senjata kita untuk menangkis segala yang datang untuk merosak kehidupan. Semoga kita tergolong ke dalam golongan orang-orang yang sentiasa taat beragama dan menghayatinya dalam kehidupan seharian.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sumbangkan rumah

SALAMBIGAR, 26 April. - Dayang Azizah binti Haji Rashid merupakan salah seorang yang tergolong dalam asnaf fakir miskin telah menerima anak kunci rumah bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Penyerahan anak kunci tersebut merupakan usaha berterusan MUIB dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kepada yang berhak dan layak menerima agihan wang zakat.

Majlis yang berlang-

Oleh
Abu Bakar HAR

sung di alamat No. 32, Simpang 612-64-12 Kampong Salambigar telah disempurnakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan selaku Ahli MUIB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili.

Rumah yang berharga \$44,000.00 terletak di atas keluasan tapak tanah 0.25

ekar dan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti ruang tamu, ruang makan, dapur, tandas dan bilik tidur.

Dayang Azizah sebelum majlis penerimaan kunci tersebut sewaktu ditemui sempat melahirkan ucapan berbilang terima kasih kepada pihak MUIB dan pihak-pihak berkenaan dalam memeduli kehidupan mereka.

Dayang Azizah yang berusia 51 tahun mula menerima bantuan wang tunai bulanan sejak tahun 1986 hingga 1997 se-

banyak \$250.00 sebulan dengan tanggungan 10 orang anak di mana tujuh daripadanya masih bersekolah.

Permohonan bagi mendapatkan bantuan membina rumah bermula sejak tahun 2000 apabila rumah tempat kediaman beliau sangat usang dan daif serta tidak mampu untuk membina sendiri kerana pendapatan dari hasil usaha jualan secara kecil-kecilan hanya cukup untuk perbelanjaan seharian dan sekolah anak-anak.



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili menyerahkan anak kunci rumah kepada Dayang Azizah binti Haji Rashid. - Gambar oleh Halim HS.

Pegawai JPD didapati rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 April. - Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Darat Kuala Belait, Pengiran Haji Idris @ Pengiran Haji Alias bin Pengiran Haji Ahmad telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah (Penggaji 131).

Menurut siaran akhbar Biro Mencegah Rasuah, dalam kedua-dua pertuduhan tersebut, Pengiran Haji Idris didakwa bahawa

pada 15 Mei 2003 telah cuba untuk memperolehi suapan sebanyak B\$400.00 dari dua orang warga India sebagai dorongan untuk mengembalikan cukai jalan dan kopon 24 jam untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas kesalahan-kesalahan yang kononnya telah mereka lakukan.

Mahkamah membebaskan beliau dengan ikat jamin B\$10,000.00 atau dua penjamin tempatan.

Kes ini akan didengar lagi pada hari Khamis 6 Mei 2004.

Tiga beradik memeluk Islam

Oleh Aliddin HM



TIGA adik-beradik berbangsa Dusun memeluk agama Islam di hadapan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Isha'q bin Haji Abdullah. - Gambar oleh Halim HS.

MULAUT, 30 April. - Tiga orang adik-beradik berbangsa Dusun yang tinggal di Kampong Bebuluh, Daerah Brunei dan Muara telah memeluk agama Islam yang berlangsung di rumah kediaman Awang Haji Sabli bin Haji Kalong beralamat Nombor 8, Simpang 83, Jalan Mulaut - Kilanas di sini.

Majlis pengislaman tiga orang adik-beradik itu berlangsung di hadapan para pegawai Pusat Da'wah Islamiyah yang disaksikan oleh tetamu kehormat di majlis itu Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Isha'q bin Haji Abdullah.

Mereka yang memeluk agama Islam ialah Dayang Suziefileney binti Sungkai, 18 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Ameerah Shaheerah binti Sungkai

dan dua orang adiknya Awang Shuandy Helmy bin Sungkai, 17 tahun dan Awang Samri Azizul bin Sungkai, 16 tahun yang masing-masing telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Ammerul Shafiq dan Awang Muhammad Ameerul Rafa'ie bin Sungkai.

Saudara baru tiga adik-beradik itu diraikan dalam Majlis Dikir Syarafil Anam dan ditepung tawar dengan menaburi bunga rampai kepada saudara-saudara baru tersebut yang dihidul oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Abas bin Awang Haji Tuah.

Lebih 200 orang saudara baru di seluruh negara telah memeluk agama Islam dari bulan Januari hingga April.

N MENGADAKAN KE ATPBDB

Liputan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Ramli Tengah

DPMM akan men-
dan ristaan
sepan-
wah warga

Pemerintah
seluruh
menyem-
nggi-ting-
gan majlis
mat Mulia
nyukur ke
Subhanahu
ngumtuan
Angkatan
Brunei
Duli Yang
Bekia Seri
Haji Has-
Muzaddin
nulan Yang
Brunei
25 Mac

ikuti de-
mat yang
Timbalan
ATPBDB,
Haji
Haji Abdul
struktur
dan pe-
capaian

matlamat
tersebut
memberikan
gualiti den-
memberi
aman kepa-
DB dalam
tan. Kesi-
mubangan,
telangka-

atera Per-
juta Diraja
16 unit
reranan ser-
ng berlainan
Markas
Garison,
Wanita,
dan
Per-

DPMM akan men-
dan ristaan
sepan-
wah warga

DPMM akan men-
dan ristaan
sepan-
wah warga

khidmatan. Pergigian, Kompeni Polis Tentera dan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei," jelas beliau.

Di akhir sesi taklimat, DPMM telah menyabdakan keprihatinan mengenai ke-berkesanan penjagaan dan kawalan peralatan serta barang-barang khususnya bahan-bahan letupan dan penglibatan Kompeni Askar Wanita dalam semua aspek ketenteraan.

Dalam sesi itu, DPMM telah disebarkan penjela-
san oleh Pemerintah ATPB-
DB mengenai usaha-usaha yang dibuat oleh angkatan tentera berkenaan dalam menganalisisnya.

Sejurus kemudian, DPMM dijunjung berangkat ke Pusat Kalibrasi bagi meninjau dengan lebih dekat lagi akan peranan dan fungsi pusat berkenaan yang bertindak selaku Makmal Piawai Kalibrasi bagi instrumenasi elektrik, elektronik dan meteorologi.

Pusat berkenaan telah menerima akreditasi dari 'United Kingdom Accreditation Service' dalam bidang-bidang piawai berkenaan dan beberapa bidang berkaitan lainnya dan beru-
paya memberikan khidmat kepada ABDB pada keselu-
ruhanannya di samping kementerian-kementerian lain.

Dari Pusat Kalibrasi DPMM dijunjung meneruskan lawatan ke Markas Askar Wanita bagi meninjau dengan lebih dekat lagi akan peranan dan fungsi kompeni tersebut, di samping berke-
sempatan meninjau secara dekat perkhidmatan-perkhid-
matan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan khusus bagi anggota-anggota tentera wanita.

Atur cara lawatan DPMM ke Kompeni Askar Wanita termasuk santap pagi bersama Pegawai Memerintah Kompeni dan pegawai-pegawai Kompeni Askar Wanita lainnya.

Selepas santap pagi, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat ke Depoh Logistik bagi disem-
bahkan penerangan mengenai fungsi dan peranan depoh berkenaan dalam penye-
larasan keperluan-keperluan logistik seluruh ABDB, di

samping meninjau secara dekat operasi salah sebuah depoh yang berdekatan.

DPMM juga disem-
bahkan mengenai peralatan pemusnah bom yang mana menunjukkan keupayaan ABDB dalam menangani isu keganasan.

DPMM seterusnya dijun-
jung berangkat ke Woksyp Bolkiah yang berperanan sebagai pusat pembaikan bagi kenderaan-kenderaan darat, peralatan-peralatan instrumentasi, perhubungan dan lainnya.

Sejak penubuhannya, keupayaan teknikal dan kepelbagaian perkhidmatan pembaikan yang ditawarkan oleh woksyp berkenaan telah meningkatkan lagi kewibawaan ATPBDB dalam menangani keperluan-logistik dan teknikal unit-unit lainnya dalam organisasi ABDB.

Muzium Angkatan Berse-
njata Diraja Brunei meru-
pakan tempat terakhir yang dilawati oleh DPMM yang mengabadikan dan meni-
pamerkan pelbagai khazanah ketenteraan Brunei sebagai ristaan kepada anggota ten-
tera dan masyarakat umum-
nya.

DPMM seterusnya berke-
nan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ATPBDB di Mess Pegawai Bolkiah Garison.

Atur cara keberangkatan lawatan kerja DPMM di-
akhiri dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjamaah di Surau Bolkiah Garison yang berdekatan.

Keberangkatan lawatan kerja DPMM ke ATPBDB merupakan siri lawatan terakhir ke unit-unit besar ABDB.

Sesungguhnya lawatan-lawatan berkenaan telah menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap perlaksanaan tugas dan tanggungjawab ABDB dan diharapkan menjadi pe-
mangkin kepada semua kakitangan kerajaan termasuk para anggota tentera untuk menjalankan tugas dan tang-
gungjawab masing-masing lebih iltizam, dedikasi dan efisien.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai salah satu bahagian di ATPBDB (atas).

DPMM mengakhiri lawatan kerja ke ATPBDB dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjamaah di Surau Bolkiah Garison (kiri).

Lawatan ke Sekolah Latihan Teknikal Udara ATUDB

BERAKAS, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan meneruskan lawatan ke Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di SLTU dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan,

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin dan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimulakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yassin.

DPMM selepas itu dijun-
jung ke SLTU ATUDB oleh Pegawai Pemerintah SLTU, Mejar Hajah Wan Shalimer binti Haji Suhaili dan kemudi-
an disembahkan penerangan mengenai kursus-kursus dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah terse-
but.

DPMM kemudian dijun-
jung ke Bahagian Teknikal Pemeliharaan Peralatan Pesawat dan Kelas Teknikal.

DPMM berkenan menyaksi-
kan pesawat yang terdapat di Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) (kanan), sementara gambar kiri, kelihatan DPMM mendengar sembah taklimat di salah satu bahagian yang dikunjungi.

Dari sana, DPMM berkenan menyaksikan beberapa buah pesawat yang terdapat di sekolah itu iaitu pesawat Helikopter Bell dan pesawat Pilatus PC II.

Dalam lawatan itu, DPMM juga berkenan menandatangani buku lawatan dan berkenan menerima jun-
jung ziarah pegawai dan anggota ATUDB.

SLTU ditubuhkan pada tahun 1986 dan kini mempunyai keramaian 70 penun-

tut terdiri anggota ATUDB.

Kursus yang dijalankan di sekolah tersebut ialah Diploma Kebangsaan dan Kejuruteraan Pesawat iaitu dengan menjalani lapan peringkat, antaranya ialah para penuntut menjalani Latihan Persekitaran dan Pembiasaan Pesawat Penerbangan, Kursus Teknikal ATUDB, Kursus Kepimpinan, Latihan Pengurusan Pergerakan dan Kursus Pentadbiran Senior NCO's.

SLTU mempunyai kera-
maian tujuh orang pengajar iaitu tiga dari Britain, se-
orang masing-masing dari Amerika Syarikat, India, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Dari SLTU, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat meneruskan lawatan dengan menaiki pesawat helikopter khas menuju ke Nombor 38 Skuadron Rejimen Udara ATUDB di Berakas Garison.



MUKADIMAH

TIDAK disangkakan kenapa William Henry Gates III (Bill Gates) merupakan 'Lelaki Terkaya Di Dunia' (2003 Forbes) kerana kepercayaan dan kejayaan mencipta dan 'menggicilkan' Server Komputer Sebesar Kontainer' dan boleh dimiliki setiap orang di rumah. 'Komputer Digelar 'PC' (personal computer) kini menjadi milik setiap orang di dunia. Yang mana ketika beliau mengemukakan idea ini, pengasas 'komputer sebesar kontainer' mengatakan: "IMPOSSIBLE! DUNIA HANYA MEMERLUKAN 3 KONTAINER INI UNTUK KEPERLUAN SELURUH DUNIA..." Bill Gates tidak mempercayai keputusan itu. Kini, sebagai pengerusi microsoft, beliau menjangka pendapatan lebih US\$400 juta seminggu.

"Penaklukan tentera boleh ditentang. Tetapi tidak suatu 'idea' yang masanya sudah tiba." - Victor Hugo.

"Dua perkara yang amat diperlukan pada masa kini: Pertama golongan yang kaya perlu mengkaji bagaimana golongan yang hidup miskin dan kedua, golongan yang miskin pula perlu mengkaji bagaimana golongan kaya berjaya." - John Foster.

Orang yang boleh menjadi kaya raya sentiasa berfikir untuk menjadi kaya raya. Akal digunakan semaksimal mungkin semasa dia sedar, bila dia tidur akal akan direhatkan sementara. Sebenarnya sentiasa berfikir tidak akan menjadikan awda gila. Tidak berfikir lah yang selalunya menyebabkan seseorang gila. Sebab itulah orang yang gila digelar 'hilang akal'. Jika awda selalu menggunakan akal, awda akan sentiasa tahu di mana awda sedang berada.

Akal adalah anugerah ilahi yang sangat tinggi nilai dan martabatnya. Ia itu membezakan antara manusia daripada binatang. Oleh itu marilah kita pergunakan akal kita sewajarnya agar kita tidak kehilangan akal nanti dan selamat daripada sikap dan sifat haiwani.

Dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar di alaf baru ini, kita bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal semata-mata tetapi kekuatan mental sewajarnya diseimbangkan. Fikiran yang sihat dapat melancarkan segala kerja, walaupun pekerjaan itu merupakan pekerjaan yang paling berat. Ini kerana setiap tindakan kita harus dimulai dengan berfikir tanpa berfikir pasti kita tidak akan berjaya dalam apa-apa jua yang dilakukan.

"Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka merubah nasib

DALAM menghadapi kehidupan yang serba mencabar di alaf baru ini, kita bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal semata-mata tetapi kekuatan mental sewajarnya diseimbangkan. Fikiran yang sihat dapat melancarkan segala kerja, walaupun pekerjaan itu merupakan pekerjaan yang paling berat. Ini kerana setiap tindakan kita harus dimulai dengan berfikir tanpa berfikir pasti kita tidak akan berjaya dalam apa-apa jua yang dilakukan.

yang ada pada diri mereka sendiri." (Ar-Ra'd, ayat 11).

"Nothing is as real as a dream. The world can change around you, but your dream will not. Responsibilities need not erase it. Duties need not obscure it. Because the dream is within you, no one can take it away."

- Tom Clanc (best-selling author).

"Barangsiapa yang mahukan dunia, dia mestilah seorang yang berilmu. Barangsiapa yang mahukan akhirat, dia juga mestilah seorang yang berilmu. Barangsiapa yang mahukan dunia dan akhirat dia mestilah seorang yang berilmu." - Hadis.

"What Your Mind Can Conceive and Believe It Can Achieve." - Napoleon Hill.

"Kaya tidak mustahil! Orang lain boleh kaya. Awda pun boleh kaya. Soalnya sekarang, siapa yang mengatakan mustahil? Awda atau orang lain? Siapa sebenarnya yang menentukan hidup Awda? Awda atau orang lain?" - Dr. Azman Ching.

DUNIA PENUH DENGAN WANG!

Semua orang memang berhak dan boleh menjadi kaya dan memiliki apa yang diinginkan. Yang membezakan di antara orang yang berjaya, kaya dan orang miskin dan orang yang mundur ialah cara mereka berfikir dan juga cara mereka bertin-

'Awda adalah yang awda FIKIRKAN'

'9 RAHSIA' meraih pendapatan lumayan dari rumah. 'Formula terhebat membasmi kemiskinan dan pengangguran abad ini' Sebuah panduan Perniagaan Dari Rumah yang praktikal dan mudah diikuti untuk merealisasikan impian BEBAS MASA & WANG AWDA!

Rahsia I

dak. Hakikatnya dunia ini 'penuh' dengan WANG. Wang ada di mana-mana dan memang disediakan untuk manusia. Ianya hanya perlu diambil sahaja. Tidak menjadi kesukaran mendapatkannya jika awda mengetahui caranya. Awda hanya perlukan sedikit usaha, ilmu pengetahuan, kemahiran dan keyakinan serta disiplin yang tinggi untuk mendapatkannya.

Bukti wang ada di mana-mana ialah apabila awda mencari wang pasti awda akan menemuinya walaupun awda berada di tempat yang tidak dihuni oleh manusia. Sebagai contoh, Konglomerit Lim Goh Tong, adalah contoh usahawan yang berjaya dari peringkat bawah. Pengusaha pusat perjudian terkenal Genting Highlands Resort, Lim Goh Tong adalah seorang ahli perniagaan yang berjaya dan juga antara mereka yang terkaya di Malaysia. Goh Tong yang berasal dari Anxi, Wilayah Fujian, China datang ke Malaysia ketika berusia 20 tahun. Beliau mula menceburi bidang perniagaan dengan berniaga besi buruk dan setelah agak berjaya menceburi bidang pembinaan.

Kini Genting Highlands merupakan sebuah pusat perancangan dan pusat perjudian yang berjaya dan mempunyai kemudahan bertaraf antarabangsa. Selain itu, Genting Highlands mempunyai hotel terbesar di dunia dengan mempunyai 6,000 buah bilik dan berjaya mengaut keuntungan RM1 bilion setiap tahun. Sedangkan lebih 40 tahun dahulu, semasa beliau mengajukan 'idea' untuk membeli tanah, membangun pusat perniagaan dan perjudian di atas bukit Genting Highlands yang terpencil, tiada penghuni, beliau dianggap 'kurang rasional dan tidak siuman'.

Bapa saya pun pernah bercerita tentang tawaran beliau kepada 'uncle' saya berbangsa Cina sekitar tahun 80-an untuk mem-

BERIMPIAN BESAR

beli sebidang tanah di Gadong, di mana bangunan Centre Point dan The Mall berdiri megah sekarang. Waktu itu uncle saya seorang businessman yang berjaya. Dan kawasan itu masih diliputi hutan dan paya bakau. Apa kata uncle saya:

"Ayah! Haji... ini kawasan hutan bakau banyak licak punya tana... Ambuk saja mau diam ini tempat... noway for businesslah..."

Tapi sekarang apa jadi? Salah seorang konglomerit bangsa Melayu Brunei 'menjadikan yang mustahil itu jadi kenyataan...'

Napoleon Hill pernah berkata: "Orang-orang yang berhasil menjadi kaya adalah mereka yang merubah apa yang MUSTAHIL menjadi sesuatu yang NYATA!"

Mempunyai pendapat-an yang lumayan memang menjadi impian setiap orang kerana hidup masa kini, wang menjadi sangat penting kerana tuntutan dan sara hidup sentiasa meningkat. Ramai orang memilih jalan dengan menyertai pelbagai usaha sampingan sama ada dengan menceburi bidang perusahaan jualan langsung (MLM), melabur di dalam pasaran saham bagi mereka yang memiliki kelebihan wang dan pengetahuan serta berani menghadapi risikonya dan menyertai pelbagai program dan skim kewangan yang 'merangsangkan', seperti Skim Cepat Kaya, Pyramid dan seumpamanya.

Selain itu ramai juga yang melakukan pelbagai usaha sampingan seperti mengambil upah memotong rumput, mencuci pinggan mangkuk di restoran, berniaga di pasar malam, menjual nasi lemak, menjual kuih-muih, berjaya di tepi-tepi jalan yang strategik, menjual benih pokok buah-buahan, bunga, tanah, baja dan seumpamanya.

Bagi mereka yang menjalankan perniagaan jualan langsung, kawan-

kawan dan ahli keluarga boleh menjadi pelanggan mereka dan bagi yang benar-benar berusaha tentu akan mencapai kejayaan yang besar, tetapi bagi mereka yang hanya hangat-hangat tahi ayam pasti kekecewaan sahaja yang mereka capai.

Ramai orang hanya sekadar boleh mengagumi pencapaian orang lain dan membayangkan orang tersebut sungguh bernasib baik. Sebenarnya nasib tidak akan sekali-kali menyebelahi orang yang malas berusaha, berfikir dan bertindak. Ramai orang mempunyai idea yang baik dan bernas tetapi tidak pula melaksanakannya kerana menunggu masa sesuai (seperti sesuatu bersara dari pekerjaan) atau mempunyai alasan-sibuk dan tiada modal. Sebenarnya terlalu ramai orang memberikan alasan yang tidak masuk akal melakukan sesuatu.

Ramai suri rumah telah berjaya dalam perniagaan walaupun pada masa yang sama mereka sibuk dengan urusan rumah tangga, cabaran hidup (seperti ibu tunggal), dan kerjaya lain. Di Amerika Syarikat seorang suri rumah yang sarat mengandung dan ditinggalkan oleh suaminya serta tidak mempunyai wang untuk membayar sewa bilik yang didudukinya telah memulakan usaha menjual barangan cenderamata secara pos dengan sedikit wang yang ada di tangannya dari bilik tidurnya yang dijadikan sebagai pejabat dan sekali gus sebagai tempat tinggal selama bertahun-tahun lamanya. Sekarang beliau merupakan seorang usahawan paling berjaya dan mempunyai pendapatan lebih satu bilion dolar setahun, nama beliau ialah Lilian Vernon.

Sebenarnya masih banyak lagi kisah kejayaan individu yang berada di dalam kesusahan dan kesulitan tetapi telah mencipta kejayaan yang gemilang. Oleh itu untuk menyatakan bahawa awda tidak mampu melakukan dan tiada masa serta tiada

SIRI MINDA KREATIF

Cetusan minda Ummi Salmah

modal adalah karut semata-mata. Jika awda membuka minda positif, hati yang terbuka, awda akan lebih mudah untuk mendapat jalan menuju kejayaan dan kekayaan. Dengan sentiasa mengingati Allah juga awda akan dikurniakan dengan pelbagai ilham dan juga idea yang boleh mendatangkan keuntungan yang besar tetapi ia bergantung kepada cara bagaimana awda melaksanakannya.

Sebenarnya amat banyak cara yang boleh digunakan bagi meningkatkan pendapatan dari rumah. Bermula dengan melakukannya secara sambilan dan setelah mencapai kejayaan, awda bolehlah membuat keputusan sama ada untuk terus melakukannya secara sambilan atau sepenuh masa. Tetapi saya penuh yakin dan percaya, jika perusahaan di rumah ini lebih menghasilkan pendapatan lumayan dan berupaya membebaskan awda daripada belenggu masa dan wang, pasti awda akan membuat keputusan untuk melakukannya sepenuh masa.

Industri KITAR SEMULA (RECYCLING) dan MLM (Multi-Level Marketing) Amat Menguntungkan

Hakikatnya, Allah menciptakan WANG di setiap ruang mayapada ini. WANG tersebut tidaklah berupa segumpal wang tetapi dalam bentuk bahan mentah dan benda-benda yang boleh ditukarkan menjadi wang apabila ia dijual atau dipasarkan. Rumah awda sebenarnya kilang memproses dan pengeluaran kekayaan yang tidak pernah kita fikirkan. Sebagai contoh dalam industri KITAR SEMULA, bermula dari dapur rumah awda, TONG SAMPAH awda yang penuh dengan sampah adalah LOMBONG WANG. Kertas, akhbar, majalah, plastik, botol, kontainer, tin-tin minuman ringan, jika awda buat satu kajian setiap bulan awda boleh

mendapat WANG dari sikap KITAR SEMULA antara B\$100 - B\$300 sebulan. Berapa jumlah wang yang awda buang secara tidak disedari dalam jangka masa setahun x @ B\$200 = B\$ 2,400, 30 tahun x @ B\$ 2,400 = B\$72,000. Awda boleh membina sebuah rumah banglow hanya melalui amalan kitar semula dari 'TONG SAMPAH DI DAPUR AWDA!'.

Tidaklah ini menjamin kehidupan masa tua awda? Belum lagi 'menukar je nama' makan-minum, pakaian, penjagaan badan, alat solek dan kosmetik sebagaimana yang ditawarkan oleh industri MLM (Multi-Level Marketing) dengan konsep 'Pengguna Bijak'!

Kejayaan dan kekayaan tidak datang bergolek. Insan yang bernafaskan kejayaan dan kekayaan menghubungkan niat dan tindakan. Dia adalah insan yang menentukan matlamatnya (niat) dan bertindak untuk mencapai cita-citanya. Niatnya kerana Allah dan tindakannya juga kerana Allah. Untuk hidup bernafaskan kejayaan dan kekayaan, awda mestilah yakin kepada diri awda sendiri. Jika awda percaya kepada kebolehan awda, awda boleh sahaja berfikir positif sepanjang hidup awda. Kerana kita diciptakan oleh Allah Taala sebagaimana firman-Nya tafsirannya:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia. Menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar dan beriman kepada Allah." (Surah Ali'-Imran ayat 110).

Dan kita adalah sebagai 'Khalifah' di muka bumi. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 tafsirannya:

"... Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di muka bumi..."

Bersambung

Seorang Pegawai Buruh terlibat rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Mei. - Seorang pegawai Jabatan Buruh, Awang Md. Jinan bin Haji Kassim telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas tiga pertuduhan di bawah Seksyen 6 (a) dari Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Dalam pertuduhan pertama, Awang Md. Jinan sebagai Penolong Pemeriksa Buruh telah didakwa dengan secara tidak jujur menerima suapan sebanyak B\$200.00 (dua ratus ringgit Brunei) dari seorang kontraktor sebagai dorongan supaya tidak melakukan pemeriksaan ke atas tempat tinggal pekerja-pekerja syarikat beliau di Kampong Tanjong Nangka, Jalan Mulaut.

Dalam pertuduhan kedua, Awang Md. Jinan didakwa telah cuba memperolehi suapan sebanyak B\$200.00 dari seorang peniaga sebagai dorongan supaya tidak membuat laporan mengenai keadaan tempat perniagaan syarikat beliau di Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong.

Manakala dalam pertuduhan ketiga, Awang Md. Jinan didakwa telah cuba memperolehi suapan dalam bentuk wang dari seorang peniaga yang lain sebagai dorongan untuk membuat laporan sokongan terhadap syarikat perabot beliau di Kampong Burong Lepas.

Ketiga-tiga kesalahan didakwa telah dilakukan pada 13 November 2002.

Mahkamah membebaskan beliau dengan ikat jamin B\$10,000.00 atau dua orang penjamin tempatan dan pasport beliau ditahan. Kes ini akan didengar lagi pada 11 Mei 2004.



Kempen Kebersihan sempena Hari Bumi Sedunia

Oleh Aliddin HM

TUTONG, 25 April. - Penjagaan kebersihan dan kecantikan kawasan pantai bukan saja tanggungjawab pihak kerajaan semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab orang ramai di negara ini.

Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin

SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin mengetuai Kempen Kebersihan dan Penanaman Pokok sempena Hari Bumi Sedunia 2004 di kawasan Pantai Seri Kenangan (kiri). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

menterian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal berkata demikian di Majlis Kempen Kebersihan dan Penanaman Pokok-pokok sempena Hari Bumi Sedunia 2004 berlangsung di kawasan Pantai Seri Kenangan di sini.

Beliau berkata, para pengunjung dan pengguna pantai tidak seharusnya hanya menggunakan kawasan berkenaan sekadar memenuhi kepentingan dan kehendak rekreasi serta sosio-ekonomi semata-mata tanpa menghiraukan kesan negatif yang bakal timbul.

Beliau berharap, pe-

ngunjung dan pengguna kawasan pantai mengamalkan sikap suka menghargai dan memelihara segala kemudahan yang disediakan.

Antara lain objektif utama kempen itu diadakan ialah untuk memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan orang ramai mengenai masalah pembuangan sampah sarap di merata-rata tempat di negara ini.

Selain itu ianya juga bagi menggalakkan sikap bekerjasama di antara persatuan belia, pertubuhan awam, penduduk kampung dan pihak kerajaan dalam sama-

sama berusaha menangani pelbagai isu alam sekitar.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sedang dalam proses mencantikkan landskap dan kemudahan awam yang terdapat di pantai berkenaan, antaranya membina tandas awam dan padang bola tampar pantai yang sudah mula digunakan.

Tema sambutan Hari Bumi Sedunia tahun ini ialah 'Marilah Bekerjasama Melindungi Alam Sekitar Kita' dan ianya selaras dengan apa yang kita hasratkan dalam memupuk kesedaran kalangan penduduk di negara ini mengenai pentingnya menjaga alam sekitar supaya bebas daripada pencemaran.

Kempen tersebut dianjurkan bersama oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Majlis Belia Daerah Tutong serta para penduduk yang berdekatan.

Pantai Seri Kenangan sebuah tempat rekreasi di negara ini dan mula mendapat perhatian memandangkan kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di pantai tersebut seperti padang bola sepak dan bola tampar.

Selain membersihkan kawasan pantai pelbagai aktiviti juga dianjurkan seperti memancing, bola jaring dan lain-lain lagi.

Adalah diharapkan orang ramai dapat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan sebaik-baiknya agar akan bertahan lebih lama.

Kaunseling berperanan selesaikan masalah

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 28 April. - Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Azaharaini bin Haji Mohd. Jamin berkata, banyak orang beranggapan bahawa kaedah kaunseling melibatkan pemberian amaran kepada seseorang pekerja supaya ia sedar dan tidak membuat atau melakukan kesalahan yang sama.

Menurutnya, anggapan itu kurang tepat kerana kaunseling melibatkan pengenalatan atau pendekatan kepada sesuatu masalah yang mana jika masalah tersebut tidak ditangani, akan mendatangkan persengketaan, umpamanya di antara majikan dan pekerja, akhirnya kualiti dan produktiviti kerja akan terjejas dalam organisasi tersebut.

Perkembangan Kaunseling Di Brunei: Ke Arah Kece-merlangan' berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Menurutnya, fokus kaunseling bukan untuk menyelesaikan permasalahan yang berasingan tetapi fokusnya ialah untuk menolong seseorang individu menyedari dan menggunakan potensi serta keupayaan untuk membolehkan mencapai 'personal happiness' dan 'social usefulness' secara optima.

"Fungsi kaunselor itu bukanlah untuk menyelesaikan masalah untuk seseorang itu tetapi memberikan bantuan supaya pemikiran seseorang itu lebih terang bagi membolehkan ia membuat pemilihan atau

keputusan yang wajar untuk masa depannya," jelasnya.

Katanya, kalau perkhidmatan kaunseling itu boleh meningkatkan produktiviti organisasi, persoalannya sekarang ialah setakat manakah perkhidmatan kaunseling itu dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam.

Beliau mengharapkan, seminar itu akan dapat menyentuh mengenai keperluan perkhidmatan kaunseling dalam Perkhidmatan Awam supaya masalah kurang keyakinan diri dan kurang keupayaan bertindak secara proaktif di kalangan pekerja akan ditangani.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Persatuan Kaunseling Brunei dengan

kerjasama Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan.

Lebih 100 orang peserta menyertai seminar tersebut yang terdiri pengetua-pengetua sekolah kerajaan dan bukan kerajaan seluruh negara.

Dua orang pembentang kertas kerja telah dijemput bagi menjayakan seminar dan bengkel itu. Mereka ialah Profesor Psikologi Kaunseling Fakulti Perkembangan Sosial dan Manusia Universiti Utara, Malaysia, Dato' Profesor Dr. Haji Amir Haji Awang dan Awang Mohiddin Arjo, Ketua Pegawai Kaunseling, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 5 Mei 2004

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

ALAI PINTAR



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

Norsakinah Roslan,
Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah,
Umur : 9 tahun

SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 5 Mei 2004

Mohd. Izwan Izzat Hamdani,
Sekolah Nusa Laila Puteri, Gadong,
Umur : 10 tahun

Abdul Wazif Jaafaruddin,
Sekolah St. John, Kuala Belait,
Umur : 9 tahun

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 618

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 618,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ENGURUS baru tu kacak! Segak macam hero filem!"

Berita kedatangan Pengurus baru syarikat pembuat biskut dan roti di pinggir bandar terbesar luas di kalangan pekerja. Cerita mengenai ketampanannya meniti dari mulut ke mulut. Walaupun baru dua hari pemuda itu memegang jawatan Pengurus, kehadirannya mendapat perhatian pekerja wanita.

"Emm, alangkah bagusny kalau aku mendapat suami seperti dia!" Antara puluhan peminat, Tisra yang bekerja di Bahagian Pengeluaran tidak putus-putus menyuarakan impian memiliki jejaka itu.

"P"

"Tisra, jangan bermimpi di siang hari! Takkan orang macam dia itu sudi bersama kita!" kawan akrab yang masih berpijak di bumi nyata tidak lupa mengejutkannya daripada mimpi yang jauh di alam angan-angan.

"Kau tahu Mah, jodoh dan pertemuan di tangan Tuhan. Mungkin mustahil pada kita tetapi tidak pada Tuhan."

"Yang itu aku tahu tapi ... sudahlah Tisra. Sambung kerja kau tu. Jangan sampai tersilap adun tepung tu, nanti kena marah pula oleh si gendut." Dia tidak mahu berdebat mengenai jodoh pertemuan. Dia tidak minat berbual panjang mengenai hal itu.

Tisra menjuihkan bibir. Dia tidak suka mendengar pendapat rakannya yang terlalu negatif. Pesimis. Entah dari mana Tisra mendapat keyakinan bahawa Pengurus itu akan jatuh ke tangannya jika dia berusaha gigih ke arah itu. Dia yakin di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Bagi Saimah, dia tidak sanggup melayani kerehnan Tisra. Geli-geman seluruh badannya melihat gelagat Tisra yang seperti mabuk kepayang.

Saimah akui, pemuda tinggi lampai dan berdada bidang itu mampu meruntun hati wanita. Namun, dia masih berada di alam sadar. Bukan seperti Tisra yang terperangkap di awang-awangan.

"Mah ... Mah ..."

Saimah tersentak, wajah Tisra diamati dengan hairan.

"Kenapa?" tanyanya.

"Tu ... cuba kau tengok di sana," bisik Tisra. Muncung bibirnya terarah ke satu sudut. Saimah menurut. Kelihatan Pengurus kacak sedang bersalam-salaman dengan beberapa orang pekerja.

"Aduh, alangkah bagusny kalau dia ke sini!" Tisra menekup dada yang berombak kencang. Debaran hatinya bertambah. Saimah sekadar menggeleng kepala melihat gelagat Tisra.

"Tisra, kau tak nampak si gendut di sebelahnya tu?" tanya Saimah.

"Cis, peduli apa tentang Encik Hamdan tu!"

Kepala Saimah tergeleng lagi. Dia meneruskan kerja-kerja yang terbengkalai. Dibiarkan Tisra berangan-angan seorang diri. Dia tidak mahu menjadi mangsa tengkingan Encik Hamdan yang perutnya memboyot macam perempuan sedang menghitung hari menunggu kelahiran anak dalam kandungan.

"Hello ..."

Sapaan itu menarik perhatian Saimah. Diliriknya wajah Tisra. Senyuman Tisra melebar. Saimah tersenyum segan. Dia tahu rakan sebilikannya itu amat gembira kerana dapat bersua muka dengan Encik Amry.

"Awak ini siapa?" tanya Encik Amry kepada Tisra yang tersenyum menggoda.

"Saya Tisra, ini Saimah," jawab Tisra.

"Tisra ... em ... cantik nama itu ..."

Pipi Tisra kemerahan.

"Awak ini tentu banyak peminat," tambah Encik Amry lagi.

"Eh, tak adalaha!"

"Jadi masih ada kekosonganlah ni ..." ujar Encik Amry seolah-olah sengaja memasang jerat. Mata Tisra bersinar.

"Encik Amry pula masih ada kekosongan atau tidak?" balas Tisra.

"Kenapa? Kalau kosong Cik Tisra berkenan?" jawab Encik Amry lalu disusuli ketawa kecil.

"Encik Amry ..."



KACAK

teguran Encik Hamdan menghentikan sesi usik-mengusik yang menimbulkan rasa meluat di hati Saimah. Tisra tersipu-sipu. Sewaktu Encik Amry mula beredar, hati Tisra terasa amat berat hendak melepaskannya. Kalau boleh mahu saja Tisra mengikat Encik Amry pada kaki mejanya.

"Ishh, kau ni tak malu!" Saimah terus menampak Tisra yang asyik mencium tangan kanan yang digunakan bersalaman dengan Encik Amry tadi.

"Siapa yang tak malu? Aku?"

"Ya. Kau tu tak malu. Adakah patut kau tanya soalan macam itu kepada Encik Amry?" Marah Saimah.

"Apa salahnya. Sekurang-kurangnya aku tahu dia tu belum mempunya."

"Macam mana kau tahu dia tu belum mempunya?"

"Eh, kau sendiri nampak reaksinya tadi!"

"Kau jangan lupa Tisra, bukan semua lelaki yang sudah berkahwin mengaku sudah berkahwin."

"Terserahlah kau nak kata apa, tapi aku yakin dia belum mempunya."

Saimah tidak kuasa lagi hendak melihat Tisra dalam keadaan seperti itu. Dia meluat. Tisra benar-benar dibuat angan-angan. Kekacakan dan kesegakan Encik Amry memukau mata Tisra. Hidup Tisra seolah-olah punya satu tujuan iaitu memiliki Encik Amry. Malahan ketika tidur Tisra sering mengigau menyebut nama Encik Amry.

Bukan tujuan Saimah menentang kehendak perasaan sahabat sebilikannya itu. Tidak terniat di hatinya hendak berbuat demikian. Yang membimbangkan Saimah hanya satu, iaitu Tisra bermain api. Saimah khawatir Tisra rentung dalam permainan api.

"Mah! Mah! Aku ada berita baik!" Tisra terlonjak-lonjak mendatanginya sewaktu sedang berehat di beranda asrama pekerja. Saimah kehairanan. Lagak Tisra macam orang menang cabutan tiket bertuah bernilai berjuta-juta ringgit.

"Apa dia?" tanyanya.

"Kau tahu aku jumpa siapa tadi?" Tisra menghenyakkan punggung ke sisinya.

"Siapa?"

"Encik Amry!" Tisra tersenyum gembira. Wajahnya ceria.

"Habis tu kenapa?"

"Dia ajak aku makan malam esok."

Senyuman Tisra tidak terperi lagi. Manis. Penuh

harapan menggunung. Saimah menatapinya. Antara percaya dan tidak.

"Betulkah ni?" tanya Saimah.

"Betullah! Buat apa aku nak bohongkan kau?"

"Jangan terlalu ghairah Tisra. Takut kelak ada udang di sebalik batu."

"Apa yang kau cakap ini?" Tisra mengerutkan dahi.

"Yalah ... kau kena sedar diri. Dia tu siapa dan kau siapa? Lagipun kamu baru berkenalan. Kau tidak tahu apa-apa mengenai latar belakangnya."

"Eleh, taklah baru sangat. Sudah dua minggu!"

"Kau tahu tak, dua minggu tu tidak cukup untuk mengenali latar belakang seseorang ..."

"Ishh, sudahlah Mah! Aku tahu apa yang ada dalam hati kau tu. Kau cemburu sebab aku yang berjaya memikat hati Encik Amry tu."

"Tisra!"

Tisra tidak memghiraukan bentakannya itu. Saimah ditinggalkan seorang diri. Hati Saimah yang terpurus luka oleh kata-kata berbisanya tidak dipedulikan. Saimah ingin menafikan tuduhan itu, tetapi Tisra sudah hilang di sebalik pintu bilik. Saimah menarik nafas beberapa kali. Dia cuba sedaya upaya mene-

OLEH
AMELLY ANN KISING

nantikan hatinya yang bergelora kencang.

Sejak keluar dengan Encik Amry, Tisra tenggelam di alam indahnya. Saimah sedar, dia tidak berhak melarang Tisra. Tisra tidak memerlukan nasihatnya. Tisra sudah besar panjang. Dia mampu menilai baik buruk sesuatu perkara.

Kehadiran Encik Amry dalam hidup Tisra menyebabkan hubungan baik mereka selama itu bagaikan tidak bermakna lagi. Jarang benar mereka berbual-bual. Pernah sekali dua Saimah cuba memberi amaran kepada Tisra agar membatasi pergaulan dengan Encik Amry dan tidak membiarkan diri dibuai perasaan, namun Tisra degil.

"Saudari Saimah?"

Saimah tersentak. Jari-jemari yang sedang menyuapkan nasi ke mulut terhenti. Dia mendongak. Di hadapannya tergegat wanita berkulit cerah.

"Ya, saya. Ada apa?"

"Boleh saya duduk dengan saudara?"

Saimah terdiam seketika. Hatinya tiba-tiba didatangi beberapa persoalan mengenai gerangan wanita yang tidak pernah ditemuinya itu.

"Boleh. Silakan duduk," katanya agak gementar.

"Terima kasih ..."

Wanita itu melabuhkan punggung di kerusi. Beg tangan berjenama Bonia diletakkan di atas pangkuan.

"Saya Aliza Anuar, isteri Amry," kata wanita itu lalu menghulurkan tangan sebagai tanda perkenalan.

"Isteri Amry? Amry yang mana satu?"

"Amry yang bekerja sebagai Pengurus di tempat saudara bekerja."

Mulut Saimah terkunci. Dia tidak tahu perkara yang perlu dikatakan kepada wanita di hadapannya. Dia hanya mampu mengamati raut wajah wanita itu. Cantik! Amat padan dengan Encik Amry. Tapi, kenapa aku yang dicari? Hati Saimah

Lihat muka 13

SAIMAH tidak kuasa lagi hendak melihat Tisra dalam keadaan seperti itu. Dia meluat.

Tisra benar-benar dibuat angan-angan. Kekacakan dan kesegakan Encik Amry memukau mata Tisra. Hidup Tisra seolah-olah punya satu tujuan iaitu memiliki Encik Amry. Malahan ketika tidur Tisra sering mengigau menyebut nama Encik Amry.

Dari muka 12

terdetak.

"Saya dengar saudara ini kawan baik Tisra."

Saimah mengangguk. Dia diburu kebingungan. Terbayang Tisra yang duduk termenung di tepi jendela. Sewaktu keluar tadi, Saimah mengajak Tisra makan bersamanya tetapi Tisra menolaknya. Katanya, tiada selera.

"Boleh saudara berikan gambar ini kepada Tisra?" Sekeping gambar yang terhulur disambut. Mata Saimah terbeliak apabila menatap gambar perbandingan Encik Amry dan wanita itu.

"Sebenarnya saya baru balik dari England tiga hari lepas. Saya dan suami menuntut di sana, tapi dia habiskan pengajian terlebih dahulu. Saya mengetahui perhubungan mereka daripada seorang rakan saya sejak dua bulan lepas."

"Saya tidak mahu menyalahkan sesiapa dalam hal ini. Saya faham suami saya tentu kesunyian tinggal seorang diri di sini dan Tisra pula sudah pasti tidak dapat mengelakkan diri daripada terikat dengan Amry."

Nafas Saimah seakan tersekat di kerongkongnya. Dia terpegun mendengar kata-kata yang begitu bersahaja. Dalam hati, timbul rasa kagum terhadap Aliza. Tidak banyak wanita yang sanggup memaafkan kecurangan seorang suami seperti yang dilakukannya.

"Tolong beritahu Tisra supaya jangan berjumpa dengan suami saya lagi."

Saimah seperti orang dungu. Kepalanya terangguk-angguk.

"Terima kasih, assalamualaikum."

Langkah penuh gaya dan berkeyakinan diekori dengan rasa kagum. Sejurus selepas itu, dia membayar makanannya. Gambar yang diberikan oleh Aliza disisipkan ke dalam beg tangan kulit tiruan. Dia menyusuri sederet bangunan kedai sebelum sampai ke asrama yang menjadi tempat tinggalnya sejak dua tahun lepas.

Tisra masih duduk termenung di tepi tingkap. Wajahnya sugul. Saimah mula memahami keadaan yang sedang berlaku. Encik Amry tidak berjumpa dengan Tisra kerana isteri tersayang sudah berada di sisi.

"Tidak keluar hari ini?" duga Saimah.

Tisra menggeleng kepala.

"Kenapa?"

"Amry sibuk. Sudah banyak kali aku telefon, tapi tak dapat."

Sayu suara Tisra pada pendengaran Saimah. Saimah menghela nafas. Berat hatinya untuk menyampaikan berita yang bakal merobek hati Tisra. Namun dia tidak mahu Tisra meneruskan permainan api yang kelak meleburkan kebahagiaan orang lain. Biarlah Tisra tahu kebenarannya.

"Tisra, aku rasa baik kau lupakan saja Amry tu," katanya.

Kata-kata itu berjaya menarik perhatian Tisra. Tisra menoleh ke arahnya. Wajahnya ditatapi seperti seorang pesalah.

"Apa maksud kau ni?" tanya Tisra.

"Lebih baik kau lupakan Amry sebab mustahil kamu dapat bersama."

"Apa yang kau cakap ni?"

"Dia itu sudah beristeri."

LANGKAH penuh gaya dan berkeyakinan diekori dengan rasa kagum. Sejurus selepas itu, dia membayar makanannya. Gambar yang diberikan oleh Aliza disisipkan ke dalam beg tangan kulit tiruan. Dia menyusuri sederet bangunan kedai sebelum sampai ke asrama yang menjadi tempat tinggalnya sejak dua tahun lepas.

"Jangan mengarutlah Mah. Kalau kau tidak suka melihat kami bersama pun, janganlah kau buat fitnah macam itu."

"Aku tak buat fitnah. Ini kenyataan yang harus kau terima," tinggi nada suara Saimah.

"Argh, memang dasar orang busuk hati! Tak mahu lihat orang senang! Mentang-mentang tiada teman lelaki mahu pula memutuskan hubungan orang," sindir Tisra.

Saimah mengetap bibir. Kepala dan hati Tisra sudah jadi batu. Tisra sudah lupa diri kerana Encik Amry.

"Suka hati kaulah nak cakap apa. Yang Penting aku tidak memfitnah dan aku tidak mudah lupa diri hanya disebabkan lelaki tu kacau!"

"Saimah!"

"Sudah! Aku bosan hendak bergaduh dengan kau. Kalau kau masih tidak percaya, kau tengok ini! Ini buktinya."

Saimah melemparkan gambar yang diberi oleh Aliza di atas katil Tisra. Tisra mengambil gambar itu. Air matanya jatuh bercucuran. Tidak dapat ditahan lagi.

"Tadi isterinya yang berkelulusan luar negeri berjumpa dengan aku. Dia

minta aku memberitahu kau supaya jangan berjumpa dengan suaminya lagi."

Lidah Tisra kelu. Tiada kata-kata yang keluar daripada mulutnya. Yang kedengaran hanyalah esakan tangisannya.



JABATAN Kerja Raya, Kementerian Pembangunan akan mengadakan

Majlis Pelancaran, Seminar dan Pameran Bagi Cabaran dan Kesedaran Pemeliharaan Bangunan-bangunan Kerajaan, Jabatan Kerja Raya 2004

bagi pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan

yang mana pelancaran tersebut akan diadakan pada :
Tarikh : 26 Mei 2004 (Rabu)

Tempat : Institut Perkhidmatan Awam, Tungku Link

Jam : 9.00 pagi

Yang akan dirasmikan oleh :
Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal Setiausaha Tetap (Teknikal & Profesional) Kementerian Pembangunan

Ceramah khas ('Keynote Speech') berjudul :
Cabaran dan Kesedaran Pemeliharaan Bangunan

akan diberikan oleh penceramah undangan dari luar negeri :
Profesor Lee Siew Eang
Associate Professor of The Department of Building School of Design & Environment/Director for Centre for Total Building Performance
National University Of Singapore (NUS)

Manakala sesi seminar yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Kementerian Kewangan akan diadakan pada :

Tarikh : 27 & 29 Mei 2004

Tempat : Institut Perkhidmatan Awam, Tungku Link

Jam : 8.00 pagi

Satu Pameran Perkhidmatan/Produk-produk Binaan Bagi Pemeliharaan bangunan akan diadakan selama seminggu mulai **27 Mei 2003 sehingga 5 Jun 2004** (tidak termasuk Jumaat dan Ahad)

Waktu Pameran : 9.30 pagi sehingga 4.30 petang

Tempat : Institut Perkhidmatan Awam, Tungku Link

PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah dialamatkan kepada:

PENERBIT CERPEN,
BAHAGIAN AKHBAR,
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Cerpen mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.

3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 19 MEI	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SINAR	8.50	DRAMA - 'Jodoh'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	SESAME STREET -	MALAM	9.20	THE ORANGE ROOM
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.10	RETURN TO ATHENS	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		5.45	BERITA	7.25	E.C.A.	10.30	B-LEAGUE 2004
	9.00	BERITA		6.00	WORLD APART SR. 2 - 'Day Of The Elephant'	7.41	AZAN ISYAK	11.00	RITA DAN RAIHAN
		4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.30	THE INVESTIGATOR III
		4.02	MUTIARA FIRMAN					12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 20 MEI	PAGI	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	ON THE BALL	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.30	SECRET OF SAN SIME- ON WITH PATRICIA	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	DRAMA - 'Takhta Hati'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		4.00	LAGU KEBANGSAAN	7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Range Of Morton'
		4.02		MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	7.42	AZAN ISYAK	12.30

J U M A A T 21 MEI	PAGI	10.15	SESAME STREET	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.00	CROCODILE HUNTER'S CROC FILE	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	BUNYI	2.30	DARI ARKIB RTB	6.28	AZAN MAGHRIB	9.00	GLOBAL GUARDIANS
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.45	JALAN MENUJU ALLAH	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan		HINDI - 'Chura Liya Hai Tumne'	MALAM	10.40	KHUTBAH JUMAAT	
	9.00	BERITA	12.15	DIVE THE WORLD - SEMBAHYANG FARDU	3.41	AZAN ASAR		10.50	MENJELANG EURO 2004	
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	JUMAAT- Siaran Langsung	3.46	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.20	TELEDRAMA - 'Bidadari'
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		HINDI - Sambungan	7.25	TAMAN SARI			
		1.30		VISI SUCI	5.45	BERITA	7.42	AZAN ISYAK	12.55	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 22 MEI	PAGI	10.05	KIDS HOUR : 'TOMAN/CHE NAT'	- Ulangan	4.15	BEYOND 2000	7.40	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.55	OCEANS OF MYSTERY	12.18	MONSTER BY MISTAKE	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.20	DRAMA : 'Amanah' - Ulangan	PETANG	5.25	JAY JAY THE JET PLANE	8.50	HIBURAN MINGGU INI - Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA		5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.05	DOKUMENTARI : RUMAH PANJANG		6.00	WILD RESCUE	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Her Best Friend's Husband'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.50	PANGGUNG PETANG SABTU -	6.28	AZAN MAGHRIB			
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	11.30	BERITA	6.45	PEDOMAN AQIDAH SR. 7			
			12.05	DOKUMENTARI : RUMAH PANJANG	MALAM				
			2.20	ASPIRASI		7.00	DUNIA ASIA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
			2.50	OUTER BOUNDS	7.25	ANIMALIA			
			3.20	LADY COP					
			3.41	AZAN ASAR					

A H A D 23 MEI	PAGI	10.10	SESAME STREET	PREVIEW	Pembacaan'	IMALAM				
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.10	TAMAN ABC	1.45	ENGLISH PREMIER	5.10	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	7.00	PRISMA SR. 3
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA		LEAGUE 2003/2004			7.42	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - 'Rusty: The Great Rescue'	2.40	HIGHLIGHT	5.35	TOYOTA WORLD	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.18	AZAN ZUHUR	3.15	JUARA - Siaran Langsung	5.45	WILDLIFE SR. 5	8.50	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Sarjan Hassan'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			3.42	DINOTOPIA: THE SERIES	6.10	BIOLOGIC	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		4.15	AZAN ASAR	6.28	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - Sambungan
			1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004	4.40	MOTIVASI PELAJAR 'Masalah-masalah	6.45	PENGAJARAN DARI AL- QURAN	11.00	MUTANT X - 'Crime Of The

I S N I N 24 MEI	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	Sandman/The Adventure Of Muhammad Ali'	MALAM	8.50	DRAMA: 'KEMBANG SEMUSIM'		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.30	INFOSIHAT	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.15	CYBERNET	7.25	DAPUR WARISAN - 'Kulih Pulut Bakar dan Kelupis Kosong'	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		5.45	BERITA			10.30	SUKAN GLOBAL
	9.00	BERITA		6.00	ANIMAL PRECINT			11.00	DOKUMENTARI
		4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.28	AZAN MAGHRIB	7.43	AZAN ISYAK	11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
		4.02	MUTIARA FIRMAN			8.00	BERITA NASIONAL		
		4.10	SUSUNAN RANCANGAN						
		4.15	KIDS HOUR - 'Nilus The	6.45	BIMBINGAN KELUARGA				

S E L A S 25 MEI	PAGI	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM	9.30	MUDA & MODEN		
		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	KIDS HOUR - 'Cedric'	7.00	DRAMA	10.00	NEWS AT 10	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	CROCODILE HUNTER	7.25	DOKUMENTARI	10.30	MENJELANG EURO 2004
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.45	BERITA	7.43	AZAN ISYAK	11.00	GENE RODDENBERRY'S ANDROMEDA YR. 2	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		6.10	TAHUKAH AWDA?	8.00	BERITA NASIONAL	11.55	MDA SR. 2	
		6.28		AZAN MAGHRIB	8.50	KAMPUNG KITA	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT		
		4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	AL ISLAM					

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

DUNIA FANA

Insan
janganlah kau asyik memperagakan diri
memburu kemewahan dan kesenangan duniawi
sehingga kau lupa atau terlupa!
sesuatu yang belum pasti itu
bukanlah sebagai titik penentu
mahu ke mana kau?

Kau sebenarnya mudah terpesona
dengan 1,001 janji manis manusia
membuatkan kau lupa, alfa dan tidak tahu
ke manakah bahtera hayat dilayari
di manakah kiblat yang dihadapi
apakah pekerjaan yang disanggupi
mujurkah kita kerana hidup ini?

Insan
sebelum kau hanyut lebih jauh lagi
kembalilah ke pangkuan Tuhan
minta dihibing meniti hidayat-Nya
jauh dari bisikan nafsu nafs
dan bangga diri.

Insan
sadarlah dan celikkanlah mata
dunia fana bukan destinasi sebenar kita.

Rahim M. S.

RACUN DUNIA

Sedari dahulu
kau adalah penipu
kau tipu bangsaku
kau tinda
kau sengsarakan
badan-badan yang kering
tulang berjengutan
wajah tadi cengkung
cantik jadi hodoh.

Andai aku upaya
aku ingin sekali menjatuhimu hukuman
akan aku hancurkan jauh-jauh
ke dasar jahanam
biar kau tenggelam
menggeleak
biar generasi tak mengenalmu
bebas seperti damai.

Kau adalah racun dunia
kau adalah punca kederhakaan
kehancuran akhlak dan keimanan
oh dadah durjana!

TANGISAN PUISI HATI

Sudah berapa kali kata-kata marah
dilepaskan
sudah berapa kali laungan
disebarkan
untuk dunia
kepada sejuta kekejaman
kepada kerakusan
kesesatan dan ketandusan moraliti.

Sudah berapa banyak kata-kata puisi ditulis
sudah berapa ribu kali dibacakan
diperdengarkan di sana sini
jeritan anak-anak kecil
teriakan semangat jihad
tangisan puisi-puisi hati
tentang bumi-bumi seperti Palestin
tentang pertarungan menentang penindasan
tentang segala kemunafikan
keinsafan untuk warga seluruh alam.

Sudah berapa jauh pena-pena berlari
bertintakan lautan air mata
melakarkan sandiwara
merakamkan ketidakadilan yang berleluasa
mencari setitis kesedaran
untuk menyingkir kedai adab.

Dengarilah suara-suara puisi hati ini
duhai hati-hati yang legam
jangan kau hush dengan ragu
sadarlah
kembalilah ke pangkuan asalmu
dengan iman dan naturi kemanusiaan
usah biarkan dunia ini terus menangis.

Husainy

GURUH BERGEMA LAGI

Hari ini
guruh bergema lagi
bergema sekali lagi
setelah masalah kuatasi.

Aku selalu hairan dengannya
tertanya-tanya kenapa dan mengapa?

Setiap kali di kala aku berdiri
guruh sering menggegarkan bumi.

Setiap kali kejayaan hampir kumiliki
guruh bergema untuk memusnahkan diri ini.

Dalam dekad ini
aku mula mengerti
apa maksud jati diri
yang sukar dikenal pasti.

Tanpa guruh bergema lagi
kutakkan tahu siapa diriku ini.

Akeem HGM

MASA (Ilham Dari Surah Al-'Asr)

Allah Subhanahu Wataala berfirman
demi masa
sesungguhnya manusia itu benar-benar
dalam kerugian
manusia alfa dengan kemewahan
manusia alfa dengan keseronokan
manusia alfa dengan kehangatan dunia
padahal dunia hanyalah fana
akhirat jua tempat yang 'baqa'.

Kecuali orang-orang yang beriman
dan mengerjakan amal salih
mereka yang takut kepada Allah
mereka yang menjauhi maksiat
mereka yang taat kepada perintah 'Al-Khalq'
yang menahan diri dari perbuatan mungkar
yang menahan nafsu dari perbuatan laknat.

Dan nasihat-menasihati supaya mentaati
kebenaran
dan nasihat-menasihati supaya menepati
kesabaran
orang-orang yang memberi ingat
akan Nur petunjuk Ilahi
orang-orang yang meyakini
sabar itu separuh iman
orang-orang yang menghindari
dari perbuatan yang dikeji.

Wahai manusia!
sadarlah!
bangunlah dari tidur yang lena
bertaubatlah!
sesungguhnya Allah
'Al-Qhafur Ar-Rahim'.

H. Afid

DI BINGKAI RINDU

Malam semakin tua
lelap yang tiada lena
gelisah mengeleak jiwa
mengikat amuk di dada
sekilas rindu melagu di dinding hati
menyerikan wajah-wajah percintaan.

Aku masih belum lena
resah pada kepayahan hidup
memayahi tidurku
kucari
kucari
di bingkai rindu.

A. H. Tuah

MAUT

Satu waktu nanti
siapakah yang bisa tak menutup mata

bila datang ia dengan tiba-tiba
di luar batas akal tak teraba
di sinilah sahaja kita
bertemu dan bersama
memberi atau menerima.

Satu waktu nanti
siapa pun tak bisa menetap di sini
kau dan aku
kita tak mungkin bertemu lagi.

ROHANI

Masih kucari
di subuh dingin
dalam tenang tasik diri
kerana aku baru mengerti
sebutir mutiara cinta murni
telah hilang dari lubuk hati
hakikat kemamusiaan
seorang manusia.

Kuinsafi kini
betapa banyaknya dosaku
meleraikan dua kewujudan
terasing dalam satu pelayaran
lantaran kecuai dalam diri
ombak dan laut terpisah
melanggar janji sumpah setia
tika dalam kandungan
seorang hawa
kudamparkan biduk pelayaran ini
ke tepi pantai sadar
mengumpul bebatu dosaku
lantas kucampakkan ke laut dalam
moga tak timbul kembali
dan aku pun, takkan mencarinya lagi.

Rohani, pulanglah
ke pangkuan jasmani.

Hanirah

KEINDAHAN ALAM

Berpijaknya kita di bumi Allah
keindahan alam yang azali
adalah amugerah Tuhan.

Kelihatan kebesaran Tuhan
gunung-ganang yang meninggi
bukit-bukau yang merendah
hutan belantara yang menghijau
lautan membiru terbentang luas.

Bunyi siul-siulan burung
kedengaran merdu memusuk kalbu
merasa tenang dan segar
di waktu pagi, petang dan malam.

Nikmatnya keindahan alam
mengingatkan diri yang kerdil
merasa kenikmatan sementara
betapa besar keagungan Tuhan
Pencipta alam semesta
untuk makhluk-Nya yang hidup.

S. Awang

SAHABAT MAAFKAN DIRIKU I

Sahabatku
sekitar lama tidak bertegur sapa
hanya kerana kejadian hari lalu
yang mana membuat kau marah padaku.

Sahabatku
aku sendiri bertanya
apa salah dan silapku
hingga semua ini berlaku.

Sahabatku
kalau aku membuat silap
beritahulah pada diriku
ini tidak kau hanya terus membiar.

Sahabatku
aku tak berniat membuat kau marah
aku rasa sangat bersalah
tiap malam hati rasa sangat resah.

Sahabatku
walaupun aku tak tahu perkara sebenar
kususun sepuluh jari
sahabatku, maafkan diriku.

SAHABATKU MAAFKAN DIRIKU II

Bila terkenang memori lama
inginku tersenyum dan tertawa
tapi bila terkenang tragedi lama
yang membakar di jiwa ini
air mata mula membanjiri di pipi.

Aku sendiri bertanya pada diri
apa salahku, hingga semua ini terjadi
sahabatku kenapa ini berlaku
kenapa kau memutuskan persahabatan kita
tanpa aku mengetahui sebabnya.

Kalau ada masalah
katakanlah
janganlah memendamnya
nanti merana jiwa.

Aku cukup mengenalmu
kau bukan jenis yang senang memutuskan
persahabatan
mesti ada sebab di sebalik perbuatan
yang menimbulkan pelbagai kecurigaan.

Sahabat maafkan diriku
tak ingin semua ini berlaku
hasratku semoga ia berlalu.

Nurza

SEPI SEKEPING HATI

Di kesuraman malam
kesepian mula terasa.

Di manakah kau?
tika aku memerlukan
tidakkah kau tahu
betapa hati ini
diselimuti kesepian
resah dalam penantian
yang tiada penghujung?

Kau biarkan aku
bersendirian
sedang hati dan perasaanku
merintih kepedihan
betapa aku merasa kesunyian
mengharungi kesepian malam.

D Shal 5773

KEMBARA

Semalam ...
kusemai rasa dan cita-cita
memetik bintang-bintang di angkasa
bertahta di dada bidangu
buat imbalan prestasi baktiku
pada bangsa, negara dan ugama.

Semalam juga ...
kuberjanji membawa pulang rembulan
sebagai persembahan
buat tanda sebuah pertunangan.

Hari ini ...
kutabur kembang mawar di pusara
suatu tugu lambang kesetiaan cinta kita
walau sedetik cuma
pada cinta yang tiada hujungnya.

Esok ...
biarkan mentari meniti pelangi
pun ombak mendaki gunung sesuka hati
rintik-rintik hujan melukis kekecewaan
pada kepingan hati yang sudah basi.

Esok juga ...
akan kuteruskan langkah-langkah ini
walau menjejak pasir berdui
mendaki gunung batu membara
meredah lurah menghiris luka berdarah
moga ketemu puncak yang belum pasti.

Maya Brunei

DPMM berkenan lawat Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menerima tabik hormat ketika berkenan membuat lawatan ke Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB).

MUARA, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat melawat Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel Dato Paduka Awang Haji

Liputan Ak. Jefferi PD
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Mohd. Zul-izzi HD

Mohd. Yasmin dan Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Kolonel Joharie bin Haji Metussin.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau ATLDB, Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat ke Mess Pegawai Waran dan Sarjan ATLDB bagi santap tengah hari.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya meneruskan lawatan ke Markas Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan dijunjung bagi memeriksa barisan kawalan kehormatan sebelum berangkat beredat ke Bilik Nakhoda Ragam ATLDB bagi Majlis Taklimat.

Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dalam sembah taklimatnya menyentuh mengenai struktur penubuhan, perancangan dan perkembangan yang dicapai oleh ATLDB pada masa ini.

ATLDB merupakan salah satu dari unit besar di bawah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang

mempunyai tiga cawangan utama iaitu Operasi, Pentadbiran dan Bantuan.

Sebagai sebahagian dari tugas utama di laut, unit berkenaan juga diberikan kuasa untuk menaikan dan memeriksa sebarang kapal yang dicurigai yang berada di dalam lingkungan 24 batu neutika dari sempadan Perairan Brunei. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya ATLDB dilengkapi dengan kapal-kapal peronda pantai yang lengkap dengan peluru berpandu dan meriam yang canggih.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menaiki Kapal KDB SETERIA dan berpeluang menyusuri sekitar kawasan Pelabuhan Muara.

ATLDB merupakan benteng pertama pertahanan negara memandangkan negara ini terletak di bahagian timur laut Kepulauan Borneo di mana persekitaran kita sentiasa dilindungi oleh para pengawal yang dipertanggungjawabkan dengan menggunakan sebuah

kapal yang dilengkapi dengan senjata pengempur dan kapal-kapal pengawal pantai.

Dua kapal pengawal pantai sentiasa ditempatkan di laut selama 24 jam bagi mengawal keselamatan negara dan sumber-sumber ekonominya daripada anasir-anasir yang mengancam keamanan negara.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan melawat ke Bilik Nyah Mampatan atau 'Decompression Chamber' dan mengakhiri

lawatan ke Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dengan beramah mesra dalam Majlis Jamuan Teh bersama para pegawai kanan.

Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia juga diharapkan akan dapat menjadi pemangkin kepada semua kakitangan kerajaan termasuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei supaya lebih beriltizam, dedikasi dan efisien dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab masing-masing.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Kolonel Joharie bin Haji Metussin (atas).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menaiki kapal KDB SETERIA dan menyaksikan sekitar kawasan Pelabuhan Muara (atas).

DULI Yang Teramat Mulia mendengar penerangan mengenai fungsi-fungsi yang terdapat di dalam kapal tersebut (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan memeriksa barisan kawalan kehormatan terdiri anggota-anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan melawat ke Bilik Nyah Mampatan atau 'Decompression Chamber'.



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Projek No. : JKP/01/2004

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas III Kategori 2 bagi :

[i] Projek : PROPOSED NEW EXTENSION AND RENOVATION TO FINANCE, ALLOCATION/STKRJ SECTION, HOUSING DEVELOPMENT DEPARTMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

[ii] Projek No. : JKP/01/2004

Dokumen-dokumen tawaran dan Lukisan-lukisan boleh dilihat dan di dapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 12 Jun 2004.

Tawaran Buka : 19 Mei 2004 (Rabu)

Tarikh Tutup : 14 Jun 2004 (Isnin)
Tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat Tutup : Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan)
[Dokumen Tawaran dan Lukisan]

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi [sealed] dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan : LTN/4(39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Syarikat-syarikat Swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan KDYM seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut:-
- \$30.00 bagi DA/K/SSP/89/JPPE/2004 hingga DA/K/SSP/97/JPPE/2004.
4. Setiap tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510.
5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutarga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat 1, setelah membuat pembayaran.
6. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin, 7 Jun 2004 jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
DA/K/SSP/89/JPPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM, KAMPONG SERASA MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	7/6/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/90/JPPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH TANAH JAMBU, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	7/6/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/91/JPPE/2004	TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH SUAS MUARA, PEKAN MUARA, DAERAH BRUNEI MUARA, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.	\$ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	7/6/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang)

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
1. TERBUKA kepada pemborong-pemborong tempatan yang berpengalaman dalam bidang pemeliharaan landskap.
2. Tawaran adalah bagi tempoh 2 tahun mulai dari tarikh perjalanan ditandatangani.
3. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari **Isnin 24 Mei 2004**.
4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tersebut di atas tidak akan dilayan.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang te-tutup rapi (sealed) dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan, tajuk tawaran dan catitikan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan.
6. Jika Pembekal gagal untuk menyelesaikan kerja di dalam tempoh perjanjian tanpa sebarang alasan yang munasabah secara bertulis dan pegawai pengawas mengesahkan secara bertulis tarikh apabila pada pendapatnya kerja-kerja dikehendaki siap sepenuhnya pihak pembekal dikehendaki membayar L.D. kepada kerajaan sebanyak \$60.00 sehari dan tidak melebihi 10% dari harga kontrak.
7. Borang tawaran, syarat-syarat tawaran dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperolehi daripada Kementerian Hal Ehwat Luar Negeri, Kampong Subok, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran hendaklah disertakan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang diakui sah dan senarai projek yang sudah dan pernah dilaksanakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff bagi wang sebanyak \$695.30, iaitu jumlah yang terhutang oleh kamu kepada Plaintiff bagi bayaran telefon dan kos dan satu perintah telah dibuat bahawa penyaliran bagi memasukkan tindakan tersebut didalam "PELITA BRUNEI" hendaklah di anggap sebagai penyampai yang sah dan mencukupi bagi prosiding keatas kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Kuala Belait pada **24 Jun 2004** jam 9.00 pagi pada hari itu kamu hendaklah hadir dna jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, suatu perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 31 Mac 2004.

DK MASNI PG HAJI BAHAR
Majistret

Notis Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang dinamakan di atas, yang alamat penyampaiannya di Pejabat Peguam Negara, Kuala Belait BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

SAMAN BIL : 7 TAHUN 2004
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

AWANG MOHAMMAD DAUD BIN DARAMAN

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Awang Mohammad Daud bin Daraman
alamat yang terakhir diketahui :
Barek 764 A2, Simpang 120-48-36-22, Mumong Bypass Kuala
Belait,
Kuala Belait KC 1931,
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut

- (1) sebanyak \$810.14;
- (2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh;
- (3) kos; dan
- (4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan dengan pemberitahuan ini dan bahawa penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Kuala Belait pada **24 Jun 2004** jam 9.00 pagi pada hari itu kamu hendaklah hadir dna jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, suatu perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 31 Mac 2004.

DK MASNI PG HAJI BAHAR
Majistret

Notis Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang dinamakan di atas, yang alamat penyampaiannya di Pejabat Peguam Negara, Kuala Belait BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : JDB/T/09/2004 HINGGA JDB/T/10/2004

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259 Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **Isnin, 7 Jun 2004**, jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantarkan kepada alamat di para 1 menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran dengan perkataan:-
JDB/T/09/2004 - TAWARAN MEMBAIKI JALAN BUKIT ABAI/DUN-GUN HINGGA KE SUNGAI TITIAN DAWAI, MUKIM SUKANG.
JDB/T/10/2004 - TAWARAN MEMBAIKI JALAN BIADONG, ULU SUKANG, MUKIM SUKANG.
4. Dokumen-dokumen dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari pada Ketua Pembantu Teknik atau wakil-wakil di Bahagian Teknikal Jabatan Daerah Belait semasa waktu bekerja.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesualan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI JABATAN PERTANIAN

Pemohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong seperti berikut:-

1. PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN

(Bilangan Kod : 004-60-003)

Tanggagaji: C3-4 EB5 (\$1,900.00 - \$2,970.00 sebulan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian Ugama Islam; Adat Istiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam pertanian atau pemasaran atau perikanan atau kelulusan yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Pertanian Kanan / Pembantu Haiwan Kanan / Pembantu Ternakan Kanan / Juruteknik Makmal Kanan / Pembantu Teknik Kanan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C.2 sekurang-kurangnya selama 3 tahun. ATAU
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Perusahaan Kampong Kanan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C1 sekurang-kurangnya 5 tahun.
- c. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Memantau, menilai dan membuat laporan kemajuan projek-projek dan kegiatan-kegiatan Jabatan.
- Membuat pengajian projek-projek semasa yang berkaitan.
- Membantu dalam pemindahan teknologi-teknologi pertanian yang berkaitan kepada golongan sasaran.
- Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari masa ke masa.

2. PEMBANTU PERTANIAN

(Bilangan Kod : 004-60-005)

Tanggagaji: D3 EB4-5 (\$900.00 - \$1,625.00 sebulan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian Ugama Islam; Adat Istiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (Ordinary National Certificate) atau yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat di Jabatan Pertanian sebagai Pembantu Pertanian Rendah / Pemeriksa Luar Pertanian / Pembantu Perusahaan Kampong / Pemeriksa Tanaman / Juruteknik Ternakan / Pemeriksa Daging / Pemeriksa Ternakan / Pembantu Makmal Rendah atau Pembantu Teknik dalam Bahagian IV dalam tanggagaji permulaan D1 sekurang-kurangnya 3 tahun. ATAU
- iii) Sedang dan telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dalam Bahagian V sekurang-kurangnya 8 tahun.
- c. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- d. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Melaksanakan kegiatan rancangan pertanian.
- Memberi khidmat nasihat serta tunjukcara kepada para peladang.

- Mengendalikan pengumpulan maklumat dan pengiraan data industri pertanian dan yang berkaitan.
- Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari masa ke masa.

3. PEMERIKSA TERNAKAN

(Bilangan Kod : 004-60-013)

Tanggagaji: D1-2 EB3-4 (\$530.00 - \$1,465.00 sebulan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian Ugama Islam; Adat Istiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Lulus dengan kepujian / kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk satu subjek Sains atau kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun atau dalam tanggagaji F1 dalam bidang yang bersesuaian.
- c. Mempunyai kebolehan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- d. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Mengendalikan kerja-kerja pemeriksaan ke atas semua jenis ternakan dan haiwan dan meneliti dokumen-dokumen berkenaan ketibaan ternakan dan haiwan.
- Mengambil contoh-contoh makmal barangan hasil dari ternakan untuk dianalisa mikrobiologi seperti sisa racun, membantu membuat post mortem dan mengadakan pemeriksaan bagi kawalan penyakit.
- Membuat kerja-kerja rawatan penyakit ternakan dan haiwan.
- Melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diberikan dari masa ke semasa oleh Ketua Bahagian.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga dikehendaki untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama Jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA/1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji ke alamat seperti berikut:

PENGARAH PERTANIAN
IBU PEJABAT PERTANIAN
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP : HARI KHAMIS, 3 JUN 2004.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI JABATAN PERIKANAN

Pemohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong seperti berikut:-

1. PEGAWAI MELESEN PERIKANAN

(Bilangan Kod : 036-64-971)

Tanggagaji: D3 EB4-5 (\$900.00 - \$1,625.00 sebulan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian Ugama Islam; Adat Istiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
 - i) Mempunyai kelulusan SBTVEC Sijil Kebangsaan [NC] atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
 - ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji D1 atau D2 sekurang-kurangnya 3 tahun.
 - c. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam alat-alat penangkapan, cara-cara penangkapan ikan, jenis-jenis ikan dan perusahaan-perusahaan perikanan yang lainnya.
 - d. Pernah mengikuti kursus-kursus dalam bidang perikanan di luar negeri adalah merupakan satu kelebihan.
 - e. Hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**
- Menyelia pengeluaran lesen-lesen untuk alat-alat menangkap ikan dan mengutip bayaran untuk lesen-lesen tersebut.
 - Melaksanakan kerja-kerja menguatkuasakan peraturan-peraturan dan Akta Perikanan.
 - Melaksanakan lain-lain tugas-tugas yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

2. PEMBANTU PERIKANAN RENDAH

(Bilangan Kod : 036-64-973)

Tanggagaji: D1 EB2-3 (\$530.00 - \$1,125.00 sebulan)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian Ugama Islam; Adat Istiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- i) Lulus dengan kepujian / kredit (4) mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya. ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dalam jawatan yang berkaitan dalam bahagian V tidak kurang 5 tahun.
- d. Lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains di Peringkat Sijil Rendah Pelajaran Brunei adalah diutamakan.
- e. Fasih bertutur dan tahu menulis dalam Bahasa Inggeris.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Menjalankan kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan kemajuan dan perkembangan perikanan di negara ini.
- Tugas-tugas yang lain akan ditentukan dari semasa ke semasa.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama Jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA/1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji ke alamat seperti berikut:

PENGARAH PERIKANAN
IBU PEJABAT PERIKANAN
TINGKAT 3
BANGUNAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
JALAN MENTERI BESAR, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TUTUP : HARI KHAMIS, 3 JUN 2004



**PUSAT SUMBER DAN PIWAIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: UPUP/KPSU/ SH/011/2004, UPUP/KPSU/
SH/012/2004 DAN UPUP/KPSU/SH/013/2004

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi tajuk-tajuk berikut:

Bilangan Tawaran: UPUP/KPSU/SH/011/2004

MEMBUAT PENDAWAIAN SEMULA KESELURUHAN RUMAH TERNAKAN KAMBING SERTA MENGGANTI BAHAGIAN TANGGA DAN BERANDA RUMAH TERSEBUT BERTEMPAT DI PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PERNIAGAAN.

Bilangan Tawaran: UPUP/KPSU/SH/012/2004

MEROBOHKAN DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH TERNAKAN AYAM PEDAGING MENGIKUT SUKATAN ASAL SERTA MEMBEKAL ALAT-ALAT PEMBINAAN DAN KEPERLUANNYA SEKALI.

Bilangan Tawaran: UPUP/KPSU/SH/013/2004

MEROBOHKAN DUA (2) BUAH RUMAH SISTEM TERLINDUNG SERTA MEMBEKAL DAN MEMASANG SEMULA SATU (1) BUAH RUMAH BARU SAYURAN SISTEM SEPAPUH TERLINDUNG DAN SATU (1) BUAH SISTEM TERLINDUNG SEPENUHNYA DI TANAMAN SAYURAN.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi melalui Unit Pembangunan Usahawan dan Perniagaan, Km 33 Jalan Tutong, Kampong Sinait Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.

3. Cagaran Tawaran sebanyak B\$100.00 wang tunai bagi setiap satu tajuk tawaran di atas adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari hari **Selasa, 1 Jun 2004**, jam 2.00 petang

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "THE REFURBISHMENT AND REPLACEMENT OF MAGNETRON FOR WEATHER RADAR".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan:-
Tawaran bagi "THE REFURBISHMENT AND REPLACEMENT OF MAGNETRON FOR WEATHER RADAR". Bilangan Tawaran: JPA/AT/2004/01. Tarikh Tutup : 12 Julai 2004.
Tawaran hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat dari jam 1.00 petang, hari **Isnin, 12 Julai 2004**.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Am Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran dokumen \$ 100.00 (tidak dikembalikan) bermula dari 19 Mei 2004 sehingga 3 Julai 2004 iaitu pada hari-hari bekerja (setiap Hari Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan dari jam 2.00 hingga 3.00 petang. Manakala pada setiap Hari Sabtu mulai jam 8.00 hingga 10.30 pagi sahaja).

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam melalui telefon 2330142 Ext 10101 2330518 (direct line) Teleks BU 2267, Fax 2333666/2331706, E-mail : cato@brunet.bn.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau apa jua tawaran.

menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.

No. Projek : JTB/XD/BKS/0005/2004

RKN 8 : 811-019-001-006 EXPANSIONS OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATIONS MATERIALS -EXTERNAL NETWORK EXPENSION BERAKAS, MADANG, PULAIIE AND SUNGAI HANCHING

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi TERMINATION, HAULING AND JOINTING CABLE DI KAWASAN IBUSAWAT BERAKAS.

3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan:-
JTB/XD/BKS/0005/2004

PROPOSED NEW TELECOM INFRASTRUCTURE FOR TANAH JAMBU INDUSTRIAL SITE AND PERPINDAHAN TANAH JAMBU AREA

Tanpa menunjukkan nama pemborong hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat daripada hari **Isnin, 7 Jun 2004** jam 2.00 petang.

4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pemborong dan Tender, Bahagian Corporate Services (KD), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$ 100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.

5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas dengan menunjukkan resit-resit setiap pembayaran tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.

7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari **Khamis, 27 Mei 2004** jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Tawaran: TMSN/8/1.2004

TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY AND DELIVERY OF STATIONARIES FOR DEPARTMENT OF INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORES, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Borang pembelian tawaran dan pembayaran bagi harga dokumen tawaran bentuk "Compact Discs" yang berjumlah \$200.00 bolehlah dibuat terus di:-
Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam.

2. Bagi mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk "Compact Disc", pembeli hendaklah membawa bersama borang pembelian dan resit pembayaran asal tersebut ke:-
Pengerusi Pesanan, Tingkat 4, Bahagian Perbekalan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

3. Setiap pembeli hendaklah terlebih dahulu mendapatkan PAS PELAWAT dan kaunter pertanyaan di Tingkat Bawah, Kawasan Lobby Bangunan Kementerian Kewangan sebelum naik ke Tingkat 4.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-
Bilangan Tawaran: TMSN/8/1.2004

"THE SUPPLY AND DELIVERY OF STATIONARIES FOR DEPARTMENT OF INFORMATION TECHNOLOGY AND STATE STORES, MINISTRY OF FINANCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 21 Jun 2004**.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/XD/BKS/0003/2004

RKN 8 : 811-019-001-006 EXPANSIONS OF EXTERNAL NETWORK INFRASTRUCTURE AND PROVISION OF TELECOMMUNICATIONS MATERIALS - EXTERNAL NETWORK EXPENSION BERAKAS, MADANG, PULAIIE AND SUNGAI HANCHING

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3

2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi TERMINATION, HAULING AND JOINTING CABLE DI KAWASAN IBUSAWAT BERAKAS.

3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan:-
JTB/XD/BKS/0003/2004

AUGMENTATION OF SECONDARY CABLE NETWORK FOR CABINET O12, O14, O15, O19 AND O30 AT BERAKAS EXCHANGE AREA.

Tanpa menunjukkan nama pemborong hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat daripada hari **Isnin, 14 Jun 2004** jam 2.00 petang.

4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pemborong dan Tender, Bahagian Corporate Services (KD), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$ 100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.

5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas dengan menunjukkan resit-resit yang termurah atau tertentu.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.

7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari **Khamis, 3 Jun 2004** jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan



**JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran: JKDN/HQ/01/2004

TAWARAN MEMBEKAL 4 BUAH KENDERAAN

Butir-butir tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat pembekal kereta tempatan untuk membekalkan **EMPAT (4) UNIT KENDERAAN 4WD BAGI KEGUNAAN, JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, JABATAN PERDANA MENTERI.**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralamat seperti dibawah:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari **Isnin 24 Mei 2004** bagi tajuk berikut:-
TAWARAN MEMBEKAL 4 BUAH KENDERAAN 4WD

JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan **TAWARAN MEMBEKAL 4 BUAH KENDERAAN 4WD**

4. Setiap Syarikat yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah menyatakan harga seunit kereta (tidak termasuk cukai bagi kenderaan tersebut, termasuk 'description and specification' kenderaan yang dibekalkan).

5. Setiap Syarikat yang berhasrat mengikut tawaran ini hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Syarikat dan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan.

6. Syarat-syarat tawaran dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperolehi seperti alamat:-
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Tumasek Plaza Km 21/2, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : RTB/08/04

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "REPLACEMENT AND REPAIR WORKS ON AIR-CONDITIONING CHILLER #2, ASSOCIATED EQUIPMENTS AND ELECTRICAL WORKS AT RTB BUILDING BSB".
2. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa siji pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam kelas II, keatas, kategori (5j & 7a) sahaja yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit bayaran yuranberjumlah sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan).
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang disediakan, didalam sampul surat yang tertutup rapi, dengan menyatakan :

Tawaran : "REPLACEMENT AND REPAIR WORKS ON AIR-CONDITIONING CHILLER #2, ASSOCIATED EQUIPMENTS AND ELECTRICAL WORKS AT RTB BUILDING BSB".

Bilangan Tawaran : RTB/08/04

Tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 petang hari **Isnin 14 Jun 2004**.

5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : RTB/09/04

Tajuk Tawaran : Supply and Delivery of Mini Robotic Cameras

Tarikh Tutup : 14 Jun 2004.

Bayaran Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal, agen-agen dan pengedar-pengedar bagi tawaran seperti berikut :-
Supply and Delivery of Mini Robotic Cameras
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan pembayaran sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan).
3. Pembayaran tawaran hendaklah dibayar samada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.
4. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
5. Tarikh tutup tawaran ialah **Isnin, 14 Jun 2004**, jam 2.00 petang.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
7. Bagi pembekalan barang Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, barang tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Radio Televisyen Brunei daripada pihak pembekal atau pembuat luar negeri, oleh yang demikian mestilah memasukkan cukai import (jika dikenakan cukai).
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAN
BY 11 HINGGA BY 9999
DAN KH 6001 HINGGA KH 9999.

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi mendapatkan BILANGAN-BILANGAN PENDAFTARAN SIRI BY 11 HINGGA BY 9999 dan KH 6001 HINGGA KH 9999.
2. Borang Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" X 9" dan catatan perkataan "TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan butir-butir berikut:-
 - 1) Bilangan Pendaftaran yang dipohonkan
 - 2) Harga Tawaran
 - 3) Nama penuh, alamat, bilangan kad pengenalan dan nombor telefon.
 - 4) Setiap permohonan hendaklah menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak dua puluh lima ringgit (\$ 25.00).
 - 5) Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang dari Seratus Ringgit (\$ 100.00).
3. Borang Tawaran dan butir-butir mengenai dengan tawaran ini bolehlah didapati daripada Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, cawangan Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Brunei dan Muara dan cawangan Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Belait. Tawaran tersebut hendaklah dihantar ke Peti Tawaran, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran diterima bermula dari hari **Isnin, 11 Mei 2004** dan tutup pada hari **Sabtu, 29 Mei 2004** jam 12.00 tengah hari.



**JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM
NEGERI**

Bilangan Tawaran : PJB/01/2004

TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS PACUAN 4 RODA -
PETROL/DIESEL (4 Wheel Drive)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal sebuah kenderaan jenis 4WD (petrol/diesel) bagi Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.
2. Pembekal hendaklah menyatakan sebut harga termasuk cukai bagi kenderaan tersebut termasuk keterangan dan spesifikasi kenderaan yang dibekalkan.
3. Setiap pembekal yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar yuran penyertaan berjumlah \$200.00 (Ringgit: Dua Ratus Ringgit sahaja) di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 5, Jabatan Buruh pada waktu tersebut di bawah: **Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi**
1.45 petang - 3.30 petang
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup yang bertulis TAWARAN MEMBEKAL KENDERAAN JENIS 4WD (PETROL/DIESEL) bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari **Isnin, 24 Mei 2004**, jam 2.00 petang dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
5. Pembekal yang mendaftar tawaran dikehendaki menghantar dokumen dalam dua (2) salinan berserta katalog yang berkaitan dengan tawaran.
6. Salinan-salinan Siji Pendaftaran Akta-Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Name Act) mestilah disertakan.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.
9. Borang permohonan dan sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diperolehi di Ibu Pejabat Buruh, Tingkat 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.



**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran: (37) BKN/S/65/95 J.7

Tawaran bagi : "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF PMONet - IT Network Infrastructure for Narcotics Control Bureau"

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dibuat di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku Gadong BE 2110, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
 2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.
 3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.
 4. Salinan Siji Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan sama.
 5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF PMONet - IT Network Infrastructure for Narcotics Control Bureau" tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari **Isnin, 7 Jun 2004**, jam 2.00 petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat dan Pembekal-Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
 2. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti Pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara yang terdapat di Level 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan Level 1, Jalan Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.
- NAMA TAWARAN : A) **MEBEKALKAN 1 BUAH CONTAINER TRUCK BBSB/LTN/05/2004.**
B) **MEMBEKALKAN 2 BUAH TRAK SAMPAH BBSB/LTN/06/2004.**
- TARIKH TUTUP TAWARAN : HARI **ISNIN, 24 MEI 2004**, JAM 2.00 PETANG
- Bayaran memasuki Tender ialah \$100.00 bagi tiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada Penender-Penender. Bayaran hendaklah dibayar di:-
Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,
Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Spesifikasi dan butir-butir lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diperolehi semasa membuat pembayaran nanti.
 4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak dilayan.
 5. Pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Perhatian:-

Pemborong-pemborong yang menghantar Tawaran hendaklah menyertakan bersama Salinan Siji Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors.



**ELAKKAN MEMBUAT PESANAN RINGKAS
MENGUNAKAN TELEFON BIMBIT KETIKA MEMANDU**